Bil. 72

Isnin
3 Disember 2001

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 12)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2002 (Halaman 13)

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.39 (Halaman 15)
Maksud B.40 (Halaman 36)
Maksud B.41 (Halaman 55)
Maksud B.42 (Halaman 75)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2002

Jawatankuasa:-

Maksud P.39 (Halaman 15)
Maksud P.40 (Halaman 36)
Maksud P.41 (Halaman 55)
Maksud P.42 (Halaman 75)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
2002

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

" Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

" Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

" Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

Yang Berhormat	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)

Yang Berhormat	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
"	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)

Yang Berhormat	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)

Yang Berhormat	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

Yang Berhormat	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK
Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PERUNDANGAN
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 3 Disember 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Railey bin Haji Jaffrey [Silam]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kebenarannya bahawa kumpulan militan Islam di Malaysia ada kaitan dengan kumpulan militan di Filipina dan Indonesia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini tidak terdapat apa-apa bukti yang kukuh yang menunjukkan bahawa Kumpulan Militan Islam Malaysia mempunyai kaitan atau perhubungan dengan mana-mana kumpulan militan Islam di Filipina. Walau bagaimanapun, beberapa ahli Kumpulan Militan Islam Malaysia telah disahkan mempunyai kaitan dengan kumpulan militan Islam di Indonesia melalui penglibatan mereka di Ambon, Indonesia. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia dan Indonesia telah bersetuju untuk bekerjasama khususnya dalam pertukaran maklumat dalam usaha bersama untuk memantau dan menangani isu ini.

Di samping itu, Malaysia bersama-sama Filipina dan Indonesia juga sedang merangka satu perjanjian untuk mengatasi masalah jenayah-jenayah internasional, dengan izin, termasuk isu kumpulan militan dan ekstremis.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran perisytiharan perang oleh Gabenor Misuari di Filipina Selatan baru-baru ini yang juga menyebabkan peperangan di antara militan Islam dengan tentera kerajaan Filipina dan juga melibatkan kumpulan Abu Sayyaf dengan MNLF, soalannya ialah adakah peristiwa pencolekan di Pulau Sipadan dan Pandanan tahun lepas di Sabah ada hubungan kait dengan saudara Nur Misuari, kerana apabila diisytiharkan perang di Selatan Filipina, kumpulan Abu Sayyaf segera menyokong dia bersama-sama dengan MNLF.

Yang kedua, peperangan di Filipina telah berlanjutan selama lebih 20 tahun sekarang, adakah kemungkinan-kemungkinan mereka diberikan peluang untuk adakan pungutan suara seperti apa yang berlaku di Timor Timur baru-baru ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Bolehkah ulangkan soalan kedua?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Kedua-dua?

Tuan Yang di-Pertua: Kedua.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Ekoran daripada perisytiharan perang oleh Gabenor Misuari di Filipina Selatan baru-baru ini yang melibatkan MNLF dan juga kumpulan Abu Sayyaf dalam pencolekan di Pulau Sipadan tahun lepas, adakah juga kemungkinan-kemungkinan pencolekan itu melibatkan saudara Nur Misuari kerana kumpulan Abu Sayyaf ini merupakan sebahagian daripada orang yang terlibat dalam peperangan di Filipina Selatan.

Yang kedua, apa kemungkinan-kemungkinan yang boleh dilakukan untuk mengadakan pungutan suara di Filipina Selatan memandangkan peperangan berlarutan lebih 20 tahun pada hari ini. Maknanya, maksud saya kalau Timor-Timur boleh diberikan peluang untuk pungutan suara dan merdeka, apa pula kemungkinannya di Filipina Selatan. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah banyaknya kemungkinan tetapi saya tidak dapat memastikan atau penglibatan Nur Misuari dengan secara langsung serta kita tiada bukti yang kukuh di sini. Keduanya, mengenai pungutan suara untuk mendapat autonomi atau kemerdekaan di Selatan Filipina, itu terserah kepada penyelesaian antara kedua pihak yang terlibat sehinggalah

satu perkara yang melibatkan isu pedalaman negara Filipina dan kita tidak membuat apa-apa spekulasi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maksud Kumpulan Militan Islam Malaysia yang disebut sebentar tadi, saya ingin tahu sebelum daripada ini Kumpulan Militan Malaysia ini disebut Kumpulan Mujahidin. Oleh kerana barangkali pihak pimpinan merasai tidak sesuai mengatakan Kumpulan Mujahidin ini, maka diubah nama dengan menamakan Kumpulan Militan Malaysia. Saya ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk mengubah kembali nama Kumpulan Militan Islam Malaysia ini kepada kumpulan militan sahaja seperti mana kumpulan militan di Filipina yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang membuat soalan asal tadi.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Setakat ini kita tidak ada cadangan begitu, Yang Berhormat.

2. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada sedar di dalam pengawalan pencemaran udara yang serius di Malaysia ini, apakah tindakan tegas Jabatan Alam Sekitar selain dari mengeluarkan kompaun terhadap pengilang yang terlibat dalam melakukan pencemaran udara dan tidak mematuhi arahan Jabatan Alam Sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Nibong Tebal bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Kota Belud bertarikh 5 Disember 2001 iaitu mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa selain daripada mengeluarkan kompaun, tindakan tegas yang boleh diambil oleh kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar dalam pengawalan pencemaran udara ialah mengambil tindakan mahkamah dan juga mengenakan tindakan perintah larangan, memberhentikan operasi kilang seperti mana diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Untuk makluman seterusnya bahawa Jabatan Alam Sekitar secara berterusan telah memantau kualiti alam sekitar di kawasan perindustrian berat dan lain-lain kawasan bagi memastikan kualiti alam sekitar sentiasa berada di tahap yang terkawal. Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan lawatan, penguatkuasaan secara tetap dan berterusan di kawasan-kawasan industri bagi memastikan setiap kilang mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling dan tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana kilang atau mana-mana pihak yang melanggar peraturan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil daripada kerja-kerja penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tempoh Januari hingga September 2001 sebanyak 108 kes pencemaran yang melanggar kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dihadapkan ke mahkamah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 61 kes adalah melibatkan kilang-kilang di kawasan perindustrian berat. Suka juga saya memaklumkan bahawa setakat ini kita mempunyai 11 stesen pengawasan kualiti udara automatik yang dipasang secara kekal di kawasan-kawasan perindustrian yang terpilih bagi memantau kualiti udara secara berterusan di kawasan tersebut.

Tuan Goh Kheng Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah kesan sampingan jangka masa panjang yang akan dihadapi oleh setiap rakyat akibat daripada pencemaran udara ini dan apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi kesan sampingan tersebut. Sekian.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita semua menyedari apakah kesan-kesan buruk yang akan menimpa kepada orang ramai ekoran daripada pencemaran udara yang tidak terkawal berlaku dalam negara yang tentunya akan menjejaskan masalah terutama sekali masalah kesihatan, dan kerana itulah kita tidak putus-putus untuk mengadakan program-program termasuklah program pendidikan kepada generasi muda, anak-anak sekolah dan sebagainya selain daripada program pengawalan dan juga penguatkuasaan yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jabatan Alam Sekitar telah mengambil banyak langkah untuk mengawal pencemaran udara di negara kita. Tetapi masalah yang terbesar setiap tahun adalah disebabkan oleh pencemaran udara di negara jiran yang bertiup ke negara kita. Apakah langkah yang telah diambil kerana masalah membakar hutan secara meluas di negara jiran masih berlaku dengan berleluasa dan ini adalah punca pencemaran udara yang utama di negara kita. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memang menyedari bahawa salah satu penyumbang berlakunya pencemaran udara yang buruk di negara ini ialah akibat daripada pembakaran terbuka yang dilakukan oleh negara jiran ataupun perbuatan aktiviti-aktiviti pembakaran terbuka di negara jiran yang kita maklum. Kita telah pun mengadakan jawatankuasa bersama dengan pihak ASEAN khususnya dengan Kerajaan Indonesia sendiri kita ada mesyuarat yang dianggap regular, dengan izin, untuk membincang dan cuba mengatasi masalah berkenaan.

Seperti yang kita maklum bahawa masalah yang paling serius pernah kita hadapi ialah di sekitar tahun 1997, tetapi selepas itu nampaknya masa ini telah dapat kita atasi dan sehingga alhamdulillah, keadaan tersebut telah bertambah baik.

3. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah keselamatan tambahan yang telah diambil oleh kerajaan ke atas lapangan terbang di negara ini berikutan kejadian yang berlaku di Amerika.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon supaya soalan ini dijawab bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan pada 4 Disember 2001 dan Yang Berhormat bagi Lanang pada 11 Disember 2001 kerana isu yang dikemukakan adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, akibat serangan pengganas ke atas bangunan-bangunan Pusat Dagangan Dunia dan Pentagon di Amerika pada 11 September 2001 semua pihak yang berkenaan khasnya Malaysia Airport Holdings Bhd., Penerbangan Malaysia dan Jabatan Penerbangan Awam telah mengambil dan menyelaraskan tindakan masing-masing untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan di semua lapangan terbang.

Jabatan Penerbangan Awam sebagai badan kawal selia penerbangan awam di negara ini telah mengeluarkan arahan yang perlu dipatuhi oleh semua lapangan terbang dan syarikat penerbangan iaitu peningkatan langkah-langkah keselamatan yang berkuat kuasa meliputi semua operasi semua pesawat perkhidmatan penumpang domestik dan yang berlepas dari Malaysia. Arahan ini dikeluarkan pada 5 Oktober 2001 dan berkuat kuasa serta-merta dan seterusnya sehingga diberitahu kelak.

Secara ringkas di antara langkah-langkah penting yang terkandung dalam pekeliling berkenaan untuk meningkatkan keselamatan termasuk:

(a) menyenaraikan bahan barangan yang dilarang dibawa masuk dalam kabin pesawat;

(b) tindakan-tindakan pemeriksaan penapisan yang perlu ke atas penumpang dengan penggunaan alat pengesan elektronik ataupun dengan sentuhan tangan ke badan-badan penumpang;

(c) tindakan pemeriksaan fizikal terhadap bagasi yang telah diperiksa;

(d) pemeriksaan terhadap semua crew operasi dan tugasan;

(e) meningkatkan tahap pemeriksaan atas pesawat selepas servis dan sebelum penumpang memasuki pesawat;

(f) syarikat penerbangan hendaklah mengawasi pesawat semasa berada ataupun semasa pesawat berlabuh serta memastikan tiada laluan masuk dibenarkan semasa membuat pemunggahan dilakukan;

(g) semua barangan courier dan bungkusan hendaklah dihantar dan diproses sebagai kargo udara.

Langkah-langkah peningkatan ini adalah tertakluk kepada kajian semula dari masa ke semasa yang berkaitan dengan ancaman keselamatan terhadap industri pengangkutan udara negara. Sekian.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Kalau kita lihat langkah-langkah yang disebutkan, ini merupakan langkah-langkah standard yang juga dipraktikkan di negara-negara lain. Tetapi walaupun adanya langkah-langkah demikian keselamatan lapangan terbang dapat dibolosi di Amerika.

Saya ingin tahu setakat mana keyakinan bahawa langkah-langkah ini akan dapat membanteras sebarang pencerobohan terhadap keselamatan lapangan terbang kita dan adakah kementerian juga bersedia untuk menerima langkah-langkah keselamatan yang baru terhadap kokpit dalam kapal terbang seperti yang dicadangkan di Amerika. Umpamanya diadakan langkah keselamatan yang lebih ketat, kokpit yang tidak dapat ditembusi oleh penceroboh dengan mudah dan juga penggunaan senjata leser yang melumpuhkan penceroboh seperti yang dicadangkan oleh industri ini di Amerika. Adakah kementerian juga bersedia untuk menerima cadangan-cadangan demikian. Terima kasih,

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Terima kasih Yang Berhormat. Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Penerbangan Awam, kerajaan untuk memastikan adanya keselamatan di lapangan terbang adalah langkah-langkah yang diambil melalui pengalaman-pengalaman oleh negara yang terkena kepada ancaman keselamatan itu sendiri. Jadi, itu adalah sebaik-baik amalan dan langkah praktis yang perlu diambil oleh mana-mana negara yang lain.

Yang kedua, mengenai keselamatan di pesawat sendiri atau di kokpit sendiri, pihak kerajaan dan pihak Jabatan Penerbangan Awam akan sentiasa dari semasa ke semasa mengkaji langkah-langkah dan amalan-amalan yang terbaik yang diikuti di mana-mana di dunia ini. Jika langkah itu terbaik dan jika langkah itu praktikal, kita juga akan mengikutinya. Walaupun diikuti di Amerika, kita juga mengikutinya di sini kalau dipandangkan langkah itu terbaik terutamanya sama ada perlu diadakan "Air Marsyal' dalam pesawat ataupun sama ada perlunya crew atau pun anak-anak kapal dilengkapi dengan kaedah-kaedah pertahanan dan sebagainya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apabila berlaku sesuatu perkara pada pesawat selalunya bukan sahaja pesawat itu diambil tindakan ataupun dibuat persediaan tetapi juga melibatkan anggota-anggota lain misalnya Pasukan Gerak Khas ataupun Komando dan sebagainya, apakah kerajaan telah bersedia atau apakah bentuk penyelarasan yang dibuat oleh kementerian dan agensi-agensi lain yang bertanggungjawab dalam soal ini sekiranya berlaku sesuatu perkara boleh kita atasi dan juga apakah hubungan kita dengan negara lain, misalnya jika pesawat kita mengalami masalah ini di luar negara. Apakah kita bersedia untuk berurusan dengan negara lain melalui perjanjian tertentu mengenai perkara ini? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada perkara-perkara seperti ini berlaku seperti '*hijacking*' dan sebagainya ini dianggap sebagai rusuhan. Jikalau perkara ini berlaku dalam negara kita, maka kerajaan bersedia untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini dan membasmikannya.

Jikalau perkara ini berlaku di luar negara mengenai pesawat negara kita sememangnya sudah ada kerjasama dengan kerajaan negara lain mengenai perkara ini. Tetapi tindakan-tindakan yang diambil nanti jikalau berlakunya perkara seperti ini, asasnya adalah kepada masalahnya adalah tertumpu kepada negara itu sendiri untuk menyelesaikannya. Tetapi walau bagaimanapun kerjasama negara kita untuk menyelesaikan masalah itu berkaitan dengan pesawat kita dicerobohi umpamanya, ada di antara kita dengan negara-negara lain.

***[Soalan No. 4** – Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu] tidak hadir].*

5. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan adakah pihaknya sedar akan kesesakan serius yang berlaku di

Pejabat Pos terutamanya yang melibatkan perkhidmatan pelbagai urusan bayaran lesen-lesan, bilangan-bilangan dan perkhidmatan mel pada masa-masa tertentu setiap bulan dan bersetuju untuk menambahkan kaunter perkhidmatan terutamanya di Pejabat Pos Pangkor.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Pos Malaysia Berhad sedar berlakunya kesesakan di pejabat-pejabat pos tertentu di seluruh negara yang melibatkan perkhidmatan kaunter. Bagi mengatasi kesesakan ini, PMB telah membina pejabat-pejabat pos baru dan meningkatkan keupayaan pejabat–pejabat pos lama mengikut keperluan dan keupayaan PMB. Sehingga kini terdapat 639 pejabat pos di seluruh negara berbanding dengan 569 sebelum Jabatan Pos dikorporatkan pada tahun 1992.

Di samping itu usaha-usaha yang berterusan juga dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan kakitangan PMB untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang awam. Penambahan kaunter perkhidmatan di Pejabat Pos Pulau Pangkor telah dikaji oleh pihak PMB. Hasil kajian tersebut mendapati adalah memadai Pejabat Pos Pulau Pangkor dikendalikan oleh dua orang anggota kerani pos sedia ada. Ini adalah kerana jumlah tertinggi transaksi harian di Pejabat Pos Pulau Pangkor berjumlah 179 iaitu agak rendah berbanding dengan pejabat-pejabat lain di negeri Perak seperti Kampung Kor, Pokok Asam dan Changkat Jering.

Suatu pemantauan khas telah dibuat oleh PMB terhadap petugas yang bertugas di Pejabat Pos Pulau Pangkor. Pemantauan tersebut mendapati salah seorang petugas kaunter pejabat pos tersebut tidak dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Tindakan segera telah pun diambil dengan menukarkan petugas tersebut ke pejabat lain dan sebagai gantinya satu perlantikan baru telah dibuat pada 3 September 2001 dengan melantik anak tempatan Pulau Pangkar sendiri menjadi petugas kaunter pejabat pos berkenaan.

Semenjak daripada pelantikan tersebut sehingga kini tidak ada aduan diterima daripada pengguna-pengguna di Pulau Pangkor. Sekian, terima kasih.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri. Pejabat pos merupakan pasar raya perkhidmatan sekarang dengan izin '*service supermarket*', jadi selain daripada urusan mail berbagai urusan dijalankan di pejabat pos seperti membayar lesen memandu, membayar cukai jalan, caruman EPF, SOCSO, ASN dan membaharui pendaftaran perniagaan, bayaran bilangan telefon, air dan elektrik. Jadi di tempat-tempat yang lain ada pilihan yang lain untuk urusan-urusan ini.

Seperti di Sitiawan, bil elektrik boleh dibayar di Pejabat TNB ataupun di pejabat pos ataupun lesen memandu boleh diperbaharui di pejabat pos ataupun di pejabat JPJ. Tetapi di Pulau Pangkor, tidak ada pilihan. Semua urusan ini perlu dijalankan di pejabat pos sahaja. Sebab tidak ada pejabat TNB untuk mengutip bil elektrik dan sebagainya untuk urusan yang lain. Jadi, bila TNB menentukan bahawa kalau kelewatan bayaran bil elektrik akan dikenakan denda. Jadi, penduduk di Pulau Pangkor perlu membayar bil mengikut jadual ataupun masa yang ditetapkan. Oleh kerana itu timbul masalah perkhidmatan pos di mana bila sampai masa untuk membayar bil elektrik, begitu panjang sekali baris untuk membayar bil.

Bolehkah kementerian menentukan bahawa pada masa-masa yang tertentu seperti pada musim membayar bil elektrik dan sebagainya menambah bilangan pekerja di kaunter pos di Pulau Pangkor. Sekian sahaja, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pejabat pos merupakan satu '*centre*' yang membolehkan pengguna-pengguna membayar bil-bil atau lesen serta perkhidmatan yang lain dan PMB sentiasa prihatin yang di mana berlaku kesesakan perkhidmatan kaunter, PMB akan membuat kajian sama ada di tempat itu menambah kakitangan pos atau di kawasan yang berhampiran membuka pejabat pos baru. Ini adalah untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Cadangan Yang Berhormat tadi saya ingin menjelaskan kerana baru-baru ini satu kajian telah dibuat oleh PMB di mana terdapat jumlah transaksi harian di Pejabat Pos Pulau Pangkor adalah 179. Ini bermakna satu angka yang agak rendah. Jadi,

kalau kita bandingkan dengan Bantung di mana bilangan transaksi tertinggi adalah 700 sehari. Jadi kita boleh timbanglah apabila kesesakan di satu masa yang tertentu contohnya di awal bulan atau di akhir bulan di mana kalau betul ada banyak transaksi yang berlaku, penambahan kakitangan sementara akan diadakan. Jadi cadangan ini kita boleh timbang.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Selain Pejabat Pos di Pangkor, pejabat pos lain di seluruh negara pun menghadapi masalah kesesakan yang sama seperti di Pudu dan Bandar Tun Razak yang memberi khidmat kepada ramai penduduk yang mana pejabat pos menyediakan lebih 30 perkhidmatan. Mengapakah sehingga sekarang pejabat pos enggan menambah kakitangan dan kaunter perkhidmatan untuk mengelakkan orang ramai berbaris panjang. Terima kasih .

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, bagi perkhidmatan mel antara beberapa tindakan telah diambil seperti membeli peralatan yang lebih moden bagi memproses dan mengasingkan surat, memberi latihan bagi meningkatkan kecekapan kakitangannya dan mengadakan ruang kerja yang luas dan selesa bagi anggotanya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, PMB juga secara berterusan meningkatkan perkhidmatan kaunter, ini bermakna Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi telah menyatakan kesesakan berlaku di Pejabat Pos Pudu dan Bandar Tun Razak, sebenarnya saya telah membuat pemeriksaan, Pejabat Pos di Bandar Tun Razak tidak ada masalah berlaku, memang Jalan Pudu yang di mana ramai penduduk.

Walau bagaimanapun, PMB pun telah mengambil beberapa langkah seperti menambahkan bilangan kaunter di pejabat-pejabat pos, mengambil anggota baru dan menyediakan sistem tiket giliran bagi pengguna dan menambah peralatan di kaunter-kaunter pejabat pos.

Jadi, semua tindakan ini pun telah dan sedang diambil supaya pejabat pos akan memberi perkhidmatan yang baik kepada pengguna. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah majikan yang gagal mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan jumlah kewangan yang terlibat serta apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah majikan yang tidak mencarum malah tidak berdaftar dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kerana ia melibatkan kepentingan ramai pekerja.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2000 daripada 318,218 majikan berdaftar, sebanyak 17,983 majikan atau 5.65% telah gagal membayar caruman melibatkan amaun sebanyak RM352.73 juta.

Daripada 17,983 majikan yang gagal mencarum sebanyak 3,040 majikan telah didakwa di mahkamah dengan dikenakan denda berjumlah RM2.4 juta.

Manakala bagi tahun 2001 sehingga 30 September daripada 331,682 majikan berdaftar, sebanyak 17,424 majikan atau 5.25% telah gagal membayar caruman melibatkan amaun sebanyak RM359.03 juta, di mana sebanyak 2,131 majikan telah disaman ke mahkamah.

Tindakan yang diambil terhadap semua baki majikan yang belum didakwa adalah dalam pelbagai peringkat, antaranya adalah seperti berikut:-

(i) Sebahagian besar majikan telah membuat bayaran dan sedang dalam tindakan pelarasan.

(ii) Tindakan menaksir caruman termasuk caruman tertunggak sedang dilakukan.

(iii) Majikan telah berpindah dan usaha sedang dilakukan untuk mengesan pengarah, pemilik ataupun rakan kongsi perniagaan ataupun syarikat.

(iv) Proses pendaftaran kes di mahkamah sedang dilakukan untuk tindakan pendakwaan.

KWSP menggunakan sistem maklumat berkomputer untuk mengawasi bayaran bulanan majikan. Melalui sistem ini KWSP dapat mengenal pasti dan dengan

segera majikan-majikan yang gagal mencarum bagi membolehkan pegawai-pegawai pemeriksa membuat siasatan.

Di samping melaksanakan penyiasatan terhadap majikan berdaftar yang gagal mencarum, KWSP juga membuat pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis perniagaan. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan majikan berdaftar dengan KWSP serta membayar caruman bagi semua pekerja mereka.

Pada tahun 2000 sebanyak 60,521 premis majikan telah diperiksa di mana sejumlah RM8.6 juta caruman tertunggak telah ditaksirkan dan 887 majikan baru didaftarkan.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan di atas, KWSP juga mengadakan kempen kesedaran di kalangan pekerja-pekerja dengan menggalakkan mereka membuat pemeriksaan ke atas penyata KWSP masing-masing dan membuat aduan sekiranya terdapat majikan yang tidak membayar caruman mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah kedudukan majikan yang telah menutup perniagaan yang masih berhutang caruman pekerja, berapa banyak yang terlibat dan apakah cadangan kerajaan untuk membela nasib pekerja tersebut. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak kira sama ada dia masih menjalankan perniagaan ataupun telah menutup perniagaannya, kita akan mengambil tindakan termasuk tindakan mahkamah supaya apa yang kena dibayar kepada pencarum harus dibayar sehingga kita membankrapkan majikan yang berkenaan dan di mana didapati mereka benar-benar tidak mampu menjelaskan caruman atas apa yang dikenakan dibayar kepada pekerja, bila kita telah mengambil semua tindakan, maka kita akan menggunakan hasil daripada KWSP untuk membayar bahagian pekerja.

Maka dengan cara ini kepentingan semua pekerja dapat diperlindungi oleh KWSP.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri ....

Tuan Yang di-Pertua: Saya panggil Tambun Yang Berhormat, dia bangun dari tadi lagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya beri kepada Pengerusi Backbencher dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada pandangan kerajaan mengapa berlaku kes majikan tidak membayar caruman pekerja, 5.5% satu angka yang tinggi, adakah kerana undang-undang kita tidak begitu kuat di mana hukumannya ringan ataupun penguatkuasaan daripada KWSP tidak begitu kemas ataupun pekerja tidak tahu hak mereka, tidak wujud satu mekanisme untuk mereka menyemak pembayaran caruman tersebut dan tidak mempunyai acess dengan KWSP.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat dari Tambun. Sebenamya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun adalah merupakan sebab-sebab yang tertentu yang menyatakan mengapa masih terdapat majikan yang tidak membayar caruman pekerja, kesemua yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat merupakan sebab-sebab yang telah dikenal pasti, antaranya mungkin kita berpendapat juga hukuman yang dikenakan kepada majikan yang gagal menjelaskan pencarum, mungkin tidak berat juga kerana setakat ini mereka yang di bawa ke mahkamah dan dibuktikan salah, mereka cuma dikenakan denda tidak melebihi daripada RM10,000 dan penjara tidak melebihi enam bulan, mungkin khususnya daripada segi denda yang tidak melebihi RM10,000 ini mungkin adalah dianggap satu hukuman yang tidak cukup berat, mungkin pihak kerajaan akan mengkaji dari segi ini untuk mencari jalan untuk menangani masalah ini. Sekian, terima kasih.

7. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilangan kontrak payung mengikut negeri dan prestasi masing-masing serta bilangan yang telah diambil tindakan kerana tidak mematuhi perjanjian pelaksanaan projek.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 2001 kementerian telah mengubahsuai pelaksanaan projek jalan kampung konsep payung kepada konsep bersepadu.

Di bawah kaedah ini urusan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dibuat secara bersepadu melibatkan pihak negeri dan daerah. Di bawah kaedah ini juga lebih banyak syarikat induk telah dilantik. Pelaksanaan kaedah ini juga telah diperluaskan kepada program lain seperti bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar dan lampu jalan kampung.

Bagi tahun 2001 sebanyak 74 kontraktor induk telah ditawarkan kerja iaitu 37 kontraktor bagi program projek jalan kampung, tiga kontraktor bagi program bekalan elektrik luar bandar, 21 kontraktor bagi program bekalan air luar bandar dan 13 kontraktor bagi program lampu jalan kampung.

Untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, pelaksanaan program bekalan elektrik luar bandar dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad dan setakat ini belum ada lagi kontraktor induk yang telah diambil tindakan kerana tidak mematuhi syarat perjanjian kontrak.

Puan Lim Bee Kau: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi walaupun soalan itu tidak seteliti seperti yang diminta oleh jawapan saya, walau bagaimanapun, memandangkan bahawa sistem sepadu ini sebenarnya telah menyebabkan banyak juga masalah, sebab kita dapati bahawa kontraktor sepadu ini mereka kebanyakan adalah daripada tempat-tempat luar dan mereka tidak begitu biasa dengan tempat-tempat yang perlu mereka laksanakan projek ini.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada kementerian ada cadangan untuk menukar sistem ini supaya projek-projek yang ingin diberikan kepada kawasan-kawasan yang tertentu diberikan terus kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan ini juga akan dapat memastikan bahawa peruntukan ini akan dapat dimaksimumkan sampai ke akar umbi, kalau kementerian tidak mempunyai cadangan yang sedemikian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya kementerian menimbangkan cadangan saya ini. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas pandangan dan cadangan daripada Yang Berhormat dan kementerian dari semasa ke semasa akan sentiasa mencari jalan untuk mengatasi segala kelemahan yang ada.

Sebagai latar belakang, konsep ini daripada konsep payung kepada konsep bersepadu telah diperkenalkan sebab laporan audit, teguran audit, sebab itu, sebab dahulunya segala projek demikian telah diagihkan terus kepada pejabat daerah tetapi memandangkan beban kerja dan juga memandangkan tidak ada spesifikasi yang telah diolahkan sebelum projek ini turun, sebab itulah diperkenalkan konsep payung pada mulanya dan sekarang ini ditambahkan pula bersepadu di mana kita telah mengatasi sedikit sebanyak kelemahan dengan adanya sistem perunding untuk mengadakan spesifikasi atau *bill of quantity*, supaya bila kontraktor ini menjalankan tugasnya atau menjalankan kerjanya, ia mengikut bills of quantities yang telah ditetapkan oleh pihak perunding.

Jadi, terima kasih Yang Berhormat dari segi kontraktor tadi, kontraktor pelaksana, memang sekarang ini walaupun kontraktor induk mungkin bukan tempatan, tetapi kontraktor pelaksana telah ditetapkan mestilah daripada tempat projek itu dilaksanakan bermakna tempatan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, sebenarnya terlalu banyak kelemahan yang kita nampak daripada pembinaan projek-projek di kampung-kampung, seperti jalan-jalan kampung. Saya nampak di kawasan saya di Padang Terap, jalan yang dibuat tidak sampai dua bulan terkopak balik, jadi maknanya nilai kerja itu tidak begitu baik.

Jadi, di sini saya ingin tahu apakah bentuk piawaian yang telah ditentukan oleh kementerian bagi mempertingkatkan nilai kerja itu, supaya wang yang kita labur itu tidak membazir, kalau tidak dua bulan selepas dua bulan kemudian buat balik. Jadi minta penjelasan.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, memang kita akui, memang ada masalah dari segi kualiti kerja tetapi kontraktor pelaksana dan kontraktor induk memang kita ikatkan supaya dalam tempoh satu tahun mereka harus kembali dan menyelenggarakan jalan-jalan yang telah dibuat.

Satu masalah Yang Berhormat, apa yang berlaku, ada dua jenis jalan, satu memang di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, satu jalan memang dibuat oleh Kerajaan Tempatan, jadi itu kena tahu jalan mana. Lepas itu memanglah telah ditetapkan bahawa jalan itu adalah untuk kenderaan yang ringan tetapi banyak kali berlaku kenderaan berat pun masuk dalam jalan itu menyebabkan tidak lama lepas dibuat jalan itu mesti akan rosak. Jadi ini adalah satu masalah yang dialami oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk memastikan kenderaan-kenderaan tertentu janganlah melintasi khasnya jalan kampung, sebab jalan kampung ini jalan kecil-kecil dan oleh yang demikian juga Yang Berhormat kementerian telah mengadakan peruntukan yang secukupnya untuk mengadakan penyelenggaraan jalan mulai tahun ini, terima kasih.

8. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan pekerja yang menerima pinjaman dari Tabung Kemahiran Pekerja dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menarik lebih ramai pekerja menggunakan tabung ini untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abd Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pekerja yang mendapat pinjaman daripada Tabung Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia sehingga bulan November tahun ini ialah seramai 1,037 orang. Kerajaan telah menjalankan berbagai cara untuk menarik orang ramai khususnya bilangan pekerja supaya mengambil faedah daripada kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan. Ini termasuk hebahan-hebahan dari media massa seperti TV, radio dan akhbar-akhbar juga seminar-seminar serta taklimat bagi tujuan memberitahu orang ramai tentang kemudahan pinjaman yang disediakan oleh kerajaan turut diadakan bukan sahaja oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran malah oleh agensi-agensi lain di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti Jabatan Tenaga Rakyat dan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, memandangkan ekonomi negara kini mengalami kemerosotan dan ramai graduan dan juga profesional-profesional akan menghadapi pengangguran. Adakah kerajaan ataupun kementerian memberi pertimbangan kepada pekerja-pekerja profesional dan mahasiswa-mahasiswi, graduan-graduan yang lepasan universiti untuk meminjam daripada tabung ini untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam bidang-bidang kemahiran sahaja khususnya dalam bidang-bidang yang tertentu yang tidak di dapati di negara ini dan apakah negara–negara yang dikenal pasti oleh kementerian untuk membolehkan graduan-graduan kita belajar bidang-bidang kemahiran yang tertentu ini. Adakah kementerian mempunyai rancangan dalam hal ini.

Dr. Abd Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat dari Bentong. Skim-skim yang kita umumkan khususnya yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam preemptive budget yang berjumlah RM4.3 billion baru-baru ini dan sebahagian daripada RM267 juta disediakan bukan saja untuk mereka-mereka yang diberhentikan kerja tetapi juga pada mahasiswa-mahasiswa yang menganggur.

Walau bagaimanapun pinjaman khusus daripada tabung khusus untuk mereka, khususnya mahasiswa yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran *skill* ke luar negara tidak dibawa bersama dalam perbincangan. Oleh yang demikian kita merasakan bahawa segala kursus kemahiran masih lagi boleh terdapat dalam negara dan tidak perlu dana khusus disediakan bagi para mahasiswa untuk pergi ke luar negara dan mendapatkan latihan dalam kemahiran.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada angka yang diberikan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri nampaknya yang mendapat faedah daripada Tabung Kemahiran Pekerja adalah kecil iaitu 1,037 orang sedangkan dana yang diperuntukkan besar, jadi bagi pihak kementerian apakah faktor-faktor dan penyebab sehinggakan bilangannya *takers* ini kecil, adakah kerana selepas ini bebannya besar ditanggung oleh mereka-mereka yang mendapat faedah daripada sini ataupun mungkin iklannya kurang dan sebagainya. Apakah faktor-faktor yang dikesan oleh kementerian sehingga mereka mendapat faedah bilangannya adalah agak kecil, terima kasih.

Dr. Abd Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada sahabat saya Jeli, kalau nak cerita faktornya panjang Tun. Cuma saya nak beri maklum bahawa Kementerian Sumber Manusia ada banyak tabung. Tabung Pembangunan Kemahiran ini kita beri khususnya sebenarnya untuk *pre-employment training* maksudnya kita berikan kemahiran kepada mereka-mereka sebelum mereka masuk ke pasaran pekerja. Oleh kerana pada tahun ini ekonomi Amerika lembap maka kita panjangkan Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) ini kepada pekerja dan kita perluaskan lagi dan permudahkan syarat-syarat permohonan tabung kemahiran tersebut.

Walau bagaimanapun kementerian ada satu lagi tabung yang kita kutip daripada majikan menerusi levy, dulu 1% daripada gaji bulanan sekarang kita turunkan 0.5%, yang ini memang untuk pekerja dan tabung ini memang digunakan secara meluasnya oleh golongan pekerja. Saya tidak ada *figure* khusus bagaimana pun kalau kita lihat 1,037 orang ini memang kecil berbanding dengan lebih kurang 18,000 orang yang telah mendapat nikmat daripada Tabung Pembangunan Kemahiran ini.

***[Soalan No. 9** – Tuan Mohd Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa) tidak hadir]*

11. **Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan-tindakan segera serta tindakan undang-undang yang telah diambil oleh pihak KWSP terhadap syarikat pengendali urusan pembelian komputer KWSP, konsortium dan ejen syarikat pembekal komputer di dalam menangani isu yang melibatkan 150,000 pembeli yang masih belum menerima komputer yang bernilai lebih kurang RM525 juta.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September 2001 hanya 4,933 ahli yang masih belum mendapat bekalan komputer, iaitu 4,743 pembelian melalui Bank Simpanan Nasional dan 190 pembelian melalui Pos Malaysia Berhad. Antara tindakan yang telah diambil ke atas syarikat pengendalian urusan pembelian komputer, konsortium dan ejen syarikat pembekal komputer yang gagal membekal komputer kepada ahli adalah seperti berikut;

(i) Pada 7 September 2001 BSN telah menamatkan perkhidmatan konsortium UNIMAYA Berhad, salah satu daripada pembekalnya yang mempunyai banyak masalah pembekalan komputer kepada ahli-ahli KWSP.

(ii) Mulai 11 Oktober 2001 Kementerian Kewangan telah menggantung buat sementara skim pembelian komputer melalui BSN bagi membolehkan kajian dibuat bagi mengenal pasti masalah serta cara-cara mengatasinya; dan

(iii) KWSP melaksanakan pemantauan yang lebih kerap ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh Pos Malaysia Berhad di bawah skim ini dan mengadakan perbincangan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tun, terima kasih kepada Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat menyatakan jumlah sekarang ini 4,900 lebih tetapi semasa soalan saya buat ini seramai 150,000 pembeli yang dilaporkan tidak menerima komputer mereka dengan nilaian kewangan sebanyak RM525 juta dan kalau kita lihat dari segi masalah komputer ini bukan sahaja melalui KWSP iaitu kepada penyimpan-penyimpan ataupun ahli-ahli KWSP. Sekarang ini juga melibatkan sekolah-sekolah tapi ini bukanlah di luar, tapi maksudnya masalah komputer.

Jadi di sini saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat apakah kriteria-kriteria semasa kerajaan melantik konsortium ataupun ejen-ejen syarikat untuk membekalkan komputer kerana masalah ini selalu berlarutan. Yang kedua adakah

kerajaan tidak bercadang dengan tindakan yang diambil oleh syarikat-syarikat tertentu seperti UNIMAYA dan juga penggantung Yang Berhormat ceritakan tadi. Saya rasa tidak memadai kerana ini adalah wang rakyat, wang penabungan penyimpan dan saya menganggapkan perkara ini sebagaimana juga berlaku penyelewengan yang berlaku di dalam program PPRT. Jadi, adakah perkara ini kita nak biarkan dan saya bercadang supaya pihak kementerian membuat laporan polis supaya menyiasat secara lebih *detail,* secara lebih lanjut penyelewengan yang saya anggapkan ini. Terima kasih.

Datuk Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat, pihak kerajaan melantik pihak Pos Malaysia Berhad dan juga Bank Simpanan Nasional untuk menjadi pembekal dalam skim pembelian komputer ini adalah oleh kerana mereka mempunyai satu rangkaian *network* yang sangat luas, yang meliputi semua di seluruh negara, ertinya kalau sekiranya seseorang pencarum KWSP nak mengeluarkan wang untuk membeli komputer mereka boleh menghubungi sama ada pejabat pos ataupun Bank Simpanan Nasional di merata-rata tempat di seluruh negara oleh kerana *network* yang mereka mempunyai maka kita melantik kedua-dua agensi ini dijadikan pembekal dalam skim ini.

Pihak kerajaan memang memandang berat dan juga serius tentang apa jua penyelewengan yang didapati dalam skim ini, oleh kerana ini kita dari masa ke semasa mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani apa jua penyelewengan yang dilaporkan kepada pihak kerajaan dan termasuk menggantungkan, memberhentikan konsortium yang terlibat dalam penyelewengan, pihak kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara ini maka saya nak memberi jaminan di sini bahawa kita akan mengambil tindakan apa juga untuk memastikan bahawa skim ini akan dijalankan dengan baik kerana konsep 'satu keluarga satu komputer' ini merupakan satu konsep yang murni di mana kita akan menjayakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana perkara ini sering dibangkitkan. Sebenarnya apakah rasional kita menggunakan sistem sekarang? Apakah rasional kita menggunakan sistem sekarang – KWSP, konsortium dan ejen pengendalian kerana ada pendapat menyatakan melalui sistem tersebut dia melibatkan *costing* dua peringkat. Syarikat konsortium mendapat komisen dan juga pengendali mendapat keuntungan. Berbeza dengan jika terus dilaksanakan oleh KWSP. Tadi Yang Berhormat kata kerana tujuan *networking* . Tetapi dari segi *networking* pada pandangan saya, pencarum boleh terus memohon kepada KWSP di peringkat negeri. Tidakkah kerajaan sebelum ini telah memikirkan alternatif-alternatif yang lain yang lebih lagi efisien untuk melaksanakan skim ini? Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Bila kita melantik kedua-dua konsortium ataupun agensi kerajaan untuk mengendalikan skim pembelian komputer ini, satu perkara yang kita telah memastikan bahawa *costing* ataupun harga komputer yang dibekalkan melalui sama ada Pos Malaysia ataupun BSN tidak harus lebih tinggi daripada harga pasaran. Ini memang merupakan satu *condition,* dengan izin, yang kita telah memberikan kepada kedua-dua agensi ini.

Pihak kerajaan menerima bahawa ada kelemahan dalam kedua-dua konsortium ini ataupun sistem pembekalan yang sedia ada dan kita dari masa ke semasa mencari jalan untuk menyelesaikan apa sahaja masalah yang dihadapi supaya kita boleh mendapat satu skim yang betul-betul efisien untuk menjayakan program ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat ada cadangan yang baik, ada cadangan alternatif, ada cadangan yang boleh membantu kerajaan untuk mempertingkatkan efisiensi sistem ini, saya memang sangat mengalu-alukan. Sekian, terima kasih.

11. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi kerajaan terhadap Kerajaan Jepun yang sudah menukar fakta sejarah Perang Dunia Kedua dalam buku teks dan ujian sekolah bagi memberi gambaran Jepun melakukan perang jihad ke Asia dan Asia Tenggara yang dibantah oleh banyak negara.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jepun telah menyatakan bahawa perkara yang dibangkitkan di dalam buku teks dan ujian sekolahnya adalah bukan pendirian rasmi Kerajaan Jepun. Namun begitu, berikutan bantahan daripada Kerajaan Republik Korea dan Republik Rakyat

China, pihak Jepun telah meminda beberapa fakta sejarah dalam buku-buku teks tersebut sesuai dengan pandangan kedua-dua buah negara berkenaan. Kerajaan Jepun juga telah pun mengambil langkah-langkah perlu dan bersesuaian bagi menyelesaikan isu tersebut dengan pihak Republik Korea serta Republik Rakyat China melalui lawatan Perdana Menterinya ke kedua-dua negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kesediaan Kerajaan Jepun untuk menyelesaikan isu berkenaan secara rundingan dengan Republik Korea dan Republik Rakyat China adalah selaras dengan pendirian Malaysia agar sebarang masalah diselesaikan menerusi dialog dan perundingan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Cheras.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, penukaran fakta penaklukan tentera Jepun sering berlaku bagi tujuan memindahkan dosa-dosa yang dilakukan oleh Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Tetapi saya menyaksikan Kerajaan Malaysia juga membisu dan berdiam diri sedangkan negara-negara seperti Korea dan China memprotes sekeras-kerasnya terhadap pembohongan Kerajaan Jepun. Apakah sebabnya Malaysia tidak melakukan sebarang tindakan yang sesuai dan baik untuk memastikan pembohongan Kerajaan Jepun tidak akan berlaku lagi. Sebab ini satu dosa sejarah di mana pembunuhan berpuluh-puluh ribu nyawa yang tidak berdosa berlaku di Malaysia kerana *military invasion* oleh Jepun.

Maka saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bantuan yang pernah dihulurkan oleh Kerajaan Malaysia kepada rakyat yang pernah teraniaya dalam Perang Dunia Kedua disebabkan penaklukan Jepun seperti pembunuhan, penderaan, buruh paksa dan dipaksa jadi *comfort women* di mana perempuan-perempuan dari semua kaum di Malaysia pernah menjadi *comfort women* kepada askar Jepun. Apakah bantuan dihulurkan oleh Kerajaan Malaysia dalam mendapatkan tuntutan ganti rugi dari Kerajaan Jepun?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini lari jauh dari soalan asal. Tetapi kemungkinan ini adalah satu cara yang mengertikan fakta-fakta ini disebutkan tetapi ingin saya nyatakan di sini kita telah pun nyatakan di sini kita akan seterusnya membuat perundingan menyelesaikan secara dialog dan perundingan perkara ini dan mengenai isu-isu yang telah disebut oleh Yang Berhormat. Dan Yang Berhormat menanyakan pasal tuntutan atau kita bayar pampasan, kita tidak pernah memerangi atau menakluk mana-mana negara untuk kita memberikan pampasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk jawapan lisan selesai.

[Masa bagi Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT KEWANGAN PEMBANGUNAN 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan-peruntukan bagi pengawalan dan penyeliaan institusi-institusi kewangan pembangunan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2002

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2002 dan Usul Anggaran Perbelanjaan 2002 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". ***[Hari Kelapan]***

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan 18(8).

Tuan Yang di-Pertua: Berapa?

Tuan Kerk Kim Hock: 18(8) di mana Tuan Yang di-Pertua telah menolak usul tergempar yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Seputeh, satu alasan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tahu.

Tuan Kerk Kim Hock: Iaitu bahawa perlantikan rasmi Datuk Abdul Ghani sebagai Attorney General belum dibuat dan proses memohon sedang dijalankan. Tetapi pada 29 November ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim telah menyangkal penjelasan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya memandang serius perkara ini oleh kerana apa yang telah dikatakan kalau benar, oleh Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim itu bermakna bahawa apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua itu tidak betul. Dan Tuan Yang di-Pertua telah tolak usul Yang Berhormat Seputeh atas penjelasan yang saya percaya Tuan Yang di-Pertua telah dapat daripada pihak yang bertanggungjawab. Jadi bolehkah Tuan Yang di-Pertua beri satu penjelasan sebenarnya apa yang berlaku dan apakah yang betul? Oleh kerana ini melibatkan martabat Tuan Yang di-Pertua, dan Tuan Yang di-Pertua adalah Speaker Dewan dan ini melibatkan maruah dan imej Parlimen juga. Jadi minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada dua perkara itu, yang pertamanya yang mana yang betul di antara yang dibuat oleh Menteri, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat keputusan yang dibuat oleh *Speaker* itu ialah *conclusive* betul. Melainkan ditimbang semula mengikut Peraturan 43 dan kami telah pun menerima surat usul dibawa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh di bawah Peraturan Mesyuarat 43 untuk hendak mengetepikan keputusan yang telah saya buat itu. Dan usul ini akan dimasukkan ke dalam Urusan Mesyuarat mengikut lazim di bawah Peraturan Mesyuarat 83.

Tuan Kerk Kim Hock: Kita bukan mempertikaikan keputusan Tuan Yang di-Pertua, sama ada siapa yang betul? Kalau dia telah secara terang-terang menyangkal penjelasan Tuan Yang di-Pertua, ini pada saya .....

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah menjawab tadi Yang Berhormat. Mengikut Peraturan Mesyuarat, saya yang betul. *[Ketawa]*

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, okay. Jadi saya minta kita arahkan dia meminta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Parlimen. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya. Yang Berhormat daripada Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi saya hendak buat apa-apa, apa Yang Berhormat hendak?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah faks ke pejabat Tuan Yang di-Pertua mengenai mengkaji semula keputusan Tuan Yang di-Pertua itu, tetapi ia tidak dikeluarkan dalam *Order Paper* hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan esok, Yang Berhormat? Kena bagi notis dua hari.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dua hari?

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 43 kena bagi notis dua hari, besok.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya. Bolehkah saya minta keputusan yang penting ini dinaikkan ke agenda supaya kita semua kita boleh bahaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpulang kepada kerajaan yang mengikut Peraturan Mesyuarat 14.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat belum lagi, Yang Berhormat punya besok.

Puan Fong Po Kuan: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya ada kemukakan bagi notis .....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, besok Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat hantar pada petang hari Jumaat, kena ada 24 jam.

Puan Fong Po Kuan: Saya faham Tuan Yang di-Pertua. Notis saya beri berkenaan Peperiksaan CLP dan Keperluan Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja. Notis saya beri pada hari Khamis jam 3.20 petang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sepatutnya hari ini Tuan Yang di-Pertua harus memberi satu maklum balas terhadap usul di mana saya telah beri mencukupi masanya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak pernah dibuat macam itu, Yang Berhormat. Mengikut peraturan apabila satu Usul di bawah Peraturan 18 itu datang, saya kena menimbangkan selepas daripada 24 jam dan tidak ada peraturan yang membolehkan saya hendak *postpone* sehingga hari Khamis sebagainya. Kalau boleh saya akan buatlah tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat tidak boleh.

Puan Fong Po Kuan: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada Tuan Yang di-Pertua sudah terima notis tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ada terima.

Puan Fong Po Kuan: Hari Khamis, saya serah pada hari Khamis, 3.20 petang berkenaan Peperiksaan CLP. Notis berkenaan Peperiksaan CLP dan Keperluan .....

Tuan Yang di-Pertua: Saya belum terima lagi, Yang Berhormat. Nanti lepas ini saya akan semak.

Puan Fong Po Kuan: Saya telah serah pukul 3.20 petang hari Khamis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Fong Po Kuan: Bagaimana Dewan Parlimen boleh berjalan sedemikian? Ketidak*efficiency*?

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu saya terima, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Sudah terima ke belum, Tuan Yang di-Pertua?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, saya kena timbang dalam masa 24 jam ya. Saya akan timbang dalam masa 24 jam.

Puan Fong Po Kuan: Tetapi hari Khamis, Jumaat hari kerja 24 jam, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Eh, pada hari Jumaat, itu yang kami terima pada hari Jumaat.

Puan Fong Po Kuan: Saya serah pada hari Khamis jam 3.20 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, saya akan semak perkara itu ya.

Puan Fong Po Kuan: Saya harap usul itu tidak akan ditolak dalam ini dan kata perkara ini tidak perlu disegerakan kerana ketidak*efficiency* Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan gamat]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, saya akan.....

Beberapa Ahli: *[Membantah]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Majlis dalam Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Maksud B.39 [Jadual] –
Maksud P.39 [Anggaran Pembangunan 2002] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.39 dan Kepala Pembangunan P.39 di b-awah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas. Ya, Serdang.

11.14 pagi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Butiran 020000 – Perlesenan. Tuan Pengerusi, saya mahu minta penjelasan kalau lesen perkhidmatan awam telah dikeluarkan kepada satu-satu syarikat itu tetapi syarikat tersebut tidak mematuhi dan tidak menjalankan perkhidmatan itu menjadikan satu masalah kepada masyarakat tempatan. Misalannya stesen komuter Serdang sudah lama. Semasa wujudnya stesen ini, satu perjanjian telah ditandatangani antara Kementerian Pengangkutan dengan Park May dan lesen telah dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan pada lima tahun dulu untuk memberi syarikat Park May bagi menjalankan perkhidmatan awam dalam lingkungan 5 km daripada stesen itu supaya sebagai perkhidmatan *shuttle* kepada penumpang-penumpang boleh datang ke stesen komuter.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi, beberapa mesyuarat telah dipanggil untuk meminta apa sebabnya syarikat tersebut yang diberi lesen untuk perkhidmatan pengangkutan awam itu tidak dapat dijalankan. Pegawai daripada Lembaga Pelesenan datang juga tetapi dia minta bagi masa untuk menyiasat. Tetapi hingga kini masih belum ada apa-apa tanda untuk menjalankan perkhidmatan pengangkutan awam kepada penumpang-penumpang sekitar kawasan stesen komuter Serdang Lama.

Ini satu masalah yang dihadapi masyarakat tempatan di mana mereka tidak dapat pengangkutan sendiri untuk datang ke stesen komuter Serdang Lama itu. Ini satu masalah yang sedang dihadapi, dan mintalah penjelasan kalaulah syarikat itu tidak jalankan perkhidmatan sedemikian itu, apakah langkah diambil oleh kementerian – bolehkah gantikan satu syarikat lain untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan awam di sekitar kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, satu masalah yang sedang dihadapi iaitu sungutan dan rayuan sentiasa diterima di kawasan Puchong dan Serdang di mana syarikat bas yang diberi lesen untuk menjalankan perkhidmatan pengangkutan itu tetapi tidak memuaskan kerana taman-taman perumahan yang baru wujud tidak dapat masuk untuk menjalankan perkhidmatan itu. Jadi, surat rayuan sentiasa disiar dalam surat khabar di mana penduduk-penduduk begitu susah untuk mendapat pengangkutan awam.

Tuan Pengerusi, ini perkara penting untuk diberi pertimbangan khas. Kalau syarikat bas tidak dapat berbuat demikian, bolehkah kementerian timbangkan supaya mengadakan satu lesen untuk pengangkutan awam tempatan itu di mana boleh jadikan satu perkhidmatan pengangkutan awam itu lebih licin dari satu taman ke satu taman baru di mana kalau syarikat bas itu tidak boleh berbuat demikian, bolehkah bagi

peluang kepada syarikat tempatan yang ditubuhkan oleh orang tempatan. Jadi, bolehkah pihak kementerian menimbangkan cadangan demikian. Kalau boleh kita mewujudkan sistem pengangkutan awam tempatan supaya dapat atasi masalah yang tidak boleh diberi oleh syarikat bas sepanjang masa itu.

Tuan Pengerusi, satu perkara iaitu Program Giat MARA yang di dalam Butiran 00611. Saya minta tadi penjelasan daripada pihak kementerian, berapakah jumlah Pusat Giat MARA sudah didirikan di seluruh Malaysia ini? Mengikut garis panduan itu, setiap kawasan Parlimen ada wujudkan satu Pusat Giat MARA untuk memberi perkhidmatan kawasan tersebut. Apa sebabnya di kawasan Parlimen Serdang tidak ada?

Seorang Ahli: Ada minta? *[Ketawa]*

Dato' Yap Pian Hon: Minta sudah berapa kali. Tetapi walau bagaimanapun, ini satu sebab saya dengan rakan saya dalam Ketua UMNO Bahagian Serdang, Yang Berhormat Dato' Satim Diman mintalah pihak kementerian pun berilah kemudahan demikian di kawasan Parlimen Serdang. Mungkin ia akan diwujudkan di kawasan Puchong di mana banyak kampung-kampung di situ hendak dapatkan perkhidmatan dan latihan daripada Giat MARA bila diwujudkan di situ.

Program Giat MARA ini penting untuk kawasan luar bandar walaupun kawasan Parlimen Serdang ini dalam keadaan kawasan bandar dan luar bandar juga. Terdapat 20 kampung tradisi masih wujud di kawasan saya. Sepatutnya ada program Giat MARA dapat diwujudkan untuk mengadakan satu program untuk kawasan tersebut.

Ini sahaja saya minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

11.20 pagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya tidak tahu adakah saya dapat meneruskan ucapan ini kerana saya ingin berucap di bawah Kepala 0509500 – Peningkatan Keusahawanan iaitu berkenaan dengan Perbadanan Nasional Berhad. Mengikut soalan yang telah dikemukakan - soalan tambahan pada Dewan ini pada 20.11.2001, berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok di Dewan ini berkenaan dengan Perbadanan Nasional Berhad telah dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan. Maka dengan itu saya menganggap bahawa Perbadanan Nasional Berhad yang saya ingin ucapkan adalah termasuk dalam ruang lingkup kementerian ini. Boleh saya teruskan?

Pertama, saya ingin mendapatkan kepastian dari kementerian ini. Encik Shahrin bin Shaharuddin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PNS pada 15.11.2000, iaitu lebih kurang satu tahun yang lalu. Tidak sampai satu tahun dari pelantikannya beliau telah disoal siasat oleh Badan Pencegah Rasuah kerana satu laporan polis yang telah dibuat pada bulan Julai pada tahun ini. Latar belakang siasatan dan kes-kes yang bersangkutan kita tidak mempunyai maklumat yang terperinci. Apa yang saya ingin mendapatkan penjelasan ialah apakah kriteria dan *grading* yang telah dilakukan oleh kementerian ini untuk melantik pegawai yang berkenaan sehingga tidak sampai satu tahun daripada pelantikannya beliau telah pun menjadi pihak yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah.

Sehubungan dengan ini saya ingin mendapatkan penjelasan lebih lanjut iaitu Perbadanan Nasional Berhad telah melabur dalam sebuah syarikat perfileman iaitu TVBI sebanyak RM8 juta, tetapi malangnya syarikat ini tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa perfileman Hong Kong sehingga tujuan daripada penubuhan syarikat ini iaitu untuk mengimport filem-filem daripada Hong Kong tidak dapat dilaksanakan dan saya difahamkan RM8 juta pelaburan oleh PNS ini telah hangus dan tidak mendapat sebarang pulangan. *Search* yang cuba dibuat dengan ROC menunjukkan syarikat yang dimaksudkan failnya adalah kosong. Cuma beberapa helai laporan kewangan yang tidak memberikan maklumat terperinci seperti yang dikehendaki.

Sekali lagi apabila PNS telah melabur sebanyak RM50 juta dalam sebuah syarikat filem juga iaitu CVDE Sendirian Berhad untuk membuka *outlet* penjualan VCD

di seluruh negara dengan rakan kongsi yang sama dalam TVBI yang telah pun gagal dalam projek tersebut kerana tidak mendapat lesen seperti yang telah saya sebutkan tadi, mengapakah sekali lagi kementerian ini dan Perbadanan Nasional Berhad boleh terlibat dengan rakan kongsi yang sama yang telah pun gagal dalam TVBI dalam CVDE Sendirian Berhad dengan jumlah modal yang lebih besar iaitu kali ini RM50 juta dan saya ingin mendapat kepastian kedudukan terakhir syarikat ini.

Mengikut maklumat yang diberikan oleh akhbar bahawa sebelum ini Pos Malaysia dipegang oleh Perbadanan Nasional Berhad iaitu sama seperti syarikat ataupun perbadanan yang telah pun saya sebutkan sebelum ini iaitu sebanyak 60% dan kemudiannya seperti yang telah kita ketahui Pos Malaysia telah diswastakan dalam satu atur cara yang begitu mengejutkan tetapi mendapat liputan yang agak singkat daripada media massa. Saya telah menyebutkan kedudukan bagaimana pada akhirnya penjualan penswastaan Pos Malaysia kepada Phileo Allied Berhad terpaksa ditukar susunannya kerana kononnya Securities Commission telah membuat satu keputusan bahawa harga saham Phileo Allied Berhad ialah pada harga RM1.92 yang menyebabkan penswastaan ini kena *reverse* melalui *avenue asset* yang dahulunya dipunyai oleh salah seorang anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mempunyai hutang tertunggak dan juga baki cukai tertunggak sejumlah RM149 juta yang telah pun diberikan *waiver* oleh Kementerian Kewangan di atas susunan tersebut.

Saya kemudiannya difahamkan bahawa selain daripada kemudahan yang tersebut iaitu pemberian *waiver,* percukaian dan juga tanggungan hutang-hutang sebelum ini dalam *avenue asset* oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan saya juga difahamkan bahawa Perbadanan Nasional Berhad ini sendiri telah pun dipindahkan daripada kementerian ini kepada Kementerian Kewangan dalam bulan Julai pada tahun ini. Ini saya perolehi melalui perbualan telefon pada pagi ini dengan Kementerian Kewangan sebelum saya mempersiapkan ucapan ini, dan saya hairan apabila saya membuat *search* dalam beberapa web surat khabar yang utama pada pagi ini tidak ada satu *announcement* dalam *Utusan Online* dan akhbar yang lain berkenaan dengan perpindahan ini.

Jadi saya masih ragu-ragu mengapakah perpindahan ini berlaku dan adakah ini ada kaitan dengan susunan penjualan saham Pos Malaysia kepada Phileo Allied dan *avenue asset* seperti yang telah saya sebutkan tadi, iaitu apabila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sekarang ini mula memegang jawatan Menteri Kewangan dalam bulan Julai selepas persaraan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sebelumnya. Sebelum daripada ini Pos Malaysia sahamnya dipegang oleh Perbadanan Nasional Berhad dan kemudiannya Perbadanan Nasional Berhad pada waktu itu duduk di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Tetapi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang jawatan Menteri Kewangan maka Perbadanan Nasional Berhad dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan kepada Kementerian Kewangan dan serentak dengan itu proses penswastaan Pos Malaysia berjalan. Adakah ini sebab utamanya? Saya memohon penjelasan di atas perkara-perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tambun.

11.27 pagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan melibatkan pembangunan perniagaan, latihan keusahawanan, francais dan vendor serta Majlis Amanah Rakyat kerana MARA juga mempunyai peranan di dalam pembangunan usahawan.

Perkara utama yang kita selalu fikir adalah mengenai dengan penglibatan kaum bumiputera dalam pengagihan ekonomi negara. Kita sedar bahawa kadar peratusan pemegangan ekonomi kaum bumiputera telah merosot selepas daripada krisis ekonomi dan kita tahu sekarang bahawa usahawan bumiputera tergolong daripada golongan dalam hierarki sektor korporat di peringkat bawah. Persoalan kita adalah dalam dunia yang telah berubah daripada kita bersaing di peringkat domestik kepada peringkat global, tentulah lebih sukar lagi bagi usahawan bumiputera.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri di atas beberapa perkara. Pertama dari segi statistik, adakah pihak Yang Berhormat Menteri merasa berpuas hati ataupun merasa bimbang atau gerun melihat di

atas prestasi usahawan bumiputera sekarang dan apakah dalam fikiran Yang Berhormat Menteri yang harus dilakukan dan apakah sasaran-sasaran yang perlu kita lakukan untuk berhadapan dengan suasana yang lebih sulit lagi. Saya ingin ingatkan di dalam ekonomi domestik kita tidak mampu bersaing bagaimana pula dalam ekonomi global?

Dalam hal ini, saya ingin memberi beberapa pandangan saya. Saya menganggap bahawa kita telah mempunyai satu dasar atau *blueprint* mengenai pembangunan usahawan. Lanjutan daripada itu beberapa program dilaksanakan di bawah kementerian. Adakah tidak sepatutnya kita melihat balik kepada *blueprint* tersebut dan mencipta satu *blueprint* baru, mengambil kira realiti-realiti pada hari ini. Kita perlu ingat dalam kita menyediakan *blueprint* bahawa di dalam ekonomi lama dahulu kita sebenarnya telah menghadapi beberapa kegagalan.

Pertama, di dalam usaha kita untuk membentuk hierarki yang betul untuk usahawan bumiputera di peringkat atas, menengah dan bawah - di peringkat atas dan menengah kita sebenarnya telah gagal. Beberapa usahawan bumiputera yang telah kita wujud di peringkat atasan telah gagal. Dengan itu kita tidak mempunyai *base* yang besar dari segi usahawan di peringkat atasan. Begitu juga kalau kita lihat di peringkat bawah pun tidak begitu kukuh.

Kedua, bagaimanakah kementerian harus melaksanakan program pembangunan usahawan dengan melihat kepada senario atau perspektif yang luas, tidak sekadar menerima individu yang ingin mendapatkan seperti francais atau lesen dan sebagainya lulus dan habis begitu sahaja. Dalam usaha untuk menjayakan *blueprint* yang boleh membawa kejayaan, melihat kepada keseluruhan suasana dari segi faktor-faktor ekonomi dan bukan faktor ekonomi juga bagaimana untuk kita synchronize dari segi awal lagi, dari sekolah rendah, menengah. universiti ke arah untuk melahirkan usahawan.....

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tampin bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: .....yang akhirnya yang lahir daripada sistem pendidikan satu manusia yang dikatakan usahawan dan manusia usahawan inilah manusia yang saya jangka akan menjadi lebih berjaya daripada manusia sekarang yang sebenarnya bukan usahawan yang cuba menjadi usahawan.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Saya hendak bertanya dari segi usahawan inilah dalam era globalisasi ini yang mana kadang-kadang dalam segi usahawan ini hendak kata salah mereka pun tidak, kadang-kadang bila syarikat-syarikat usahawan ini terlalu bergantung kepada syarikat-syarikat multinational company dan mereka ini membuat produk-produk yang begitu khusus yang hanya digunakan oleh sesuatu jenama ataupun sesuatu barang katalah seperti TV, video atau camcorder dan sejak kebelakangan ini ada syarikat-syarikat gergasi multinational company ini berpindah kerana ada negara-negara yang memberi perkhidmatan yang lebih murah seperti China, Filipina dan akibatnya, kesannya berlaku kepada syarikat yang baru hendak naik ini, yang mana mereka baru mula menjinakkan diri.

Hendak katakan silap mereka tidak juga kerana mereka telah berusaha dengan segala upaya. Kemampuan teknikal ada, pengurusan baik tetapi disebabkan oleh pemindahan syarikat-syarikat multinational company ini mereka terjebak dan akibatnya hutang mereka menjadi banyak tanpa mereka duga. Bagaimana peranan Yang Berhormat rasa dan boleh dimainkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membantu mereka ini khasnya baru-baru ini apabila peristiwa 11 September banyak syarikat-syarikat mengurangkan pesanan atau permintaan. Jadi, banyak syarikat-syarikat vendor terpaksa menanggung kerugian yang banyak. Bagaimana pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini dan bagaimana pula cadangan Yang Berhormat kepada kementerian untuk membantu usahawan-usahawan yang baru hendak meningkat naik ini? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya sedar ada banyak syarikat-syarikat multinational yang telah berpindah tetapi ada juga multinational yang tidak berpindah dan salah satu daripada tempat yang dianggap sebagai relevan pada masa ini di negara kita ialah Pulau Pinang yang mempunyai

multinational yang ada headquarters di Pulau Pinang dan mempunyai sistem vendor yang cukup baik. Dalam erti kata lain di mana sahaja kita berada sebagai vendor perlu kita menghasilkan produk yang diterima kualiti yang sampai kepada standard global.

Saya percaya walaupun berlaku pemindahan syarikat-syarikat sekarang ini tetapi masih beroperasi dalam sistem global di mana kita boleh menghantar produk ke tempat-tempat lain. Dalam erti kata lain syarikat vendor sama ada bumiputera atau tidak bumiputera mesti menghasilkan produk yang berkualiti tinggi dan pemindahan tersebut akhirnya tidak akan mendatangkan kesan yang negatif kepada mereka.

Saya juga ingin menyentuh, Tuan Pengerusi, mengenai dengan satu konsep yang kadang-kala mendatangkan satu keadaan yang terkeliru. Di bawah Fasal 153 Perlembagaan Negara kaum bumiputera mempunyai hak ke atas tender lesen dan sebagainya. Berasaskan kepada fasal tersebut individu usahawan mengatakan ini menjadi hak kepada mereka dan akhirnya ia mewujudkan satu *culture* di mana mereka hidup di bawah sistem yang dipanggil sebagai sistem yang begitu *protective*.

Jadi, di sini sekiranya usahawan bergantung kepada sistem *protective* berasaskan kepada proses globalisasi mereka tidak dapat bersaing kerana tidak banyak pengalaman. Walau pun sistem *protective* daripada masa ke semasa tidak berlaku perubahan dan peningkatan kapasiti dan juga kualiti oleh usahawan kita. Saya berpendapat ini boleh kita betulkan melalui kita melaksanakan sistem pemberian lesen tender secara kompetitif, bermakna kita wujudkan sistem yang lebih berasaskan kepada merit. Saya percaya di bawah sistem ini kita dapat melahirkan usahawan yang lebih berketrampilan.

Dalam erti kata lain, apabila kita memproses permohonan daripada usahawan perlu kepada kajian yang begitu detail. Melihat kepada keseluruhan aspek seseorang usahawan tersebut sebelum kita mengambil keputusan, tidak berasas kepada hak semata-mata.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, nanti saya gulung, sekejap. Dan yang akhir sekali saya melihat bahawa kita mengamalkan satu sistem secara general untuk semua. Apabila kita membuat kajian ke atas pembangunan ekonomi satu-satu kawasan katalah satu-satu negara telah mencapai pada tahap pembangunan ekonomi yang sudah advance. Pada peringkat awal dahulu mereka pada peringkat *infancy* di mana di peringkat *infancy* undang-undang peraturan yang dilaksanakan berbeza pada peringkat sekarang.

Saya cuba *apply*kan perkara ini di negara kita. Kita lihat dari segi keseluruhan golongan korporat yang telah berjaya yang mana telah dapat kita lihat, kaum bumiputera dalam bidangkorporat adalah golongan yang masih baru iaitu lebih kurang 30 tahun. Saya berpendapat bahawa di bawah sistem ini kita perlu mengadakan peraturan dan undang-undang yang berbeza untuk yang baru. Umpamanya, peraturan-peraturan mengenai dengan alibaba umpamanya, kita mesti ada satu peraturan tidak boleh "Ali Baba", tidak boleh menjadi *toll collector*, tidak boleh menggunakan wang sewenang-wenangnya. Ini mesti ada, saya lihat ada negara-negara pada peringkat awal penggunaan wang seperti pengeluaran dividen tidak sewenang-wenangnya mesti diutamakan pembayaran pinjaman bank dan sebagainya.

Saya berpendapat bagi yang baru dengan yang lama yang *established,* peraturan dan undang-undangnya perlu berbeza dan saya berpendapat dari segi usahawan bumiputera kita perlu mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berlainan dengan peraturan yang ada sekarang supaya akhirnya kita dapat melahirkan usahawan yang tulen. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

11.38 pagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 Perancangan dan Penilaian dan 050000 Pembangunan Usahawan.

Saya ingin menyebut tentang perkara mengenai pengangkutan. Walaupun saya tahu yang Kementerian Pembangunan Usahawan ini hanya bertugas untuk mengeluarkan lesen untuk bas dan juga teksi tetapi ia juga berkaitan dengan isu

pengangkutan. Saya rasa aneh di mana pengangkutan di negara kita ini tertakluk kepada tiga kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga Jabatan Perdana Menteri. Yang mana kita lihat sistem penerbangan dan kereta api, sistem kereta api kita adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan manakala bas dan teksi di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Usahawan. Kita juga melihat yang mana projek berkenaan dengan sistem pengangkutan ini di bawah bidang kuasa EPU pula.

Saya rasa bidang kuasa ketiga-tiga kementerian ini juga mungkin merupakan salah satu faktor yang mana menyebabkan sistem pengangkutan kita ini agak kucar kacir. Saya masih ingat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun pada tahun lepas di mana beliau membangkitkan idea bahawa kita perlu ada satu dasar pengangkutan tetapi nampaknya seruan Yang Berhormat bagi Tambun itu masih belum dipakai oleh kerajaan walaupun beliau adalah daripada Barisan Nasional. Saya berpendapat banyak projek berkenaan dengan sistem pengangkutan ini diadakan lebih untuk menjaga kepentingan usahawan kroni Barisan Nasional daripada kepentingan rakyat.

Jadi, bila projek tidak berjaya ia dipulangkan kepada kerajaan, LRT di Kuala Lumpur ini adalah contoh yang paling baik. Kita mengambil LRT ini sebagai satu contoh, saya berpendapat yang LRT ini ia tidak melalui banyak tempat yang didiami oleh orang bukan Melayu seperti di kawasan saya kawasan Seputeh yang mana mempunyai kawasan kediaman yang begitu banyak kondominium dan kawasan kediaman tetapi tidak ada LRT. Kita lihat di Cheras yang mana kurangnya penduduk bukan bumiputera yang manusia kita juga lihat di kawasan Cheras dan kawasan saya ini selalu di mana setiap hari berlakunya kesesakan jalan raya yang serius tetapi tidak ada LRT melalui kedua-dua kawasan ini.

Kita juga melihat pada tempat yang selalunya ramai orang pergi seperti Mid Valley sekarang dan juga Sungai Wang. Sungai Wang sekarang sudah ada monorel, yang mana ini dari segi perancangan LRT ini ia tidak melalui tempat-tempat yang ramai orang suka pergi. Jadi, ini adalah satu kegagalan dari segi ini dan juga dari segi percantuman bas ia mungkin satu idea yang baik untuk mencantumkan semua syarikat-syarikat bas yang agak kecil tetapi bila semua bas di Kuala Lumpur ini dicantumkan di bawah Intrakota mungkin atas pertimbangan ia adalah syarikat kepunyaan anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kita lihat tambang bas naik lagi, ini adalah satu lagi contoh yang menunjukkan bahawa pertimbangan yang diambil oleh kerajaan ini adalah lebih untuk menjaga kepentingan kroni dan bukan kepentingan rakyat. Saya berpendapat di Kuala Lumpur khususnya kita perlu ada satu sistem pengangkutan yang lebih integrated. Bila kita pergi ke Netherlands, saya membeli satu tiket pengangkutan dan saya boleh menaiki kereta api dan juga menaiki bas bersama-sama. Saya rasa ini adalah satu sistem yang perlu dilaksanakan khususnya di Kuala Lumpur yang mana selalu berlakunya kesesakan jalan raya. Saya rasa kerajaan tidak harus menswastakan perkhidmatan pengangkutan di negara kita ini lagi. Kita lihat KTM, LRT dan banyak lagi syarikat-syarikat swasta mereka gagal menjaga kepentingan rakyat sehingga mereka sama ada terpaksa pulangkan syarikat itu dan juga termasuk MAS kepada kerajaan ataupun kerajaan terpaksa mengambil balik. Kerana kita lihat di mana dunia pun termasuk negara Jepun walau pun banyak menaiki LRT ataupun kereta api di sana ia masih dalam kepunyaan kerajaan kerana kerajaan selalunya harus membayar subsidi untuk menyokong sistem pengangkutan untuk orang ramai ini.

Jadi, saya rasa adalah lebih wajar bagi kerajaan untuk mengadakan kawalan sepenuhnya dari segi sistem pengangkutan kita dan juga mengadakan satu sistem pengangkutan yang lebih bersatu, lebih integrated di bawah satu kementerian dan bukan seperti sekarang di bawah tiga kementerian yang berlainan sehingga sistem pengangkutan kita ini selalu kelihatan kucar-kacir dan tidak ada satu sistem yang boleh memberi manfaat kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Temerloh.

11.44 pagi

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di bawah Butiran 006002 Maktab

Rendah Sains Mara dan juga Kolej Sains Mara, 006008 Penilaian Kaunseling Bimbingan Usahawan, 00611 iaitu Program Giat Mara.

Tuan Pengerusi, Maktab Rendah Sains Mara saya mengambil kesempatan daripada peluang ini untuk mengucapkan syabas, tahniah kepada pihak kementerian. Saya kira dalam melatih memberi peluang kepada pelajar-pelajar luar bandar MRSM dengan Kolej Sains Mara ini begitu berjaya sekali dan prestasi yang dicapai oleh MRSM dan juga Kolej Sains Mara ini nampaknya dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan yang begitu baik sekali dan begitu ramai sekali pelajar daripada luar bandar diberi peluang berjaya sampai ke peringkat pengajian yang lebih tinggi melalui kolej-kolej ataupun Maktab Rendah Sains Mara ini.

Sesuai dengan tujuan MRSM untuk membantu membangunkan pelajar-pelajar luar bandar saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian untuk menimbangkan dan membina sebuah MRSM di kawasan Parlimen saya di daerah Bera. Daerah ini daerah baru dikelilingi oleh peneroka-peneroka penempatan FELDA dan hampir 20 penempatan FELDA yang ada dan begitu ramai pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga peneroka ini dan saya amat menghargai sekiranya Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan untuk membina sebuah kolej Maktab Rendah Sains Mara di daerah yang baru ini.

Penilaian, kaunseling, bimbingan dan usahawan. Saya dapati Tuan Pengerusi, kursus-kursus ataupun program-program pendedahan yang dibuat oleh MARA di peringkat daerah khususnya kepada usahawan-usahawan muda di daerah-daerah ini agak tidak begitu rancak seperti di masa-masa yang lepas. Kalau saya boleh ambil misalannya di kawasan Parlimen saya, barangkali dalam satu tahun hanya dua, tiga program sahaja kursus yang dijalankan. Saya harap kursus ini dapat diadakan lebih kerap lagi kerana saya yakin sungguh kursus-kursus ini memberi manfaat yang besar kepada usahawan-usahawan muda terutamanya di daerah-daerah.

Saya juga ingin tahu bagaimana bentuk atau *content*, dengan izin, Tuan Pengerusi, kursus-kursus tersebut diadakan. Saya harap isi kursus ini mestilah menepati dengan keadaan semasa terutamanya dalam kita mengalami keadaan globalisasi pertandingan yang lebih *competitive*. Usahawan-usahawan kita di luar bandar juga saya kira mesti didedahkan dengan keadaan-keadaan ini, dengan keadaan-keadaan pengurusan moden yang terkini menggunakan komputer, ICT dan sebagainya, tidak lagi hanya sekadar bagaimana untuk mengajar membuat *ledger,* menyimpan akaun, debit, kredit yang mudah-mudah. Saya harap elemen-elemen ini akan dimasukkan dalam kursus-kursus ini.

Program Giat Mara – Saya ingin tahu ada cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak kementerian untuk membina Pusat Giat Mara di daerah yang sama yang saya sebutkan tadi, daerah kawasan Parlimen saya ini. Tetapi sampai hari ini belum ada lagi kata putus bila akan dibina, tanah telah pun disediakan dan saya telah dimaklumkan oleh Pejabat Daerah, kawasan tanah telah pun dikemukakan kepada pihak kementerian dan saya amat hargailah sekiranya Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan, bila agaknya Pusat Giat Mara ini akan dibina di daerah Bera.

Yang akhimya, Tuan Pengerusi, ialah 03003004 – Pembangunan Vendor dan Francais. Saya mengikuti apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi tentang pentingnya pembangunan vendor dan francais ini dikembangkan. Saya ingin mencadangkan supaya bidang tugas dan tanggungjawab kementerian di dalam membangunkan francais dan vendor ini diperluaskan, bukan sahaja meliputi kegiatan francais dalam negeri tetapi juga meliputi francais di peringkat antarabangsa.

Saya juga ingin mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya pihak kementerian menimbangkan untuk menubuhkan satu jawatankuasa pemandu pembangunan francais dan vendor ini yang seharusnya meliputi ahli-ahlinya daripada kalangan swasta, profesional ataupun orang yang terlibat benar-benar dalam perniagaan vendor ini. Kerana saya dapati, saya sedar Yang Berhormat Menteri sendiri, kementerian, pegawai-pegawai berusaha untuk hendak membangunkan perniagaan francais dan vendor ini, tetapi kalau saya lihat pada tahun lepas misalnya, kalau berdasarkan laporan yang diberikan dalam buku ini, hanya 4 *franchiser* yang dapat kita lahirkan dan franchisee ramai juga tetapi saya kira, Tuan Pengerusi, apa yang perlu kita bina sekarang ini ialah *franchiser*.

Saya pun hairan bagaimana kita sampai sekarang tidak mampu lagi untuk membina satu kekuatan dalam pemiagaan ini. Kalau saya boleh ambil contoh di bidang makanan misalannya, kita belum ada lagi restoran Malaysia yang boleh kita banggakan di luar negara. Tidak ada lagi. Sedangkan restoran Singapura yang menjual ayam percik, rendang daging dan sebagainya, yang semuanya makanan Malaysia, sudah banyak di luar negara.

Saya tertarik dengan cara Thailand, Tuan Pengerusi, bagaimana Thailand membina rangkaian restoran Thailand di seluruh dunia sekarang. Saya baca satu artikel baru-baru ini yang mengatakan dalam masa tiga tahun akan datang ini, selepas makanan Itali, makanan negara Siam akan merupakan makanan kedua popular di dunia dan mereka ubah sekarang ini konsepnya.

Kalau dahulu kita masuk restoran Thailand kita akan jumpa gambar kapal besar dengan Sungai Chao Praya nya, dengan layang-layangnya, hari ini tidak ada lagi. Kalau kita pergi di restoran Thailand luar negara, ia tidak ada lagi, dengan izin, *decor*nya *décor* yang begitu menarik, semasa dan makanannya Tuan Pengerusi, dihidangkan dengan teliti. Dia sesuaikan selera bukan untuk orang Thailand di luar negara tetapi untuk orang luar negara. Sedangkan kita bila hendak buka restoran di luar negara kita hendak cater untuk orang Malaysia.

Saya ingat konsep ini harus kita ubah dan saya lihat pendapatan yang boleh dijana melalui francais seperti ini begitu besar sekali. Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, Bangladesh pun sudah mula berubah. Kalau dahulu restoran Bangladesh orang tidak masuk, dengan baunya, dengan *décor* yang tidak ada standard langsung tetapi hari ini restoran Bangladesh sudah berubah. Makanannya, makanan yang sama tetapi kerana dia teliti dari segi *standard décor*nya, teliti dari segi kualiti makanannya menyebabkan restoran ini juga boleh jadi popular.

Jadi, kalau Bangladesh ini boleh berkembang begitu – di bidang makanan restoran di luar negara, saya fikir Malaysia tentu mampu untuk melakukannya. Dan peruntukan yang dibekalkan begitu besar dan saya kira boleh kita bangunkan konsep perniagaan francais seperti ini. Sebab itu saya cadangkan tadi, Tuan Pengerusi, supaya ditubuhkan jawatankuasa pemandu francais. Kalau hendak panggil pemandu francais vendor negara pun bolehlah dan saya cadangkan supaya ministry mengambil langkah yang lebih berkesan ataupun lebih aktif.

Barangkali perlu kementerian terlibat memanggil ahli-ahli profesional, swasta menganggotai jawatankuasa ini dan kalau perlu kita dapatkan konsultan, penasihat daripada luar negara, kita lakukan. Dan, begitu juga kalau perlu kita – dan kita boleh gunakan kepakaran hotel catering di UiTM dan saya kira di situ kita mempunyai banyak pakar-pakar yang boleh kita bina untuk bantu kita majukan perniagaan francais dan juga vendor ini.

Saya sungguh rasa gembiralah, Tuan Pengerusi, kalau kita dapat lihat dalam masa yang terdekat ini kita mampu bangunkan perniagaan ini di luar-luar negara. Saya yakin kita boleh kerana kita mempunyai kemampuan, kemampuan modal pun kita ada, kita mempunyai kepakaran, kita mempunyai ramai pelajar-pelajar yang telah kita latih di bidang ini yang boleh kita manfaatkan.

Apa yang perlu kita lakukan ialah kita kena perlu teliti membuat kajian dan kita mesti pilih lokasi-lokasi yang strategik di luar negara. Walaupun sewanya mungkin agak mahal tetapi saya kira kalau ia boleh mendatangkan hasil yang lumayan tentu boleh kita lakukan.

Jadi, saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin. Tadi saya memang tengok banyak kali bangun tetapi yang akhir .....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terpulang kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kuasa Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang nampak beberapa kali Ahli Yang Berhormat bangun. Boleh cuba ringkaskanlah ya?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Baik, terima kasih.

11.55 pagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kawan hendak mencelah, saya akan bagilah, sebab saya terakhir. Kawan mencelah saya bagi.

Terima kasih Tuan Pengerusi, tahniah kepada Menteri kerana dalam perbahasan pada pagi ini sampai tengah hari Yang Berhormat Menteri dapat bersama dengan kita. Saya setuju dengan rakan-rakan bahawa kita kena lihat kembali dari segi konsep dan kaedah kita membangunkan usahawan di negara kita, atas dasar bahawa sudah ada satu pertukaran struktur dalam ekonomi negara.

Kalau kita lihat baru ini bila berlaku peristiwa di World Trade Center di New York terus kesannya kepada ekonomi di negara kita – ekonomi yang lebih *global interconnected.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Yang kedua, Tuan Pengerusi, bahawa sudah tumbuh satu lagi generasi baru usahawan-usahawan negara kita yang semuanya mempunyai kaedah dan ilmu yang baru dan kemahiran yang baru. Ini senario yang besar yang mungkin kerajaan selepas 20 tahun saya kira dasar Pembangunan Usahawan ini diwujudkan – 23 tahun, mungkin sampai masanya Yang Berhormat Menteri kaji kembali dengan perubahan persekitaran dunia, perubahan dari segi bekalan dalam pasaran ataupun pengusaha-pengusaha yang memasuki pasaran usahawan ini.

Mungkin kita kaji kembali isu-isu, faktor penting dalam membangunkan usahawan. Dan, saya boleh rumuskan tiga perkara iaitu dari segi produk itu sendiri – sektor dan produk itu sendiri; keduanya – kewangan dan pasaran, iaitu dua perkara. Saya yakin kalau dahulu penekanan kita telah kepada syarikat pembuatan. Kalau syarikat itu membuat, kita katakan dia usahawan.

Saya ingat elok kita ubahsuaikan takrif usahawan itu bukan hanya mereka yang membuat barang. Tidak semesti dalam ilmu dunia yang berasaskan ilmu *intelligent* ini, berasaskan *knowledge* ini, sudah semestinya pembangunan usahawan kepada nilai tambah dan nilai tambahnya seperti juga usahawan yang mahu mengeluarkan satu produk *software.* Ia tidak ada kilang, ia tidak ada pejabat, ia boleh bekerja di rumahnya sendiri dengan satu PC sahaja, satu laptop. Ini sudah boleh ditakrif sebagai usahawan.

Tetapi kalau kita pergi kepada pendaftaran di kementerian-kementerian, pertama yang mereka tanya, hendak syarikat. Yang kedua, kilang di mana, produk apa. Lepas itu dia kata produk, melihat kementerian atau agensi-agensi kerajaan sendiri. Barang apa yang hendak dibuat. Mungkin kita kena kaji kembali bahawa suatu usahawan itu boleh ditakrifkan usahawan kalau dia mampu mewujudkan satu nilai tambah dalam satu-satu sektor.

Pengalaman saya di TNB, ada satu wanita, bekas pekerja TNB mendapat satu MBA dalam IT. Maka, beliau ini ada suami, suaminya bekerja tetap tetapi beliau tidak – cagarkan rumah, cagarkan kereta sehingga *last* cagarkan barang kemas dia - merayu. Mengapa beliau ini tidak dilantik sebagai usahawan, sebab penakrifan dalam Tenaga Nasional untuk usahawan itu mesti ada kilang. Sebab itu, ini timbul satu kesedaran dari peringkat rakan-rakan saya dalam Tenaga, rakan dalam pasaran bahawa kita perlu melihat satu pendekatan baru bagaimana untuk mewujudkan usahawan. Definisi yang dahulu perlu kita kaji kembali.

Yang kedua pula, dari segi kewangan, kalau mereka mahu memohon pinjaman dengan bank, pertama dia minta syarikat dia mesti ada *experience* 3 tahun. Tetapi mereka yang membuat nilai tambah *service* itu tidak ada pengalamannya, yang mereka ada ialah kemahiran mereka dalam bidang tertentu. Dan mereka ini juga oleh kerana mereka ini muda, baru kembali daripada luar negara, mereka tidak ada aset. Asetnya mungkin bapa mereka yang bekerja dengan kerajaan atau bekerja dengan swasta tetapi harta tidak ada.

Mereka bukan lagi orang Melayu datang daripada luar bandar yang ada tanah, mereka dilahirkan di bandar besar, mereka juga tidak ada cagaran. Oleh kerana itu

dari segi sumber kewangan pula juga kita kaji kembali. Konsep vendor capital itu mungkin diubahsuai supaya diasaskan kembali untuk menghayati perubahan perniagaan, perubahan kaedah-kaedah mereka ini untuk menjadi usahawan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, pasaran itu sendiri. Kita selalu melihat bahawa negara-negara Barat, mereka ini memelihara atau *protect*, dengan izin, Tuan Pengerusi, pasaran mereka. Mengapa di negara kita, kita takut untuk hendak *protect*, memelihara pasaran kita untuk pembangunan usahawan-usahawan kita, untuk membangun mereka yang berminat untuk mewujudkan pemiagaan di negara kita.

Begitu juga saya minta supaya, kita lihatkan kembali juga bahawa pasaran tempatan yang ada itu mesti juga kita utamakan kepada mereka yang berniaga sebagai usahawan dan kita tidak perlu bimbang dan tidak perlu kita terlalu tertekan bila dalam aktakah atau apa-apa, WTO kah supaya kita lebih bukakan pasaran kita. Sebab di pasaran mereka kita lihat, dia menggunakan konsep *dumping*lah – apa lagi dasar digunakan. Macam baru-baru ini di Amerika, dia membelanjakan USD20 bilion untuk hendak memelihara industri penerbangan mereka.

Dahulu bila kita hendak cuba *rescue* ataupun cuba pulih kembali Syarikat Malaysian Airlines kita, mereka tuduh kita *bailout*lah, apa semua dia tuduh tetapi apabila mereka buat, tidak lagi dikatakan *bailout* menyelamatkan ekonomi negara

Maka, sudah semestinya mereka itu *double standard*. Maknanya, kita tidak perlu risau tentang mereka. Apa yang perlu kita buat adalah sekiranya ia baik untuk negara kita, baik untuk rakyat Malaysia, kita patut laksanakan.

Tuan Pengerusi, yang terakhir saya setuju juga dalam keghairahan kita mewujudkan usahawan ini, kita jangan lupa juga kita mesti kembali melihat mereka yang masih tinggal di luar bandar, belia-belia yang masih di luar bandar yang mahu juga menyertai arus pembangunan ekonomi negara dan skim pembangunan usahawan mereka perlu juga diperkukuh dan diperkemas dan saya yakin dengan adanya IKM dan banyak Giat Mara yang dibuat di tiap-tiap kawasan dan daerah. Ini satu usaha yang baik sekali.

Kemungkinan apa yang diperlukan ialah mempelbagaikan kursus di kawasan-kawasan, saya difahamkan Dato' Menteri sendiri di kawasan saya, saya dengarlah, baru-baru ini berjumpa dengan mereka, Dato' Menteri dan kementerian sendiri minta supaya dipelbagaikan produk-produk itu. Kalau dahulu diajar anak-anak kita hanya sekadar untuk mengikat bata, buat sambung paip air tetapi sekarang ditingkatkan supaya termasuk juga mengajar mereka untuk pergi kepada penggunaan komputer, ICT, *services industry* yang lain seperti mengajar mereka untuk menerokai bidang pelancongan.

Misalannya, Dato' Menteri, di Pulau Tioman, separuh daripada tempahan untuk bilik-bilik di Pulau Tioman semuanya melalui *Internet* sekarang ini, bukannya melalui telefon lagi. Saya sendiri terkejut bagaimana *the infusion* atau kemasukan ICT ini dalam pasaran negara kita terutama di luar bandar dengan amat meningkat sehingga 50% tempahan hotel-hotel ataupun pusat-pusat pelancongan di Pulau Tioman sudah dengan melalui *Internet*.

Oleh kerana itulah, saya minta sekali lagi satu, Menteri ada di sini, mungkin kementerian, Dato' Menteri pun masih generasi yang muda, berani, sampailah masanya Dato' Menteri kaji kembali kalau perlu kita rombak, kita rombak kerana saya yakin bahawa Dato' Menteri dan kementerian mempunyai agenda dan *nawaitu* yang baik dan kita yakin bahawa dapat diusahakan satu kaedah yang baru dengan meliputi pertukaran struktur ekonomi negara dan juga dengan kebangkitan satu generasi baru usahawan-usahawan bumiputera yang lebih berilmu, ada *knowledge* ini perlu disesuaikan dengan keadaan sekarang.

Saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oleh kerana ramai yang berdiri, saya minta Menteri menjawab. Sudah enam orang bercakap.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya? Ada buat keputusan?

Seorang Ahli: Jeli selepas Rompin pasal Rompin cakap sedikit.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu, satu, bolehlah. Satu, kasihan dia.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya pasal berdiri ramai. Kalau sekiranya bersetuju, Jeli sahaja, saya tidak apa. *[Disampuk]* Ha, itu sahaja keputusan saya. Kalau tidak, saya suruh Menteri menjawab. Sila Jeli.

12.02 tgh.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan teman-teman Ahli Dewan sekalian.

Bagi membincangkan Kementerian Pembangunan Usahawan, saya ingin merujuk kepada Butiran 050000 yakni Pembangunan Usahawan. Sememangnya rakyat usahawan bumiputera banyak bergantung kepada kementerian ini untuk maju dan bangun, untuk bersaing dan bertanding dengan usahawan-usahawan daripada bangsa-bangsa yang lain di dalam negara kita kerana seperti mana kita sedia maklum pemegangan ekuiti masyarakat bumiputera di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur telah menurun daripada 20% kepada 12% dan penurunan ini memerlukan kita menoleh kembali tentang hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kedua supaya pemilikan ekuiti bumiputera paling minimum 30%. Sebab itu, harapan yang begitu besar diberikan oleh masyarakat bumiputera kepada Kementerian Pembangunan Usahawan ini.

Kita lihat bahawa umpamanya, usahawan-usahawan bukan bumiputera yang dikenali sebagai *big brother* telah dibantu oleh pihak kerajaan, umpamanya dari segi tarif elektrik di mana kita dapati bahawa umpamanya Perwaja, Amsteel, Titan Polymer, syarikat milik Taiwan, kesemua ini termasuk TV3 telah dikecualikan bil elektrik setakat ini hampir RM400 juta.

Jadi, kalau syarikat-syarikat *big brother*, kerajaan boleh mengecualikan, sebab itu kita tidak pelik kalau usahawan-usahawan bumiputera yang saya fikir tersangat jarang yang boleh dikategorikan sebagai usahawan di peringkat multinasional. Lazimnya mereka ini dikategorikan sebagai usahawan *small and medium*, yakni kecil dan sederhana.

Sebab itu kita perhatikan bahawa, di bawah Pembangunan Usahawan ini ada satu bank yang dikawal di bawah kementerian ini yakni Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia. Peruntukan yang diberi hanyalah RM61 juta. Saya fikir peruntukan ini kecil sekiranya kementerian dan kerajaan benar-benar ingin membantu usahawan-usahawan bumiputera kerana di samping jumlah yang kecil, bank ini juga hendaklah melihat bahawa negara-negara pesaing yang juga telah maju di dalam sektor-sektor pemiagaan, umpamanya Jepun, sekarang ini kadar faedah yang dikenakan kepada peminjam-peminjam dalam sektor usahawan hampir 0%. Begitu juga di Singapura, pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada usahawan-usahawan mereka juga kecil, jauh lebih kecil daripada negara kita.

Jadi, kalau ini berlaku, bagaimanalah usahawan kita terutama usahawan kecil dan sederhana mampu untuk bersaing dan mampu untuk meneruskan kegiatan-kegiatan perniagaan mereka.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yang Berhormat bagi Jeli. Mengenai Bank Pembangunan ini, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa kebanyakan pinjaman-pinjaman besar yang diberikan oleh Bank Pembangunan ini ialah syarikat-syarikat yang melibatkan *infrastructure works* seperti TIME Engineering – RM860 juta, Cyberjaya, LRT, LITRAK dan sebagainya, pinjamannya melibatkan ratusan juta yang mana faedah yang dikenakan ialah cukup rendah dan di mana kerajaan terpaksa memberi subsidi sebanyak RM402 juta, subsidi faedah kepada

syarikat-syarikat ini yang memberi pinjaman yang mana Bank Pembangunan memberi pinjaman pada kadar di bawah *cost of fund* Bank Pembangunan itu sendiri. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Pengerusi, saya pun terkejut dan takut mendengar angka yang disebut oleh teman saya Yang Berhormat bagi Kemaman, sampai RM400, RM500 juta, sedangkan peruntukan untuk bank itu untuk tahun ini hanyalah RM61 juta. Jadi, kalau boleh RM61 juta ini kita benar-benar memfokuskan kepada industri kecil dan sederhana. Yang besar-besar itu bagilah mereka dapat pinjaman daripada Jepun yang kadar pinjamannya sampai hampir 0% kerana kemampuan dan saiz mereka memungkinkan mereka untuk mendapat pinjaman daripada luar negara. Tambahan pula, kadar Yen Jepun sudah jatuh berbanding dengan Dolar Amerika akhir-akhir ini.

Sebab itu, pihak kementerian saya pohon supaya melihat kepada sektor di mana kita hendak membangunkan usahawan-usahawan bumiputera, kecil dan sederhana. Saya perhatikan sekarang ini, walaupun kerajaan kita cuba memajukan sebelah Pantai Barat dari sudut pembangunan termasuk mengadakan, dengan izin, *double tracking* dari Johor sampai ke Padang Besar untuk memajukan negeri-negeri sebelah Pantai Barat tetapi tanpa kita duga, Kerajaan Thailand di bawah pimpinan Thaksin Sinawatra dari parti Thai, Rak Thai yang mana Menteri Pembangunan Usahawan yang paling berpengaruh di sana datangnya dari selatan Thai dan kemungkinan Menteri memang kenal orangnya kerana keluarga Menteri memang ramai di sana.

Menteri yang paling berpengaruh di Thailand sekarang selepas Thaksin Sinawatra ialah Wan Mohamad Normatta. Wan Mohamad Normatta memang datangnya dari sebelah Pantai Timur, Selatan Thai dan dia juga merupakan Menteri Pengangkutan dan Telekomunikasi, maka kita melihat satu percanggahan dari segi fokus pembangunan di mana Kerajaan Thai akan banyak membangunkan selatan timur Thai dan bukan selatan barat Thai.

Sebab itulah baru-baru ini, peletakan batu asas sudah pun dimulakan oleh Menteri Pengangkutan dan Telekomunikasi Thai di mana satu jambatan baru selain daripada jambatan Bukit Bunga ke Bukit Tar di dalam kawasan Parlimen saya, satu peletakan batu asas yang baru juga telah pun dibuat oleh Wan Mohamad Normatta sendiri bagi Tak Bai ke Pengkalan Kubor. Begitu juga satu lapangan terbang antarabangsa akan dibina di kawasan Yala, bukan lagi di Haadyai dan akan diperbesar Yala.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada kaitan Yang Berhormat, dengan kementerian ini?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ini hendak fokus Pembangunan Usahawan. Sebab itu saya mohon kementerian menggunakan jasa baik kementerian supaya sekarang ini janganlah meninggalkan negeri-negeri di sebelah Pantai Timur kerana dari sudut bumiputera, semua rakyat negara kita maklum bahawa rakyat bumiputera yang paling rajin dan paling kreatif adalah rakyat bumiputera di Kelantan.

Sebab itu, saya fikir, pemusatan biarlah banyak dimanfaatkan kepada rakyat bumiputera di Kelantan supaya mendapat limpahan dan nikmat daripada pembangunan yang bakal dilakukan secara besar-besaran oleh Kerajaan Thai. Kalau tidak, kita akan ke kiri tidak , ke kanan pun tidak kerana bila mana dia sampai Padang Besar, keretapi akan *single tracking*, kemungkinan. Begitu juga kita lihat umpamanya, dalam kes *pipe line*. *Pipe line* itu sepatutnya melalui Songkhla tetapi kerana pengaruh politik, menyebabkan ia terpaksa kena diturunkan dari Songkhla ke bawah lagi.

Sebab itulah, saya mohon pihak kementerian melihat bahawa untuk negeri Kelantan kerana Kelantan memang tidak pernah isytihar negerinya sebagai negara industri berat seperti mana Perwaja, seperti mana yang diidam-idamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia suka kepada benda yang besar-besar, benda yang mega-mega, sampaikan Perwaja yang sudah berapa belas bilion kita kena, sampaikan sudah banyak bilion-bilion kita rugi, kita semua yang kena tanggung. Rakyat semua yang kena tanggung tetapi Kelantan tahu *limit* nya. Dia tahu keadaannya, dia hendak dijadikan jelapang makanan.

Jadi, oleh kerana Kelantan hendak dijadikan jelapang makanan berdasarkan kepada kesedaran Kerajaan Kelantan bahawa *food import* kita RM13 bilion. Dalam

masa 5 tahun lagi, RM20 bilion, maka marilah kita bersama-sama negeri Kelantan dalam hendak menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan, dengan kementerian inilah saya fikir yang paling sesuai untuk turut serta membangunkan hasrat supaya kalau negeri lain hendak bangunkan besi, hendak bangunkan kereta, bagilah tetapi Kelantan hendak bangunkan industri tani kerana kita sekarang tidak ada industri tani yang kita boleh banggakan.

Sebab itu saya fikir bahawa sekarang adalah peluang yang terbaik kerana kita perhatikan, umpamanya dalam pembangunan vendor. Pembangunan vendor cukup malang bagi bumiputera. Kalau bumiputera hendak berjaya dalam vendor mestilah daripada TNB, Petronas dan Telekom. Kalau hendak diharapkan daripada *Sony*, kalau diharapkan daripada *Matsushita* dan selain daripada *Proton* dan *Perodua*, yang lain-lain yang Jepun, kita hanya dapat, dengan izin, *is very small quantity* dan produk-produk yang memang tidak ada *value added*. sehingga bila sampai waktu gawat seperti ini, bila syarikat tersebut lari, menyebabkan syarikat-syarikat vendor bumiputera yang terlibat dalam pembuatan menghadapi masalah.

Jadi, sebab itu kita fokus biarlah, maknanya sekarang ini kita cuba *intensify* kan, dengan izin, kepada sektor pertanian dan saya tengok di bawah Kementerian Pertanian, tidak ada satu pengkhususan. Sesuatu kepala yang secara *direct* membantu bumiputera dalam sektor pertanian kecuali Bank Pertanian. Itu pun Bank Pertanian dan kadar faedah yang dikenakan kepada petani cukup tinggi, tidak memampukan satu syarikat pertanian maju secara persaingan sihat di dalam arena pemiagaan pertanian.

Jadi, saya fikir di bawah kementerian ini supaya melihat kepada bagaimana fokus boleh diberikan kepada negeri yang memang telah bersedia menjadikan negeri tersebut sebagai jelapang makanan negara. Dan di samping itu, kita lihat bahawa oleh kerana infrastruktur-infrastruktur di sebelah Thailand akan banyak fokus kepada situ, maka pada masa yang sama, kerajaan janganlah, dengan izin, "menganaktirikan" kerajaan negeri untuk sama-sama, janganlah terlalu jauh berbanding dengan pembangunan di negeri-negeri di sebelah selatan timur Thailand itu sendiri.

Tuan Pengerusi, kita lihat bahawa peruntukan yang diberikan oleh kementerian terhadap pembangunan vendor itu saya fikir terlalu kecil kerana jumlahnya hanya sekitar RM300 ribu. Jadi, dengan RM300 ribu dengan masalah yang dihadapi oleh vendor-vendor bumiputera ini, saya rasa adalah tidak memadai, bahkan saya hendak mencadangkan kepada pihak kementerian supaya vendor-vendor bumiputera yang saiz pemiagaannya kecil dan mereka banyak terlibat dengan sektor-sektor umpamanya, *plastic injection* dan syarikat-syarikat bumiputera yang terlibat dengan *tools* dan *dies* pun sudah mungkin tinggal satu atau dua sahaja dalam kategori *value added*, yang lain sama ada *metal stamping* ataupun *plastic injection*.

Jadi, minta pihak kementerian melihat kepada hutang-hutang mereka yang besar. Saya sedar mereka ini membuat pinjaman-pinjaman melalui MARA dan mereka ini banyak beroperasi di kilang-kilang bimbingan MARA tetapi mereka masih belum atau kurang mampu untuk membayar hutang-hutang MARA.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, kita ingin lihat supaya kementerian benar-benar memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat ini. Di samping itu, kalau boleh...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ....TEKUN itu biarlah kalau boleh saya mohon Menteri, projek TEKUN...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ....Biarlah berjaya seperti projek Amanah Ikhtiar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.15 tgh.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat bagi Serdang, Kubang Kerian, Tambun, Seputeh, Temerloh, Rompin dan yang terakhir sekali tadi Jeli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di Peringkat Jawatankuasa ini bagi Kementerian Pembangunan Usahawan. Yang banyak daripada perkara yang telah dibangkitkan adalah perkara-perkara yang relevan dan perlu diberikan jawapan.

Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan berkenaan dengan *Komuter station, shuttle service* yang berjalan sekitar *radius,* 5 kilometer di mana syarikat yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan perkhidmatan itu ialah Syarikat Park May.

Jadi, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa ada sedikit masalah di sini di mana Syarikat Park May, saya difahamkan menghadapi kesulitan dalam pengurusan syarikat itu. Mungkin ini merupakan perkara yang menyebabkan perkhidmatan tidak dapat dijalankan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya akan melihat perkara ini dan akan mengarahkan supaya LPKP untuk mengambil tindakan dengan kadar secepat mungkin untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka yang menggunakan stesen komuter di Serdang ini.

Keduanya Yang Berhormat menyebut berkenaan dengan ada perkhidmatan yang sepatutnya diberikan kepada taman-taman perumahan yang baru, yang mungkin tidak diberikan oleh syarikat bas yang ada, maka Yang Berhormat mencadangkan supaya syarikat awam bas tempatan diwujudkan untuk mengatasi masalah ini.

Sebenarnya ia tidaklah semudah itu. Kita sebenarnya terbuka kepada apa-apa perkara juga yang dipohonkan oleh masyarakat sekiranya ia dapat mengatasi masalah secepat mungkin. Tetapi daripada kita punya siasatan dan penilaian pada peringkat ini kawasan-kawasan taman perumahan baru ini sebenarnya ianya mampu untuk dikendalikan oleh syarikat yang sedia ada. Cuma mungkin pertamanya perkara ini tidak diutarakan dan tidak dalam pematuhan syarikat bas yang sedia ada memberi perkhidmatan ataupun kadangkala keperluannya ada tetapi dia punya *volume* itu tidak ada di situ. Ini menyebabkan syarikat bas yang berkenaan mungkin menghadapi masalah untuk memberi perkhidmatan. Dan juga kalau kita mewujudkan syarikat bas tempatan yang baru untuk mengatasi masalah ini ia juga akan menghadapi masalah kewangan juga.

Jadi, perkaranya tidaklah sebegitu mudah namun kita tetap akan mengambil tindakan seperti yang Yang Berhormat tahu iaitu bahawa tidak beberapa lama dahulu ada kawasan yang tertentu yang diberi perkhidmatannya oleh Intrakota tetapi dia tidak berupaya untuk meneruskannya. Kita mengambil tindakan secepat mungkin untuk berbincang dengan mereka supaya meneruskan kembali walaupun tidak kepada, orang kata *volume* ataupun kekerapan seperti yang diharapkan tetapi sekurang-kurangnya memberi perkhidmatan sama ada sejam sekalikah asalkan supaya perkhidmatan ini dapat diberikan. Jadi, kita sentiasa akan mengambil tindakan sebaik sahaja kita dapat tahu kerana kita akan dimaklumkan oleh syarikat kalau sekiranya mereka mahu menghentikan sesuatu perkhidmatan kepada sesuatu kawasan.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkenaan dengan Pusat Giat MARA. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang cukup prihatin di atas pewujudan Pusat Giat MARA di kawasan Yang Berhormat. Sukacita saya memaklumkan iaitu bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Serdang dimasukkan dalam Kawasan Parlimen yang akan diwujudkan Pusat Giat MARA dan insya-Allah saya diberi maklum bahawa awal tahun hadapan, 2002 akan diwujudkan Pusat Giat MARA Serdang. Saya harap Yang Berhormat sudah ada tapaklah, ya. Kalau yang paling cantik elok itu sekitar 3, 4 ekar supaya kita buat satu yang tetap, supaya dapat memberi perkhidmatan kepada belia-belia yang tinggal di kawasan Serdang itu.

Tuan Pengerusi, itu Giat MARA, Serdang sudah habis. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah membangkitkan berkenaan dengan PNS. Di bawah akta yang mengawal badan tersebut, kuasa sepenuhnya yang diberi untuk pelantikan dan apa juga keperluan yang perlu untuk badan itu ialah di bawah naungan Menteri Kewangan. Selama hari ini Kementerian Pembangunan Usahawan hanyalah untuk memantau apa

juga perjalanan yang dilakukan di bawah badan ini. Oleh kerana sebab itulah pada hari ini PNS pun dia tidak mari untuk memberi jawapan dalam jawatankuasa ini. Dan nasihat yang telah kita diberikan oleh *Chamber Attorney General* sememangnya itu bahawa kementerian yang bertanggungjawab secara terus dalam hal ini ialah Kementerian Kewangan. Jadi, tidak berbangkit soalan itu bahawa kalau sekiranya ada pertindihan maka ia perlu dibuat pengumuman. Ini tidak pernah berlaku apa-apa juga pertukaran jabatan-jabatan di bawah kementerian-kementerian, ianya dilakukan secara pentadbiran sahaja.

Jadi, oleh kerana itu saya sudah bagi soalan pelaburan-pelaburan ini saya kira ianya perlu mendapat jawapan yang tepat dan saya tidak bercadang untuk menjawab pada hari ini kerana saya tidak mempunyai maklumat...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, berdiri dua orang Yang Berhormat. Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara yang saya ingin pohon penjelasan. Yang pertama ialah Menteri telah memberitahu tadi bahawa berlaku perubahan pemantauan. Sebelumnya kementerian ini memantau PNS dan kemudiannya balik kepada Kementerian Kewangan. Saya hendak tahu, apakah sebab perubahan pemantauan tadi daripada kementerian ini kepada Kementerian Kewangan. Yang kedua saya hendak tahu ialah Yang Berhormat ada menyebut bahawa pelaburan-pelaburan terperinci yang telah saya sebutkan tidak akan diberi jawapan sekarang. Adakah saya akan mendapat jawapan kemudian daripada hari ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertamanya ia bukan perkara baru iaitu bahawa pelantikan CEO dan juga pengerusi ahli lembaga pengarah termasuk lembaga pengarah ianya semua dibuat atas keputusan yang dibuat oleh Menteri Kewangan. Dahulu pun begitu. Jadi, tidak berbangkit soal iaitu bahawa sekarang sudah ada perubahan sebenarnya. Sebenarnya pemantauan itu memang dilakukan oleh kementerian tetapi kuasa penuh dan tanggungjawab yang terakhirnya ialah di bawah Menteri Kewangan – daripada dahulu macam itu bukan sekarang sahaja.

Keduanya, Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan perkara yang khusus. Jadi, dia perlu untuk mendapat jawapan yang tepat. Saya kira kalau saya menjawab pada hari tentang apa yang Yang Berhormat minta saya kira saya tidak ikhlas kepada diri saya dan juga kepada Yang Berhormat. Sebab itu saya kira dalam hal ini insya-Allah saya akan rujuk kembali kepada PNS dan bagaimana jawapannya mungkin Yang Berhormat di Peringkat Jawatankuasa, peringkat Kementerian Kewangan mungkin boleh membuat persoalan ini lagi. Sebab Kementerian Kewangan akan menjadi kementerian yang terakhir dalam kita bincang di Peringkat Jawatankuasa ini.

Kemudian Yang Berhormat bagi Tambun telah bertanya berkenaan dengan apakah pandangan dan perasaan saya selaku Menteri berkenaan dengan prestasi usahawan-usahawan kita. Saya cuma hendak menyebut di sini iaitu bahawa dalam apa keadaan sekalipun, Kementerian Kewangan telah diwujudkan atas tiga perkara iaitu pertamanya untuk tugas-tugas peranan membangun usahawan ini tugas-tugasnya ialah untuk menyediakan pembiayaan terhadap usahawan-usahawan kita iaitu dengan mewujudkan dana bagi usahawan di semua peringkat, daripada peringkat yang paling rendah sampailah kepada SMI. Kemudian kementerian bertanggungjawab untuk memberi latihan kursus dan lain-lain kepada usahawan-usahawan kita dan ketiganya ia khusus untuk usahawan bumiputera iaitu untuk kita menyediakan premis-premis perniagaan.

Maka inilah tiga perkara yang paling utama dalam usaha kita untuk mewujudkan usahawan di negara kita. Maka kalau Yang Berhormat tanya kepada sayalah iaitu apakah perasaan saya, saya merasakan itu bahawa memang banyak perlu dilakukan. Sehingga pada hari ini kita tidak berpuas hati dengan pencapaian yang diperoleh oleh usahawan bumiputera. Kalau di peringkat domestik ini pun kita merasakan bahawa banyak yang perlu kita lakukan lagi. Apatah lagi di peringkat globalisasi, saya rasa banyak lagi yang kita perlu lakukan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar berdiri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap. Oleh kerana itu saya fikirkan itu sebenarnya tidak kehabisan dalam soal ini. Kalau kita bercakap ...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, nanti saya habis. Kalau kita bercakap berkenaan dengan usahawan, orang berkata itu bahawa tidak akan orang bumiputera masih lagi mahu menjadi peniaga kecil. Betul! Tetapi saya rasa 20 tahun daripada sekarang pun peniaga kecil ini masih lagi ada. Sebab kalau dia hendak jadi yang besar pun dia kena mula daripada kecil. Jadi, sebab itu tidak berbangkit soal di mana satu hari nanti kita kata bahawa akan selesai masalah. Tidak adalah usahawan kecil semuanya usahawan-usahawan besar. Itu tidak mungkin akan berlaku.

Sebab itu kepada saya tanggungjawab Kementerian Pembangunan Usahawan adalah berterusan dan kalau apa sekalipun kita capai dalam soal kata seorang usahawan itu telah meningkat menjadi usahawan yang besar tetapi soal masalah usahawan kecil itu masih lagi akan wujud dan masih lagi akan relevan kerana dia akan berterusan buat selama-lamanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, saya sebenarnya hendak bercakap tadi oleh kerana dipanggil kawan daripada luar jadi saya tidak ada di dalam. Saya ingin bertanya dua soalan dengan Yang Berhormat Menteri.

Saya amat bersetuju sekali bahawa usahawan ini bukan maknanya peniaga kecil sahaja bahkan usahawan ini orang yang boleh mengeluarkan keuntungan berbilion-bilion. Saya tengah membaca buku keusahawanan di depan saya ini. Persoalannya pada akhir 1970-an di Amerika dianggapkan keusahawanan ini adalah satu nadi penggerak, *business* ataupun perniagaan di Amerika yang terbesar. Dengan itu Kerajaan Amerika telah meluluskan satu undang-undang untuk mengadakan dana. Dana ini diwujudkan bukan sahaja untuk pinjaman kapital tetapi juga untuk mewujudkan *research and development* untuk usahawan-usahawan kecil. Dan dalam masa yang sama sistem pembelajaran di universiti-universiti di Amerika juga diubahsuaikan supaya tidak mengadakan banyak sangat pengurusan di peringkat universiti tetapi dilatih daripada segi keusahawanan.

Jadi, 26 universiti menyahut persoalan kerajaan ini. Jadi, dalam keadaan yang sama saya hendak bertanya sama ada pihak kementerian bercadang untuk memberi saranan kepada Kementerian Pendidikan supaya melihat semula *syllabus* universiti untuk mengadakan *syllabus* yang mirip kepada keusahawanan bukan kepada perdagangan kerana ini dua konsep yang berlainan. Perdagangan untuk pengurusan, keusahawanan untuk mencari *business* dan perdagangan. Dan menjadi dua konsep yang berlainan. Ini supaya kita mirip tuju kepada keusahawanan tidak kepada perdagangan sahaja.

Dan yang kedua untuk mewujudkan bukan sahaja *fund* untuk perniagaan ataupun *rolling capital* ataupun kapital biasa tetapi untuk *research and development* kepada usahawan-usahawan kecil sebagaimana diwujudkan di Amerika sekarang daripada RM600 juta dulu tahun 1982 sampai sekarang sudah ada RM4 bilion kewangan yang disediakan untuk *research and development* dalam segi keusahawanan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kita memang menekankan juga iaitu bahawa keusahawanan ini perlu dimulakan di peringkat sekolah dan diperkenalkan juga dalam bidang pendidikan. Jadi sebab itu Kementerian Pembangunan Usahawan kita mempunyai Program Usahawan Muda yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia, untuk menyemaikan budaya keusahawanan dan melatih pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan.

Program ini dilaksanakan kerana kementerian sedar bahawa pelajar-pelajar perlu diasuh dan dilatih dari peringkat awal untuk menjadi usahawan yang lebih

bersedia dan berdaya tahan. Pada tahun 2000 sahaja, seramai 9,232 orang pelajar sekolah menengah terlibat dalam Program Usahawan Muda ini dan di peringkat universiti pun kita ada menghantar dan mengadakan kursus, dan kita juga mempunyai dana kursus untuk siswazah. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa kita tidak mengetepikan pendidikan keusahawanan di kalangan para pelajar kita.

Yang Berhormat bagi Tambun juga membangkit berkenaan dengan beliau mahu melihat iaitu bahawa sampai masanya kita memberi penilaian kepada usahawan ini mengikut merit. Itu merupakan cita-cita kita dan sasaran kita untuk jangka panjang tetapi saya kira Yang Berhormat di peringkat waktu ini, belum lagi kita bersedia untuk berbuat demikian kerana kita baru sahaja memulakan perkara ini dan saya rasa bahawa untuk kita hendak mengetepikan kuota dan perkara-perkara lain yang memberikan *advantage* kepada usahawan bumiputera itu diketepikan, saya rasa belum sampai pada masanya lagilah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Pandangan saya sebenarnya bukan kita mengetepikan Fasal 153. Maksud saya dalam konteks kementerian menjaga usahawan bumiputera yang memohon berbagai perkara, dari segi pemprosesan mesti berasaskan kepada orang yang lebih baik daripada orang yang tidak baik, itu maksud saya. Supaya tidak wujud satu sistem dalam golongan usahawan, dia mengatakan sesuatu, ini hak dia. Bila wujud sistem itu mereka akan jadi tidak bertanggungjawab. Ini yang dapat saya lihat berlaku dalam dunia usahawan bumiputera sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam sistem tender kita, ada tender tertutup untuk bumiputera dan ada tender terbuka. Jadi tender terbuka itu syarikat bumiputera boleh bersaing dengan syarikat bukan bumiputera. Tapi dalam tender yang khusus untuk bumiputera maka mereka bersaing intralah, sesama mereka dan sistem ini masih lagi perlu untuk membolehkan syarikat bumiputera ini mendapat pengalaman.

Yang paling penting sekali ialah kewangan kerana kalau sekiranya kita tidak mengadakan sistem ini, saya kira sudah tentu kontraktor bumiputera kita akan menghadapi masalah. Sebagai contoh macam kontraktor Kelas F, Kelas F ini khusus untuk bumiputera. Kalau ianya terbuka maka saya kira banyaklah syarikat bumiputera ini akan gulung tikar dan akan menjadi Ali Baba, dalam keadaan sekarang pun Kelas F khusus bumiputera ini pun ada juga yang menjadi Ali Baba. Jadi apatah lagilah kalau sekiranya ia terbuka. Jadi sebab itu saya masih menekankan iaitu bahawa sistem merit ini dalam perkara-perkara tertentu masih lagi belum boleh diketepikan dan masih perlu dipertahankan.

Yang Berhormat bagi....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, Padang Terap.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri tentang kedudukan setengah-setengah daripada usahawan bumiputera peringkat kampung, mereka ada mempunyai bakat, umpamanya beberapa orang kawasan saya dia boleh buat kasut dan boleh buat beg, dia boleh buat perabot dan sebagainya. Tapi mereka ini oleh kerana keadaan persekitaran dan pengetahuan mereka begitu rendah, hendak mendapat modal itu susah, hendak pergi bank dan sebagainya, hendak buat kertas kerja itu yang menjadi masalah kepada mereka, jadi apakah peranan dan agensi kementerian di peringkat daerah untuk membantu mereka dalam memberi bimbingan dan sebagainya supaya kita naikkan taraf mereka ini kepada tahap yang sekurang-kurangnya di peringkat negeri ke peringkat dalaman atau sebagainya? Jadi saya minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Bagi bumiputera di kawasan pedalaman MARA lah sebenarnya agensi yang bertanggungjawab untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera yang berbakat untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan ini. Jadi, kita MARA mempunyai pejabat di peringkat daerah, kita ada macam pegawai daerah kitalah iaitu

Pegawai Pembangunan MARA di peringkat daerah dan mereka boleh dihubungi untuk mendapat apa-apa juga bantuan daripada segi sama ada latihan ataupun pembiayaan dan juga bagi premis-premis untuk perniagaan. Jadi kita boleh menghubungi mereka.

Cuma Yang Berhormat saya faham ada masalah sikit berkenaan dengan pembiayaan ini. Kalau macam kontrak, kita boleh sandarkan kontrak itu untuk mendapat *loan,* jadi bayaran dibuat terus itu tidak ada masalah sebab itu kontraktor Kelas F tidak menghadapi masalah untuk mendapat pembiayaan projek yang mereka terima kerana kita keluarkan pinjaman berdasarkan kontrak yang disandarkan sebab bayaran itu akan dibuat terus kepada akaun dalam MARA, itu tidak ada masalah.

Yang masalahnya kalau kita mempunyai, katalah kita hendak buat kasut, kita hendak bina kilang tapi kadangkala di kawasan-kawasan tertentu kita ada kilang juga yang boleh disewa tapi kalau kita hendak mula perniagaan, ini kadangkala MARA memerlukan kepada sandaran sedikit dan kadangkala kena mendapat penjamin juga. Saya faham iaitu bahawa memang ini merupakan perkara dan masalah yang dihadapi oleh orang-orang kampung ini tapi dalam masa yang sama kita hendak ingat juga iaitu bahawa wang ini adalah wang rakyat. Jadi, kita hendak pasti juga supaya apa juga bentuk pinjaman yang kita beri, ia mesti ada harapan untuk dibayar balik.

Jadi kita hendak kena seimbanglah. Seberapa yang boleh kita akan cuba untuk memberi pinjaman ini kepada usahawan-usahawan ini tapi dalam masa yang sama kita perlu juga sedikit jaminan untuk memastikan supaya kemungkinan pinjaman itu dibayar balik, itu potensinya ada. Jadi walau bagaimanapun, saya telah minta kepada pegawai-pegawai MARA saya supaya mereka lebih memberi pertimbangan yang orang kata apa, lembut sedikit kepada usahawan-usahawan ini. Siasat lebih, tengok daripada segi keupayaan dia, jangan terus minta cagaran, minta jaminan tidak dapat, terus tolak, jangan begitu. Pergi siasat, tengok sendiri apa yang dilakukan oleh mereka. Kalau nampak dia tekun, dia boleh buat kerja, berilah. Jadi ini menggunakan sedikit budi bicara pegawai berkenaan. Jadi ini yang kita lakukan.

Jadi di peringkat kawasan luar badar, agensi yang bertanggungjawab ialah MARA. Ialah yang akan membantu usahawan-usahawan kita di kawasan luar bandar ini.

Saya pergi kepada Yang Berhormat bagi Seputeh. Yang Berhormat ada sebut iaitu bahawa pengangkutan ini, ada tiga kementerian iaitu EPU di bawah JPM lesen di bawah saya dan kemudian di bawah pengangkutan. Sebenarnya ia bukan satu perkara yang orang kata, apa luar biasa. Kalau kita tengok di India, dia ada satu kementerian khusus untuk *railway* sahaja walaupun ia merupakan pengangkutan. Jadi dia ada mempunyai *Minister of Railway* yang menjaga jalan kereta api sahaja. Dan dia punya *air transport*, *Ministry* berbeda dengan kementerian hal kapal-kapal ini semua. Jadi dia ada tiga *separate* kementerian, kementerian berbeza walaupun semuanya merupakan pengangkutan. Jadi ini bukanlah satu perkara yang luar biasalah kalau kita melihat soal-soal pengangkutan ini dibahagi-bahagikan kepada beberapa kementerian. Cuma justifikasinya Yang Berhormat iaitu bahawa LPKP ini diletakkan di bawah saya kerana ia melibatkan seorang individu yang boleh jadi usahawan. Kita hendak supaya pemandu teksi, pemandu bas sekolah jangan memikirkan diri mereka sebagai pemandu, kita hendak fikirkan diri mereka sebagai usahawan. Jadi maknanya, kalau kita bagi lesen kepada dia dan dia menganggap dia sebagai pemandu, jadi dia punya pemikiran itu hanya sebagai seorang pemandu. Tapi kalau kita kata awak seorang usahawan, saya bagi permit, beli teksi, jadi seorang usahawan maka dia akan berbeza sedikit. Mungkin dia akan bawa teksi lebih baik sebab teks itu -teksi dia dan dia tidak fikir sebagai seorang *taxi driver* tetapi dia sebagai usahawan, dia lebih kerja dan dia lebih dapat keuntungan. Jadi, kita melihat permit itu sebagai satu cara untuk mewujudkan seorang usahawan maka oleh kerana itulah kita meletakkan LPKP yang mengeluarkan lesen-lesen ini di bawah kementerian pembangunan usahawan.

Pengangkutan yang berat-berat iaitu kapal terbang, MAS. MAS di bawah pengangkutan. Kapal-kapal yang besar itu yang laut punya itu. *Railway* itu di bawah pengangkutan. Jadi kita bezakan pengangkutan berat dengan pengangkutan yang memerlukan kepada permit-permit yang kecil ini, kita bezakan. EPU dia cuma *study* sahaja, maknanya EPU ini kalau kita perlukan sesuatu, dia *study* dan dia buat keputusan nanti kita diarahkan untuk mengambil tindakan tertentu. Itu pembahagian tanggungjawab. Dia tidak begitu *blur* sangatlah atau kabur-kabur dia punya *division* itu, ia cukup jelas. Pengangkutan berat di bawah Kementerian Pengangkutan, LPKP sahaja yang melibatkan pengeluaran permit itu diletakkan di bawah kementerian saya

kerana dia boleh mewujudkan seorang usahawan menerusi pemberian permit-permitnya. Kalau bagi dia permit bas sekolah, dia usahawan lah, seorang individu yang bawa. Kalau teksi, dia bawa teksi, van pekerja, dia bawa van pekerja. Kita anggap dia sebagai seorang usahawan supaya dia lebih bekerja dan tidak menganggap diri dia sebagai makan gaji sahaja.

Jadi sebab itu justifikasinya kita bahagi-bahagikan seperti yang berlaku di negara kita ini iaitu LPKP di bawah kementerian saya dan pengangkutan berat di bawah Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat juga sebut berkenaan dengan stesen LRT ini....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Tebrau.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Sikit saja, boleh Dato'?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya Tebrau, Tebrau.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila Tebrau

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya sedikit dari segi dasar pemberian kereta sewa kepada syarikat dengan individu. Saya dua tiga kali naik teksi, pemandu teksi ini kompelin sedikit, bukan kompelinlah pasal cerita pemberian kepada pihak syarikat. Jadi dia yang susah dia kata lepas memandu lima tahun, lepas lima tahun bayar tu, kereta sahaja yang diberi, lesen ditarik. Jadi, masalah ini sudah patut dikaji baliklah pemberian lesen kepada syarikat Mula-mula dulu barangkali saya ingat, niat kerajaan ialah dapat mengawal tetapi sekarang syarikat ambil untung yang besar tetapi lepas situ dia tidak dapat meneruskan membawa teksi kerana permit itu terhad kepada pemandu. Dia pinjam kereta tetapi kereta itu pulang balik pada dia tetapi dia tidak boleh bawa teksi lagi.

Jadi bolehkah dibuat kajian balik dasar pemberian kepada syarikat ini lebih baik atau kepada individu kerana sepanjang saya naik teksi dekat Kuala Lumpur ini sudah banyak kali, tidak ada satu pun pemandu setuju dengan cara itu kerana dia kata itu membebankan kepada dia, kerana dia sudah tidak boleh hendak bawa teksi kerana permit diambil oleh syarikat. Jadi, dia ada kereta tidak tahu apa hendak buat. Terima kasih Dato'

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya Yang Berhormat, kedua-duanya perlu. Bagi kepada syarikat perlu, bagi kepada individu pun perlu. Sebab kita berkata demikian ialah kerana kita menurunkan syarat iaitu bahawa seseorang individu untuk dia mendapat lesen, dia mestilah sekurang-kurangnya telah pun membawa teksi 5 tahun. Kalau semuanya bagi pada individu, bermakna di mana dia hendak mendapat pengalaman 5 tahun itu? Kalau tidak dia memajak daripada orang yang memegang permit. Dan kita tidak setuju orang memajak permit ini.

Jadi oleh kerana itu, syarikat perlu ada kerana dengan adanya syarikat ini maka individu itu boleh mendapat pengalaman bawa teksi lima tahun. Jadi bila dia hendak mohon nanti, kita tanya, "Ada pengalaman lima tahun bawa?" Dia kata, "Ada." Ok. "Bawa di mana?" Dia beritahu, "Syarikat ini .....". Jadi oleh sebab itu, sistem memberi permit kepada syarikat dan juga individu adalah perlu. Apa yang dilakukan oleh kementerian saya pada hari ini ialah untuk mengimbangkan kepada tahap 60:40 iaitu 60 permit kita nisbahkan kepada syarikat dan 40 kepada individu dan sehingga nisbah ini dapat diperimbangkan, selagi itulah permit tidak akan dikeluarkan untuk syarikat.

Jadi kementerian telah membuat keputusan iaitu bahawa kita akan memberikan kepada individu sehingga kita dapat mengimbangkan nisbah kepada 60:40. Jadi memang betul, ada syarikat yang bagus, ada yang baik tetapi ada juga yang pemandu yang bagus dan ada yang tidak baik sebab apabila kerja dengan syarikat, mereka patut makan gaji tetapi bila dia makan gaji, dia tahu gaji dia dapat, dia bawa teksi banyak mana pun gaji tetap dapat. Jadi dia ponteng, tuang dan macam-macam masalah, bukan satu perkara yang mudah kita hendak selesai. Maknanya buat sesuatu, selesai semua. Oleh sebab itu, kita akan terus memberikan permit kepada individu sehingga kita dapat mengimbangkan nisbah kepada 60:40 antara syarikat dengan individu ini.

Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan stesen LRT ini. Sebenarnya dalam pertimbangan kita mewujudkan stesen, kita ikut jajaran, keperluan kawasan tempatan. Tidak berbangkit soal stesen ini dibuat berdasarkan kepada soal kaum apa yang ramai di situ? Saya ingat itu perancang gila kalau dia mahu melibatkan satu bentuk perkhidmatan yang melibatkan pengangkutan yang boleh mendatangkan keuntungan tetapi kalau dia buat di hulu-hulu stesen ini, mana ada orang hendak naik di situ kan? Sebab itu saya kira adalah tidak betul kalau sekiranya, saya cukup simpati sebab Seputeh memang saya punya *favorite* kawasan, dahulu saya selalu dekat Brickfields dan saya tengok memang ramai orang tetapi mungkin kalau ianya tidak dibina stesen di situ mungkin ada faktor-faktor yang lain bukan kerana terdiri daripada kaum yang bukan bumiputera duduk di situ tetapi mungkin dari segi kata hendak buat stesen, tidak cukup tempat sebagai contoh. Tetapi Sentral itu buat di Brickfields. Tetapi saya pergi makan hari itu Yang Berhormat, dia kata itu bukan kawasan Yang Berhormat, sudah terkeluar. Saya pun *frust* juga, saya ingat boleh jawab pada hari ini mengatakan Sentral itu kawasan Yang Berhormat, tetapi bukan ya. Itu kawasan Lembah Pantai ya, *[Disampuk]* Cheras ya. Cheras, saya kira juga mungkin ada perkara-perkara lain yang tidak dapat dilaksanakan sebab Yang Berhormat, kalau kita buat stesen sudah tentu kita hendak orang naik keretapi kita tetapi sama ada dia Cina, Melayu atau orang ramai sahaja mesti kita hendak sebab *catchment area.*

Jadi tidak betul kepala perancang itu kalau dia mengetepikan Cheras semata-mata kerana itu kawasan DAP. Jadi saya ingat itu bukan alasan sebenarnya mengapa tidak ada di situ.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat kiranya sudah ..... *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada masa? Saya hendak habis pukul 1.00, jadi saya minta maaf, tidak boleh. Jadi kena teruskan, pukul 1.00 hendak habis Yang Berhormat...

Puan Chong Eng: *[Bangun][Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, orang lain punya pun hendak jawab juga. Dia tumpang sahaja *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Orang lain sudah berucap, kena jawab. Jadi Yang Berhormat juga, berkenaan dengan bas. Kenaikan bas ini bukan kerana syarikat bas itu dipunyai oleh anak Perdana Menteri atau anak siapa. Saya yang menaikkan tambang bas ini kerana tambang bas sudah tidak naik lapan tahun. Harga-harga lain semua naik, tayar sudah naik, diesel naik, macam-macam naik.

Jadi baru-baru ini kita naik ialah kerana sudah lebih lapan tahun tidak naik Yang Berhormat ya. Jadi ia bukan kerana alasan syarikat itu diperoleh atau dipunyai oleh orang-orang tertentu atau *crony* siapa.

Integrated System Ticket itu memang betul. Saya rasa kalau kita dapat laksanakan, itu satu perkara yang baik dan memang ke arah itulah yang kita hendak pergi. Cuma Yang Berhormat kena faham bahawa ia melibatkan beberapa buah syarikat yang berbeza. LRT dipunyai oleh orang lain, bas dipunyai oleh orang lain. Jadi mereka terpaksa menyelesaikan masalah mereka terlebih dahulu baru boleh kita mengadakan satu sistem yang *integrated.*

Saya juga bersetuju Yang Berhormat sebut iaitu bahawa sistem pengangkutan dalam dunia ini tidak ada yang tidak diberi subsidi oleh kerajaan cuma kita cuba di Malaysia ini supaya kerajaan tidak terlibat sebab kalau boleh kita tidak mahu membebankan kewangan kerajaan dan sebaik-baiknya untuk menjadikan satu sistem itu efisien, berkesan, ia selalunya mesti dikendalikan oleh swasta sebab kalau dikendalikan oleh kerajaan sudah tentu akan berbangkit pelbagai masalah. Di mana-mana pun kita tahu begitu. Kalau dia sudah tahu bahawa dia tidak perlu mendapat keuntungan, tiap-tiap bulan dia tahu dapat gaji dia, kerajaan akan bagi maka dia jadi *inefficient,* itu sudah lumrah. Jadi sebab itu saya bersetuju iaitu bahawa kalau sekiranya sedikit sebanyak diberikan subsidi sebab tidak mungkin dengan kos yang

begitu tinggi, yang terpaksa kita hadapi pada hari ini, syarikat swasta boleh kendalikan pengangkutan di negara kita.

Yang Berhormat bagi Temerloh, berbangkit berkenaan dengan hendak mewujudkan MRSM di Temerloh. Setakat hari ini sudah ada tiga Yang Berhormat MRSM iaitu bahawa pertamanya di ibu negeri, di Kuantan, satu di Muadzam, satu lagi di Lipis. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ada dua lagi tetapi sebelah Barat juga Yang Berhormat, macam mana boleh terlepas, tidak tahulah. Satu di Bentong, satu di Raub. Saya setuju juga bawa ke tengah perkara ini tetapi bincang dengan Menteri Besar, takut Bentong itu kita boleh bawa ke Bera, itu boleh bincang. Jadi Yang Berhormat kena jumpa dengan Menteri Besar ataupun Exco Kerajaan Negeri Raub itu. Jadi dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita akan bina di Raub dan Bentong iaitu di sebelah barat, Pahang. Memang ada justifikasi sebenarnya saya kira untuk buat di tengah Pahang. Jadi kalau benda ini sudah pun termaktub dalam Rancangan Malaysia Kelapan, jadi kalau perlu pindaan, kena bincang cepat-cepat sebelum wang itu dikeluarkan.

Kursus-kursus, ya Yang Berhormat, kita akan memberi kursus mengikut keperluan semasa. Apa juga bentuk *input* yang difikirkan sesuai, Yang Berhormat boleh berikan cadangan kepada kita. Kita terbuka tentang perkara ini. Sudah tentulah perkara asas sebenarnya yang kita berikan kepada usahawan dan bagi mereka yang hendak lebih daripada itu bermakna kita perlu *input* daripada luar. Kadang kala kita kena ambil juga pensyarah-pensyarah daripada luar, usahawan-usahawan yang berpengalaman untuk datang memberi ceramah kepada mereka dan seperti yang saya sebut, kita memang terbuka untuk mendapat *input* baru.

Pusat Giat MARA tahun depan Yang Berhormat, tahun 2002 insya-Allah Rancangan Malaysia Kelapan sudah ada Pusat Giat MARA, memang hendak buat di daerah Bera pun. Tetapi kena panggil Pusat Giat MARA Temerloh sebab kita ikut Parlimen. Jadi walaupun buat di Bera tetapi Pusat Giat MARA itu Pusat Giat MARA Temerloh.

Yang Berhormat bangkit juga berkenaan dengan *franchise*. *Franchise* ini memang bukan sahaja kita memikirkan tentang *franchise* tempatan tetapi kita juga melibatkan *franchise* luar negara kerana *franchise* ini tujuannya bukan sebenarnya *franchise* ini satu perkara yang menjadi keutamaan kepada kita. *Franchise* ini kita mahu diadakan untuk mewujudkan MPPB secepat mungkin kerana perniagaan dengan cara pendekatan *franchise* adalah cara paling cepat untuk kita hendak mewujudkan seorang usahawan. Sebab itu pada kita yang sebenarnya penting kepada kita ialah pendekatan itu sebab itu tidak bangkit soal kita hendak mewujudkan *franchise* tempatan. Kita juga melibatkan *franchise* luar negara kerana dengan cara itu kita cepat untuk mewujudkan usahawan kita.

Tahun lepas *franchisor* Yang Berhormat sebut mungkin betullah, empat tetapi *franchisor* ini agak sukar. Bukan dengan satu tahun berniaga, kita sudah boleh jadi *franchisor*. Dia perlu pertahankan beberapa tahun dahulu, barulah kita boleh jadikan ia sebagai *franchise*. Tidak mungkin kita wujudkan sebuah perniagaan pada hari ini, besok sudah menjadi *franchise,* tidak mungkin Yang Berhormat sebab itu dia lambat sedikit kalau ada *local franchisor* diwujudkan empat, itu mungkin disebabkan oleh kerana sukar untuk kita mewujudkan *franchisor* secara cepat. *Franchisees* ya, itu cepat, kita boleh wujud. Malah dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita hendak wujud kalau tidak silap saya 1,000 *franchise*....

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri cukuplah ini, ada dua lagi....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sudah habis?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau boleh gulung jawapan yang dua orang itu secara paling ringkas yang Menteri boleh dibuat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, jadi yang akhir sekali saya kena jawab Yang Berhormat bagi Jeli sebab saya hendak..., yang Rompin punya semua kita sudah ambil kira.

Yang Berhormat bagi Jeli menyatakan bahawa kita tidak memfokuskan pembangunan kita kepada seluruh negara, nampak lebih *bias* kepada apa orang kata, Pantai Barat. Tetapi Yang Berhormat, kita hendak buat macam mana itulah bentuk fizikal badan Semenanjung Melayu ini sebab dia kembung di tengah tetapi di Selatan Thai dia mengecut. Orang panggil apa, Segenting 'Kura'. Sebab itu Yang Berhormat kata macam jambatan *[Disampuk]* Betullah *[Ketawa]* Saya pun dari sana, Yang Berhormat itu betullah.

Di Selatan Thai itu, sungainya semua besar-besar mengalir ke Timur sebab itu jambatan banyak dibuat di sebelah sana sebab kalau Yang Berhormat tengok peta kita itu, dia mengecut, Segenting 'Kura' itu mengecut di situ sebab itu kalau dia buat di Yaala pun dianggap sebagai Pantai Timur, kalau dibuat di Selatan Thai pun Pantai Timur sebab dia mengecut. Malah tempat kecut itu pun dibahagi dua. Myanmar satu, dia satu.

Jadi sebab itu sebenarnya bukan tujuan kita untuk mendiskriminasikan sebab Yang Berhormat tahu Semenanjung itu besar, gemuk jadi dia ada dua. Satu keretapi pergi ke Timur, satu pergi ke Barat dan waktu sekarang ini yang paling banyak taburan penduduk di Barat. Jadi kita buat yang itu dahulu, *electrification* keretapi itu lepas itu kita buat sebelah Timur pula. Jadi kalau Yang Berhormat sebut itu bahawa .....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa sudah ....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ok, jadi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Insya-Allah yang mana saya tidak jawab, saya cuba untuk beri jawapan secara bertulis. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,046,786,270 untuk Maksud B.39 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,046,786,270 untuk Maksud B.39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,122,840,000 untuk Maksud P.39 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,122,840,000 untuk Maksud P.39 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan kita ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengahari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Maksud B.40 [Jadual] –
Maksud P.40 [Anggaran Pembangunan 2002] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.40 dan kepada Pembangunan P.40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Tanah Merah, sila.

2.32 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, saya ingin menyentuh 010700 - Bahagian Pembasmian Kemiskinan yang terletak di bawah pentadbiran ibu pejabat dan

juga 020000 - Bahagian Kemajuan Masyarakat yang juga termasuk di dalamnya kesejahteraan keluarga. Saya pertama sekalinya ingin mengucapkan tahniah dan syabaslah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar yang telah berani menimbulkan soal penyelewengan wang PPRT yang berjumlah RM47 juta yang telah melibatkan program-program di bawah PPRT terutama sekali yang khususnya kepada negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Yang kita tahu, semalam pun masih lagi dinyatakan oleh Penasihat Kewangan Negara, Dato' Mustafa Mohamed menyatakan bahawa rakyat Kelantan adalah rakyat yang paling miskin dalam senarai rakyat di negeri-negeri di Malaysia ini. Jadi, malang sekalilah wang yang diperuntukkan tersebut kepada rakyat termiskin telah diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu ataupun pihak-pihak yang terlibat.

Dalam soal ini, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, kalaulah ada, kerana kita tahu biasanya setelah menteri meninggalkan jawatan masing-masing atau meninggalkan kementerian, barulah isu-isu penyelewengan ini terbongkar. Tetapi, mengapa tidak apabila menteri masih memegang jawatan, kita tahu bahawa banyak teguran-teguran dan juga laporan-laporan polis yang telah dibuat tetapi pihak-pihak tertentu masih tidak mengambil tindakan. Jadi, setelah menteri meninggalkan kementerian dan juga masalah-masalah yang dihadapi, penyelewengan berlaku, barulah perkara ini terbongkar. Begitu juga dengan kisah projek telur emas dan juga ikan koi di Bukit Sirih dan Kok Lanas yang digembar-gemburkan, yang diperkatakan secara terbuka di media-media massa terutama sekali akhbar-akhbar tempatan.

Saya juga ingin menyentuh soal Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) yang ditubuhkan adalah untuk bertujuan memantau dan juga memastikan rakyat Kelantan yang miskin mendapat pembelaan yang sewarnya. Tetapi hari ini, YKK telah disalahgunakan oleh pemimpin-pemimpin di negeri Kelantan terutama sekali saya nyatakan bahawa semasa menteri dahulu mentadbirkan YKK ini, beliau adalah seorang penaung kepada YKK dan saya ingin menyentuh kalau boleh pihak kementerian juga mengkaji penggunaan wang dan juga wang yang telah disalurkan kepada YKK ini kepada suatu lagi pelaburan yang telah dibuat, bukan di Malaysia tetapi di Mekah iaitu pembelian sebuah hotel yang dinamakan *Asia Palace*.

Saya pernah bertemu dengan pihak pengurusan hotel dan juga Ahli-ahli Lembaga Pengarah YKK yang bermesyuarat di Mekah pada waktu itu, yang menyatakan pembelian hotel tersebut dengan harga RM6 juta yang mana telah pun diberi kepada seorang penama yang sebagai pemegang amanah yang pada waktu itu mempunyai kerakyatan Mekah, kerakyatan Arab Saudi dan beliau sendiri hanya melabur sebanyak RM1 juta dan RM5 juta lagi adalah wang daripada YKK. Tetapi malangnya, pemegang amanah tersebut Tuan Haji Shafie telah pun meninggal dunia hampir dua ataupun tiga tahun yang lalu. Saya ingin tahu bagaimana wang tersebut ataupun pemilikan hotel tersebut di kota Mekah diuruskan oleh YKK ataupun proses penamaannya bagaimana prosesnya? Adakah kerana penama ataupun pemegang amanahnya telah meninggal dunia? Jadi, YKK adalah salah satu yayasan yang telah disalurkan duit-duit untuk membantu rakyat miskin di negara ini.

Satu lagi ialah saya juga ingin menyentuh di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar sendiri iaitu Jabatan RISDA. RISDA juga boleh dikatakan di antara agensi kerajaan, agensi pelaksana yang mungkin telah disalahgunakan dari segi projek-projeknya ataupun dijadikan sebagai alat kepada pihak-pihak yang tertentu. Saya ingin mengambil contoh, umpamanya Program Rakyat Termiskin (PPRT) bagi kawasan Tumpat umpamanya, di mana RISDA telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan terhadap rakyat miskin di Kelantan, sedangkan RISDA tidak mempunyai pejabat pun di kawasan Tumpat kerana kita tahu kawasan Tumpat adalah kawasan yang tidak mempunyai tanaman getah tetapi adalah terdiri daripada kalangan petani, pencucuk tanam, nelayan dan sebagainya dan juga pekebun-pekebun kelapa. Sebab itulah, apabila diletakkan RISDA bertanggungjawab untuk memberi laporan kepada golongan miskin di Kelantan, maka RISDA yang tidak tahu menahu tentang keluarga di Tumpat umpamanya telah pun digunakan oleh pihak-pihak tertentu iaitu mereka ini yang menamakan siapa yang layak, siapa yang tidak layak. RISDA hanya mengikut sahaja, mengikut arahan. Jadi, ini adalah suatu perkara yang saya rasa., perkara yang perlu diperbetulkan. Kalaulah masih terdapat agensi-agensi pelaksana di dalam program kesejahteraan ini yang telah ditukar nama daripada PPRT supaya jabatan-jabatan ataupun agensi pelaksana ini hendaklah mengikut kesesuaian dan mengikut apa yang mereka tahu.

Kalau kita katakan RISDA itu bertugas di kawasan hulu, di kawasan Kuala Krai, Tanah Merah atau Gua Musang, adalah sesuai kerana di kawasan itu terlibat dengan program-program pemulihan semula getah. Saya juga ingin menyebut di dalam soal penyalahgunaan ini iaitu di bawah projek-projek yang disalurkan oleh pihak kementerian, di bawah Jabatan Pembangunan Persekutuan di mana setiap Ahli Parlimen, sepatutnya yang diperuntukkan wang berjumlah RM500,000 tetapi telah disalurkan kuasanya, penggunaan wang tersebut kepada ketua-ketua UMNO Bahagian. Yang kita tahu bahawa JPP tidak dapat memantau projek-projek ini dengan betul kerana kuasa mutlak telah diberikan kepada ketua-ketua UMNO Bahagian dan juga dari segi pembayarannya, pembayaran projek-projek ini hanyalah ketua bahagian perlu menandatangani kelulusan dan kelulusan itu akan terus dibayar oleh pihak JPP.

Sebab itu, ada juga penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di mana projek-projek yang tidak dilaksanakan dengan sempurna ataupun dengan harga yang tidak sepatutnya. Katakanlah sebagai contoh, projek yang mungkin menelan belanja RM30,000, RM40,000 tetapi tuntutan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu sampai menjangkau ke angka RM100,000 dan sebagainya. Inilah masalah-masalah yang dihadapi, kita lihat dan saya berasa terkilan dengan kenyataan yang dibuat oleh penasihat ekonomi Kementerian Kewangan yang terakhir ini dua, tiga, hari yang lepas juga iaitu berhubung dengan kontraktor kelas 'F' di mana setiap kementerian telah diberikan peruntukan sebanyak RM410 juta dengan tujuan..... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, gulung.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, untuk merangsang ekonomi, tetapi kita lihat dengan jumlah sebanyak RM4.3 bilion yang kerajaan luluskan di bawah pakej rangsangan ini, akhir-akhir ini bahawa pihak penasihat ekonomi telah memberi kebenaran kepada ketua jabatan untuk memberi tender ataupun memberi projek tersebut kepada kelas 'F' tanpa membuat sebut harga dan sebagainya. Saya bimbang, takut perkara-perkara ini berlaku sekali lagi penyelewengan oleh pihak-pihak tertentu di dalam melaksanakan projek-projek yang sepatutnya sampai kepada orang-orang yang sepatutnya menerima kemudahan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

2.43 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut mengambil bahagian di dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini dalam Butiran 010700 - Pembasmian Kemiskinan, 02300 - Jalan Luar Bandar dan 02500 - Jalan Kampung, Penyelenggaraan.

Pertama, berkaitan apa yang telah pun disebutkan oleh rakan saya tadi tentang Program Pembasmian Kemiskinan, iaitu isu yang berbangkit yang telah didedahkan pada awalnya oleh Ketua Audit Negara dan kemudian diperakui oleh Yang Berhormat Dato' Menteri sendiri tentang wujudnya persoalan-persoalan, masalah-masalah penyelewengan dan secara umumnya, semua berpendapat bahawa ini berlaku, pertama sekali dari sudut pengagihan Program Pembangunan Rakyat Termiskin tadi sudah tidak lagi menjadi Program Pembangunan Rakyat Termiskin, tetapi sebaliknya sudah menjadi 'program pembangunan rakyat terpilih'. Siapa sahaja yang terpilih sama ada dia miskin ataupun tidak miskin, kalau dia miskin, dia tidak terpilih maka dia tidak dapat. Tetapi kalau dia tidak miskin tetapi dia terpilih kerana kepentingan politik, maka dia dapat.

Sebab itu, saya istilahkan sekarang ini bahawa daripada isu yang timbul ini, bukan lagi ia merupakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin tetapi dia 'program pembangunan rakyat terpilih'. Ini dapat dibuktikan daripada apa yang telah pun disebut di dalam laporan Ketua Audit Negara sendiri. Tetapi apa yang saya hendak sebut di sini ialah tentang bagaimana pelaksanaan program-program, projek-projek rumah-rumah PPRT khususnya rumah pembinaan dan rumah *repair* yang diberikan kepada setiap satu daerah 20 buah rumah baru, 10 buah rumah *repair* di seluruh negara kita dengan anggaran kosnya lebih kurang RM30 juta, kalau tidak silap ingatan saya yang diberikan kepada Giat Mara Sdn. Bhd iaitu, yang saya difahamkan ia merupakan anak syarikat kepada Giat Mara Malaysia iaitu di bawah MARA sendiri. Ini kerana apa yang lihat di sini bahawa masih tidak menampakkan satu *progress* projek yang boleh kita banggakan kerana kegagalan Giat MARA Sdn. Bhd. sendiri untuk memastikan projek ini dapat disiapkan pada waktu ataupun tempoh yang tertentu.

Sekarang ini pun saya difahamkan di negeri Kedah hanya sekitar 10 atau pun 20 sahaja daripada semua daerah yang ada dalam kawasan Alor Setar itu yang baru disiapkan. Ini disebabkan kerana Giat Mara Sendirian Berhad ini bukanlah suatu syarikat yang mempunyai keupayaan yang baik, apatah lagi dengan kos yang terlalu rendah yang menyebabkan apabila dia memberikan kepada kontraktor-kontraktor kecil yang lain menyebabkan mereka tidak mampu untuk mengendalikan projek tersebut. Dan ada setengah daripada kontraktor-kontraktor yang diberikan terpaksa meninggalkan. Giat Mara sendiri pada awalnya lebih bergantung keadaan pelatih-pelatih daripada Pusat Giat Mara itu sendiri untuk mengendalikan projek tersebut. Tetapi sekarang ini nampaknya mereka tidak boleh lagi bergantung kepada pelatih-pelatih daripada Pusat Giat Mara kerana bertentangan dengan peraturan-peraturan tertentu, ia menyebabkan mereka sudah membuat beberapa pendekatan baru. Tetapi malangnya, bagi saya bahawa apakah kewajaran yang saya lihat di sini untuk diberikan kepada Giat Mara Sendirian Berhad untuk mengendalikan lebih daripada RM30 juta kos rumah PPRT sama ada rumah baru ataupun rumah yang di*repair* di seluruh negara kita ini. Jadi bagi saya, saya ingin mendapatkan satu penjelasan daripada Yang Berhormat.

Kemudian kita telah menyebut di sini bahawa timbul soal pilih kasih. Kenapa dalam pengendalian rumah-rumah ini, seseorang yang layak ataupun tidak ditentukan daripada *recommendation* ataupun borang yang diisi mestilah di*endorse* oleh Wakil Rakyat daripada parti yang memerintah. Ini yang saya katakan bahawa punca yang menyebabkan timbulnya masalah-masalah dari sudut penyelewengan dan juga pilih kasih amalan pilih kasih yang berlaku dalam negara kita.

Sebab bagi saya bahawa adalah tidak wajar ini boleh berlaku termasuk juga dalam kes RISDA, pembahagian sara hidup untuk pekebun-pekebun kecil. Saya ada borang di sini, ia mesti diluluskan ataupun disahkan peserta tersebut yang layak daripada Wakil Rakyat daripada parti yang memerintah. Kalau tidak ada Wakil Rakyat disebut dalam borang RISDA itu, kalau tidak ada Wakil Rakyat, umpamanya kawasan Parlimen Sik ataupun kawasan Parlimen Padang Terap, ia mesti disahkan oleh pemimpin politik daripada parti pemerintah di kawasan tersebut.

Ini menyebabkan timbul Ketua UMNO Bahagian dan sebagainya memilih orang-orang yang tidak bertepatan dengan kriteria yang sebenarnya. Walaupun mereka itu tidak layak tetapi oleh kerana ia merupakan ada kepentingan politik UMNO dan Barisan Nasional, maka mereka dipilih. Inilah saya katakan akan menjadikan PPRT menjadi 'program pembangunan rakyat terpilih, bukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin dalam negara kita.

Kemudiannya juga yang saya hendak sebut di sini, ekoran daripada kenyataan yang disebut oleh Yang Berhormat dalam akhbar 'Birokrasi punca wang tidak dibelanjakan dalam pengendalian projek, jalan-jalan dan sebagainya'. Apa yang disebut di sini, bahawa yang saya hendak persoalkan di sini, apakah kewajaran untuk senarai kontraktor kecil untuk membina jalan ini perlu dikemukakan oleh Wakil Rakyat?

Sebab apa yang disebut oleh Yang Berhormat di sini bahawa senarai kontraktor kecil itu hendaklah dikemukakan oleh wakil rakyat, kemudian diangkat kepada negeri, kemudian baru sampai kepada kementerian Yang Berhormat. Sebab bagi saya bahawa apabila kita meletakkan wakil rakyat yang mesti menentukan segala, mengemukakan senarai dan sebagainya ini akan berlaku penyelewengan-penyelewengan. Sebab saya bimbang apakah ini menunjukkan bahawa wakil-wakil rakyat diberikan peluang untuk mengemukakan senarai-senarai kontraktor kerana itulah peluang wakil rakyat-wakil rakyat daripada UMNO dan Barisan Nasional untuk mendapat beberapa percent seperti mana dalam gambar Tiga Abdul. 10 percent atau pun 20 percent - Ahmad Nisfu hendak bagi kepada Salleh Kamil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tak ada masa. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri .....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau, sila duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ....kerana ini merupakan satu yang saya sebutkan tadi berpunca atau pun menyebabkan timbulnya masalah-masalah pilih kasih atau pun penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam program ataupun PPRT itu sendiri. Malah saya lihat bahawa berlaku di kawasan saya. Dahulu saya sebut di

Parlimen, Yang Berhormat kata tak berlaku, mana bukti, saya tunjuk bukti, Yang Berhormat sendiri pun tak percaya.

Saya kata bagaimana projek di satu jalan di Kampung Tualang dalam kawasan Pokok Sena,sudah dilulus. Tok Penghulu pun rekmen, Pejabat Daerah pun rekmen untuk buat projek jalan kampung. Sudah dibawa batu untuk ditabur di situ empat atau pun lima lori.

Kemudian JKKK masuk campur, Ketua UMNO Bahagian Pokok Sena, Ahmad Lebai Sudin masuk campur, batu itu dikaut balik naik ke atas lori bawa ke tempat lain. Ini yang berlaku kerana apa, kerana masalah-masalah apabila wakil rakyat ataupun pemimpin-pemimpin UMNO, pemimpin parti politik kerajaan yang memerintah ini daripada UMNO dan Barisan Nasional diberikan tanggungjawab untuk hendak menentukan senarai kontraktor, senarai untuk hendak mengesahkan sama ada orang itu layak atau pun tidak, maka inilah yang menjadikan punca dan sebab yang berlakunya masalah-masalah yang sebegini rupa.

Jadi, oleh sebab itu saya kira bahawa adalah wajar bagi pihak kementerian mengkaji semula prosedur-prosedur ini supaya biarlah pegawai-pegawai di peringkat kementerian ataupun di peringkat agensi di bawah kementerian yang ada di peringkat negeri ataupun daerah yang menentukan. Bukannya wakil rakyat, ataupun kalau wakil rakyat mestilah diberikan juga kepada wakil rakyat daripada pembangkang. Itu baru berlaku adil untuk kita mengumumkan. Tetapi bagi sayalah bahawa yang lebih adilnya ialah biarlah daripada pegawai-pegawai di peringkat jabatan supaya mereka dapat melaksanakan kerja secara yang lebih profesional, sebab mungkin Parit Sulong pun ada kepentingan. Mungkin ada kontraktor-kontraktor kecil Kelas F yang boleh memberi beberapa percent, lima atau pun sepuluh, itu mungkin, saya bukan tuduh.

Sebab itu beria-ia hendak mempertahankan prosedur ini. Ini mungkin peluang untuk wakil-wakil rakyat mendapat imbuhan daripada projek-projek kecil yang dikendalikan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia orang setuju untuk mempertahankan. Sebab itulah peluang bagi mereka hendak mendapatkan sedikit.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mereka hanya cakap, bulan puasa tak ada cakap apa lain. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bulan puasa kita mesti cakap, kalau benda itu tak betul kita menentang. Apakah bulan puasa bila benda tak betul, kita diam, duduk. Inilah sikap pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Bila bulan puasa, ada penyelewengan kita mesti diam. Mana boleh! Ini pentafsiran amalan puasa yang tak betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, empat Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha! Tak ada masa hendak layan depalah. *[Disampuk]* Tak, bukan takut, saya tidak ada masa, biar Menteri jawab. Inilah saya hendak sebut. Inilah semua Ahli-ahli Parlimen duduk hentam menteri, hentam setiausaha Parlimen. Saya percaya bahawa merekalah yang menyenaraikan nama salah seorang menteri supaya diambil tindakan dalam rombakan kabinet. Hari ini hendak bela menteri pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua keluar daripada butiran.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak keluar, masih dalam kementerian, sebab menteri-menteri kementerian [*Ketawa*] Janganlah hendak bela, Backbancher sudah cadang nama supaya diambil tindakan. Saya tidak, sebab saya hendak berlaku adil, mesti disiasat, siapa yang terlibat dan sebagainya. Mungkin mereka juga terlibat, sebab Yang Berhormat sendiri mengatakan bahawa bila senarai sampai kepada kementerian, kementerian hantar balik ke bawah ada wakil rakyat ubah pula senarai kontraktor.

Ini menyebabkan kerana mereka mungkin tidak berpuas hati terhadap senarai kontraktor yang telah diputuskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana

mungkin daripada yang terpilih itu bukan daripada kroni-kroni mereka. Ini menyebabkan mereka tak dapat peluang untuk dapatkan 10 percent , 20 percent.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, akhir sekali, Yang Berhormat, sebab mereka kacau tadi. Akhir sekali yang saya hendak minta di sini ialah supaya kos rumah PPRT itu supaya dapat ditingkatkan. Sebab saya kira bahawa sukar juga untuk kontraktor-kontraktor kecil ini hendak menjalankan kerja dalam nilaian kos, upah kerjanya RM2.67 satu kaki persegi. Sedangkan kalau kerja upah biasa ini RM15.00 satu kaki persegi atau pun sekurang-kurangnya level rumah PPRT ini upahnya boleh antara RM10.00 satu kaki persegi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tetapi dengan kos yang ada ini RM2.67 saya kata sukar untuk menyebabkan kontraktor-kontraktor kecil untuk mengendalikan projek-projek yang seperti ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

2.54 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada Butiran 020000, 02001 dan juga 02300, 02500 dan juga 017011, P.40.

Saya pertama hendak mengucap tahniah kepada Menteri dan juga kepada kerajaan yang telah pun memberikan satu peruntukan kepada semua kawasan Parlimen, Wakil Rakyat Barisan Nasional sebanyak RM500,000 dan ini pada saya kerajaan tidak rugi, bahkan rakyat yang mendapat faedah daripada peruntukan. Saya harap perkara yang semacam ini kementerian bukan setakat RM500,000 sahaja, saya cadangkan ditambah lagi sampai RM1 juta atau RM2 juta, bukan untuk masuk kocek saya sebagai Ahli Parlimen. Saya minta maaf, Ahli Parlimen bagi Pokok Sena, kalau apa yang diperuntukkan itu dituduh termasuk diri saya, saya tidak akan maafkan.

Saya tidak terlibat satu sentiasa pun. Tidak dapat apa komisen pun dalam menentukan ..... Ini dia tuduh di bulan puasa. Tak baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh, okey! *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Tebrau, adakah elok bagi orang Islam membuat satu tuduhan yang tak betul pada bulan puasa. Macam tadi dia kata saya dapat keuntungan daripada kontraktor kelas F, sedangkan saya satu lesen kontraktor pun tak ada. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat mengenai Pokok Sena. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Ketawa]* Heh! Saya kalau tengok dia tu....tak tahulah. Nak cakap pun tak baik, bulan puasalah.

Beberapa Ahli: Tak payah cakap. Tak payah cakaplah. Tak payah cakaplah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tak baiklah. Saya tak mahulah. Tetapi kalau saya tengok dia itu ahli PAS, Ahli Parti Islam, belajarlah agama dalam-dalam. Belajarlah, tanya ustaz - minta maaf, mana imam.... Tak ada ya? dari mana itu. Belajarlah apa hukum, tak baik ustaz! Kalau Parit Sulung tak ambil satu sen, saya tak dapat satu sen, tak ada komisen, tak ada apa benda pun yang dapat! Bahkan menyusahkan saya, tak tidur malam, orang datang hendak minta projek masuk api, air, jalan kampung.

Ini cakap ... wah, ada wakil rakyat Parlimen – komisen ini UMNO. Saya kalau tengok-tengok dia itu, bukan parti PASlah, tak tahu parti apa dia ini. Kalau gaya cakap, bahasa, perkataan memang kalau saya jadi ahli PAS saya pecat dia. Kalau saya pemimpin PAS. [*Ketawa*] Mana boleh parti Islam cakap macam itu? Saya tak fasal-fasal ini komisen-komisen. Habis kalau semua Ahli Parlimen tak dapat komisen ....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, keluar daripada tajuk.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tajuknya ialah Pembangunan Luar Bandar – Projek Luar Bandar. Ia ada kaitan dengan duit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan soal PAS tau. Ini perwakilan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okeylah. Saya lupalah bulan-bulan puasa. Tak apalah baik. Tetapi saya mintalah ahli PAS, tak usahlah cakap kalau hendak tuduh apa-apa. Wakil PAS pun kalau kawasan dia pun, mungkin dia beri juga kepada orang dia. Bila part dia, orang dia buat, dia lakukan, halal tak ada masalah. Bila kita buat sedikit yang tak betul pun habis dia pukul serata sahaja. Saya cakap kajilah jangan tuduh. Menyakitkan hati orang di bulan puasa buat apa. Sebulan ini tutup itu semua. Saya nasihatlah kepada ahli PAS yang memperjuangkan Islam tetapi tak ikut ajaran Islam.

Kadang-kadang ada masa marah jugalah sebab tuduh semacam sahaja, mana boleh. Saya hendak minta Menteri, kita baliklah kepada kementerian, ini peruntukan bekalan air luar bandar, saya cuma hendak menterilah. Terima kasih kementerian mengeluarkan peruntukan. Cuma kalau ada rumah tak banyaklah. Ada satu kawasan kampung, rumah dalam 10 atau 12 memang belanja itu besar. Saya hendak minta dalam kementerian, selalu bila kita bawa dalam pembangunan kadang-kadang kata dia ini tak sesuai, duit belanja besar. Rumah tak banyak maka orang itu sudah 30, 40 tahun. Jadi, saya ingat kalau adalah laporan yang dibuat oleh pihak yang tertentu yang mengatakan perbalanjaan besar tetapi rumah tak banyak kerana orang itu duduk dalam 20, 30 tahun memang tanah itu dah ada. Tanah pertanian sudah ada, semua rumah sudah ada, tetapi perbelanjaan memang besar. Saya tak nafikan, boleh atau tidak dalam kes ini kementerian berikan keutamaan supaya bekalan air ke kawasan-kawasan yang disebutkan itu juga dapat dipertingkatkan termasuk juga bekalan elektrik.

Yang kedua, dalam bekalan air luar bandar, saya hendak minta kementerian ini runding sedikit dengan JBA kalau boleh. Begini masalahnya. Lepas dia pasang, lepas dia masuk semua, air tak ada, tak sampai. Jadi, sudah belanja besar-besar, bekalan air tak sampai ke kampung itu kerana barangkali tekanan, tetapi peruntukan telah dikeluarkan. Jadi, hari-hari telefon kata air tak sampai, air tak ada. Jadi, saya tak tahulah dari satu-satu projek, kalau mungkinlah saya pun ada juga timbul perkara ini tetapi lepas itu dia gerenti ada, lepas itu tiada. Perbelanjaan telah dikeluarklan, tetapi air tak sampai. Kalau boleh diberi satu jaminan oleh pihak JBA bahawa bila bekalan ini sampai dan masuk maka kementerian hendaklah memastikan bahawa bekalan air itu akan sampai ke kawasan rumah itu. Kalau tidak ini pun akan menjadikan masalah kepada rumah-rumah yang telah pun dimasukkan bekalan air.

Begitu dengan api, saya harap jugalah. Api alhamdulillah, tak ada benda. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah pun memberi peruntukan yang besar. Jadi, Tuan Pengerusi, saya cuma sentuh itulah, sedikit sahajalah lah yang itu dua perkara. Terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar.

3.00 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasihlah Menteri datang ke Parlimen mendengar rintihan orang daripada Batang Lupar. Batang Lupar ini tidak banyak cerita, kerana Yang Berhormat Dato' sendiri sudah tahu, Batang Lupar itu belum maju lagi dan banyak perlu dibuat di Batang Luar dan saya percaya janji-janji Dato' di luar dengan saya itu dimasuk dalam Parlimen dan dimasuk dalam kementerian akan ditunaikan. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, janji-janji, jalan, api, air dan sebagainya. Kawan ganggulah Dato', tidak ada lain ganggu, di sini ganggu.

Saya hendak bertanya dua, tiga perkara Dato', yang pertama saya hendak bertanya soalan Butiran 00400 - Pendidikan Pra-sekolah. Pada masa sekarang

dilaksanakan oleh pihak FELCRA dan saya juga dimaklumkan bahawa ada 14 sekolah lagi tabika ini yang belum dilaksanakan, jadi persoalan saya apa masalah dan kenapa tidak dilaksanakan dan kenapa pula persoalan yang pokoknya kenapa pula FELCRA yang melaksanakan, tidak dilaksanakan secara terus oleh pihak kementerian.

Saya berpindah kepada perkara yang tidak - ini tidak ada kontroversi, semuanya mundar-mandir dan perkara yang biasa sahaja. Bekalan air di luar bandar - di kawasan luar bandar masih banyak kampung dan rumah panjang, kalau rumah panjang di hulu yang kita mudek terpaksa tarik perahu, jalan kaki dalam batu karangan dan air sejuk itu, kerana kadang-kadang kita pergi pagi dan sampai pada petang pukul 4.00, pukul 5.00 baru sampai. Lainlah macam Dato' naik helikopter, saya jalan kaki.

Jadi, kena satu hari berangkat sesudah subuh sampai pada pukul 5.00 petang. Belum banyak rumah panjang yang ada bekalan air dan bekalan air diberi dengan memberi tangki air. Tangki air ini bukan kementerian Dato' yang beri, kebanyakan tangki air Kementerian Kesihatan yang beri dan tangki air ini dibina oleh pihak pembekal pada masa sekarang, sengaja ia dibinakan sedemikian bahawa ia boleh tahan hanya tiga tahun sahaja. Selepas tiga tahun ia mesti rosak, supaya pembekal itu boleh membekal yang baru, jadi *quality control* langsung tidak ada, sengaja hendak *siphon* duit kerajaan banyak-banyak.

Memang sengaja dia buat, semua perbuatan dibuat macam itu, tiga tahun dia rosak ganti yang baru tetapi masalahnya kementerian memikirkan bahawa sekali bekal, seumur hidup benda itu boleh wujud. Ini satu masalah, bukan kementerian Dato', jadi persoalan saya di sini ialah apakah tindakan kementerian Dato' supaya duit daripada kerajaan itu tidak digunakan sewenang-wenangnya sedemikian dan tidak dibuang sewenang-wenang sedemikian dan kajian ada diwujudkan di bawah kementerian Dato' untuk menyelidik *source of water* dalam kawasan-kawasan di luar bandar supaya kita boleh wujudkan secara tetap perbekalan air di luar bandar dan disalurkan kepada rumah-rumah panjang dan di kampung-kampung yang sederhana besarnya. Ini persoalan yang pertama.

Yang ketiga, persoalan jalan ialah jalan-jalan di luar bandar. Ini juga ada kadang-kadang kita terdapat, saya tidak tahu macam mana priority, keutamaan yang diberi oleh kementerian untuk melaksanakan jalan-jalan di luar bandar. Ada kawasan-kawasan yang mana jalan itu dibuat, tidak banyak orang pun dibuat, tidak ada *economic return* pun dibuat dan sebagainya, dan ada juga kampung-kampung yang mana keperluan ini juga ada, sama ada tetapi jalan-jalan tidak dibina. Jadi, adakah orang ini selalu-selalu datang duduk bercakap dengan menterikah, dengan KSUkah yang dapat jalan-jalan ini ataupun macam mana.

Jadi, kalau tidak saya mencadangkan supaya jalan-jalan kampung di setiap kawasan Parlimen diberilah setiap tahun ada jalan kampung daripada kementerian Dato' untuk membinakan jalan-jalan kampung, kalau tidak, jangan adakan satu kampung yang mana berpuluh-puluh jalan dibina dan satu kampung ada satu, dua, tiga sahaja, itu pun kita sudah macam kata orang main minta sedekah sekali.

Jadi, begitu juga api elektrik di bawah Butiran 03105, walaupun bekalan elektrik sekarang, kita berterima kasih dengan kerajaan, inilah kemenangan Kerajaan Barisan Nasional di kawasan-kawasan kampung kita. Sepuluh tahun yang dahulu tidak ada bekalan elektrik disampaikan, tetapi sekarang alhamdulillah, kita sudah sampai 70% lebih di kawasan saya pun, tetapi walau bagaimanapun, kalau mereka melihat kampung orang lain, dia kata, kenapa Yang Berhormat kampung itu ada banyak elektrik, kita belum sampai banyak lagi ada *disparity* nampaknya bekalan ini. Jadi, walaupun bandingan kita bukanlah Batang Lupar dengan Kuching, bandingkanlah Batang Lupar mungkin dengan Merudu ataupun dengan tempat-tempat lain, Kapitkah, Kenowit macam itu.

Jadi, saya berharap *disparity* ini tidak ketara sangat dan kementerian sendiri kalau dapat membuat pengagihan dan membuat program, jangan dibiar orang yang ada, mungkin kepentingan politik sendiri yang membuat agihan dan mendatangkan keuntungan kepadanya, maknanya kawasan-kawasan Parlimen lain, kawasan-kawasan tempat lain yang tidak mendapat elektrik dan air ini merasa tertinggal, tetapi kemenangan kita perlu semua Dato'. Itu yang ketiga, keempat sudah saya sebutkan tadi. Saya bertanya sahaja hari ini Dato', kerana Dato' sendiri datang, memang saya pasti jawapan-jawapan akan diberi kepada soalan saya ini.

Yang keempat Butiran 03211 – Program Kajian PPRT. Ini juga saya masih mendesak pihak Dato' supaya menggesa pihak yang berkuasa di negeri, terutamanya di Sarawak meminta kajian senarai PPRT ini dibuatlah supaya cepat. Saya tahu Dato' membela pihak-pihak yang tertentu di negeri yang membuat kajian ini kerana bukan kementerian Dato' sendiri yang membuat kajian, yang membuat kajian ialah pihak pegawai kerajaan negeri. Tetapi yang pergi ke kawasan, yang pergi ke kampung, rumah panjang dan sebagainya wakil rakyat. Kadang-kadang pegawai-pegawai kerajaan ini sibuk meeting di sana, seminar di situ, IT di sana, ICT di situ, ia tidak pergi ke kampung, dia tidak pergi ke kawasan, yang pergi kita wakil rakyat. Kita sudah bijak di sini, sudah belajar ICT, kita di sini sudah tahu, tidak perlu pergi seminar, tidak perlu pergi ke situ lagi. Kadang-kadang pegawai ini banyak meeting banyak seminar sangat, tetapi buat kerja tidak ada, ini bukan pegawai di sinilah, pegawai yang peringkat bawah ini, satu jam duduk di kedai kopi, lain pula yang pergi seminar, meeting, mesyuarat, begitu juga orang yang besar daripada atas. Umpamanya di Sarawak saya hendak sebut ini, perkara kerajaan negeri ini, yang daripada *divisional level*, dengan izin, dia tidak turun ke *district level* untuk mesyuarat berjumpa dengan pegawai peringkat daerah. Dia panggil pegawai peringkat daerah *subdistrict* ini datang berjumpa dia, mesyuarat di pejabat dia. Kalau di kawasan saya pergi ke Sri Aman, mesyuarat di Sri Aman, dia sendiri tidak menjejakkan kaki ke bawah. Jadi, pegawai ini kena cari perahu, kena cari bot, kena cari kereta sewa, hendak pergi satu hari dah pergi, kalau tiga hari meeting dalam satu minggu, habis semua satu minggu tidak buat kerja apa-apa.

Orang kampung hendak jumpa, sesiapa yang hendak berjumpa telefon cari wakil rakyat. Jadi inilah keadaannya, kadang-kadang pegawai bukan tidak hendak kerja, pegawai tidak boleh buat kerja, kehendak semua hendak tahu, hendak tahu ICT, hendak tahu macam mana hendak buat komputerlah, hendak buat jadi engineer komputerlah, semua benda yang tidak ada relevan dengan kerja dia itu pun semua dikursus, diseminar dan dibuat.

Habis-habis kerja orang kampung, hendak jumpa cerita orang kampung, PPRT senarai pun tidak buat, jalan mana hendak dibina, kampung mana hendak dibina pun tidak buat. Dari sebab rasional saya inilah kenapa wakil rakyat itu menjadi orang yang boleh membuat input yang tepat, lebih pasti daripada pegawai-pegawai yang mungkin bijak tetapi masa tidak cukup, jadi pegawai dilantik itu tidak begitu banyak sangat. Kita dahulu mentadbir mungkin dalam tahun 1970 dahulu, mentadbir kewangan hanya beberapa puluh juta sahaja, tetapi kira sudah mentadbir berbilion satu kementerian tetapi pegawai belum ditambah, ada pertambahan bukan satu agensi satu yang baru.

Jadi, maknanya basic, pegawai ini orang yang buat kerja lama ini tidak ada penambahan, umpamanya State Development Officer (SDO) di Kuching, ia seorang sahaja, Sarawak itu sebesar Semenanjung. Jadi, dia pergi ke Limbang, dia sudah lupa di mana Sematan.

Jadi, sepatutnya kalau SDO ada di Perlis, SDO ada di Pahang, SDO di setiap negeri di Sarawak ini, Sarawak pun kena ada SDO di setiap division, baru dia boleh mengendalikan kerja dengan lebih banyak lagi. Walaupun kewangan sumbernya sedikit, jadi oleh kerana sumber itu faktornya kurang, kita kuranglah sedikit, berilah deputy, lantiklah pegawai kanan, biarlah SDO banyak sedikit, seorang pun tidak apalah ....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tutup Dato'?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, jadi saya ingin menutup, saya percaya cukup yakin yang bahawa Menteri akan prihatin dengan sedikit-sedikit cerita saya tadi dan Menteri sendiri pun sudah memberi akuan bahawa kawasan saya masih banyak perkara yang mesti diberi perhatian, api, air, jalan raya, jalan kampung, jalan tak berapa raya kena dibuat supaya kita menang Dato' dengan baik ke hadapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah.

3.10 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Maksud B.40, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang Butiran 010300 – Pemodenan Desa. Tentang hal ini, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana telah mempergiatkan gerakan desa wawasan seperti di kawasan Parlimen Gelang Patah. Saya selaku wakil rakyat, saya pun sentiasa diberikan peluang bersama-sama dengan penduduk kampung, bersama-sama mengambil bahagian dalam aktiviti gerakan desa wawasan.

Di sini daripada pemantauan saya, saya ingin memberikan saranan sedikit iaitu usaha perlu diadakan untuk mempertingkatkan pemodenan desa terutama kampung-kampung tradisional dari segi kesihatan adalah perlu memberikan perhatian berat, kerana saya terdapat bahawa parit-parit tepi jalan di kampung-kampung tradisional masih adalah jenis parit tanah dan adakah pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar selain daripada memberikan peruntukan untuk jalan kampung, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar dan kali ini untuk perbelanjaan tahun depan akan diberikan lampu jalan kampung, bolehkah peruntukan diberikan untuk membina parit-parit tepi jalan supaya pengaliran air parit adalah sempurna supaya tidak akan menjadikan tempat pembiakan nyamuk, walaupun nyamuk yang membiak di parit di tepi jalan bukan nyamuk jenis aedes, tetapi ia akan menjadikan satu gangguan kesihatan kepada penduduk kampung.

Selain dari itu, kita dapati bahawa oleh kerana kampung-kampung tradisional ini adalah di luar kawasan pihak berkuasa tempatan, memang tiada perkhidmatan angkat sampah dijalankan dan oleh kerana ini adalah penting pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan mendapatkan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan supaya memberikan pendidikan kesihatan kepada para penduduk kampung bagaimana menguruskan sampah sarap mereka iaitu terutama sampah yang sisa-sisa makanan yang senang busuk adalah wajar ditimbus dengan tanah, digali lubang dan timbus dengan tanah kerana tiada perkhidmatan angkat sampah dijalankan di sana kerana ini akan dapat mengelakkan pembiakan lalat supaya kita dapat menjauhkan penduduk-penduduk daripada mendapat penyakit berjangkit seperti taun.

Tuan Pengerusi, saya pun ingin mengambil peluang ini mencadangkan kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu perlu mempertingkatkan usaha dengan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan dalam ajaran kesihatan kepada penduduk tentang pembinaan tandas curah, jika boleh minta mereka penduduk membina tandas jenis pam kerana jika ia tidak diamalkan dengan baik pun akan mendatangkan penyakit berjangkit.

Dan di sini saya ingin mengambil peluang atas satu permintaan di kawasan saya yang mana pada 13 April tahun ini, saya telah memajukan satu permohonan pemasangan pendawaian di Mukim Jeram Batu, Jalan Long Bee San, Jalan Hulu Choh, Gelang Patah yang mana kawasan ini adalah di bawah pentadbiran daerah Pontian dan saya pernah majukan permohonan ini kerana sudah lebih 15 tahun, sepuluh buah rumah di kawasan sini masih tiada bekalan elektrik. Dan saya sudah bawa mereka jumpa pihak TNB bersama dengan seorang pemilik tanah ladang khinzir di sana yang murah hati ingin memberikan sepetak tanah yang kecil untuk substation TNB itu dan oleh kerana ini adalah di kawasan luar bandar perlu peruntukan sebanyak RM200 ribu dan saya sudah dapat kerjasama pihak jurutera TNB untuk memberikan pecahan peruntukan itu sebanyak RM200 ribu dan Yang Berhormat Dato' Menteri telah pun memberikan arahan dan pada 18 April tahun ini tetapi hingga sekarang masih belum dapat keputusan untuk memberikan peruntukan ini supaya kawasan ini dapat diberikan bekalan elektrik. Ini adalah cuma satu kawasan di dalam kawasan parlimen yang masih belum ada bekalan elektrik. Lain kawasan semua sudah ada cuma ini adalah satu .....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lain kawasan di kawasan Yang Berhormatkah?

Tuan Chang See Ten: Dalam kawasan Parlimen Gelang Patah sudah ada, kawasan ini sahaja. Kalau kampung ini dapat diadakan bekalan elektrik dan boleh

dikatakan kawasan Parlimen Gelang Patah dari hal TNB ini boleh dikirakan selesai. Kalau ada pun kemungkinan ada rumah-rumah yang baru, ini yang bakal diadakan kita akan pohon lagilah, tetapi kita tahu bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberikan perhatian yang berat kepada kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar walaupun banyak negara di dunia ini mengalami masalah kemerosotan ekonomi tetapi Malaysia kali ini kita dapati bahawa banyak kawasan-kawasan parlimen dapat peruntukan *preemptive* untuk projek-projek kecil yang mana memberikan banyak faedah kepada penduduk-penduduk terutama penduduk-penduduk kawasan luar bandar.

Ini satu petunjuk yang sangat baik yang mana saya fikir pihak pembangkang tidak perlu mengkritik lagi kerana ini tunjuk kepada mereka bahawa kita, Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa memberikan perhatian berat tentang kemudahan-kemudahan asas yang penting untuk kawasan kampung di dalam negara kita. Dengan kata demikian saya ucapkan ribuan terima kasih dan pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pendang, lepas ini Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

3.18 ptg.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit sahaja dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar yang melibatkan kawasan saya di Pendang. Saya harap dengan peruntukan melebihi RM400 juta untuk projek jalan-jalan luar bandar ini akan dapat dilaksanakan sapenuhnya tanpa ada diskriminasi sama ada kawasan itu diwakili oleh Barisan Nasional ataupun diwakili oleh pembangkang.

Baru-baru ini di bawah program jalan-jalan luar bandar yang dilaksanakan di kawasan Pendang ada dua isu yang timbul. Pertama, apabila pejabat daerah ataupun pejabat pembangunan negeri telah meluluskan satu pembinaan jalan kampung untuk masuk ke sebuah masjid dalam kawasan Parlimen Pendang, dalam DUN Bukit Raya, tetapi dan orang kampung itu pun tahu bahawa sudah ada peruntukan untuk membina jalan tar, mini tar ke Masjid Kampung Jelutong ini, tiba-tiba ADUN bagi kawasan yang satu lagi yang diwakili oleh Barisan Nasional telah memindahkan peruntukan itu ke kawasan dia dan ini telah menimbulkan bantahan daripada orang-orang UMNO sendiri dan terdapat seorang ahli UMNO di situ yang telah menulis surat bantahan, hantar kepada Menteri Besar Ngeri Kedah, bantah tindakan kerajaan memindahkan peruntukan itu disebabkan oleh peranan seorang ADUN Barisan Nasional iaitu ADUN Sungai Tiang yang menjadi komponen kepada Parlimen Pendang. Itulah yang membuktikan bagaimana ahli-ahli sama ada ahli Parlimen ataupun ahli dewan negeri Barisan Nasional campur tangan dalam pelaksanaan projek-projek yang telah pun disenaraikan oleh pejabat daerah atau pun pejabat pembangunan negeri dan inilah yang menyebabkan rakyat kecewa.

Saya tahu kampung itu dan masjid yang berkenaan itu, masjid yang majoriti penduduk kampung itu adalah penyokong UMNO walaupun kawasan Bukit Raya itu dimenangi oleh PAS, tetapi Kampung Jelutong itu sendiri penyokong UMNO. Tetapi inilah kita katakan tindakan yang tidak wajar dan tidak adil dan mengamalkan diskriminasi termasuk dalam kampung-kampung. Sudahlah kami dari Parlimen, pembangkang dinafikan hak untuk mendapat peruntukan wakil rakyat dan peruntukan itu diagihkan dan diberikan kepada ketua-ketua bahagian UMNO, tetapi dalam projek yang agensi kerajaan sendiri yang hendak melaksanakan pun di ganggu-gugat.

Yang kedua ialah jalan dalam kawasan Bukit Raya juga, jalan ke Gelong Gajah, sebuah kampung namanya Gelong Gajah, jalan itu telah dimasukkan projek mini tar dan jalan itu melalui sebuah pondok pengajian oleh seorang guru agama di situ tetapi pihak kontraktor yang membina jalan itu, bila sampai berdepan dengan jalan masuk ke pondok itu dia tinggalkan, dia biarkan begitu, dia tidak bina tar.

Kemudian selepas lebih kurang 50 meter ke 100 meter boleh bina semula. Jadi, bila penduduk di situ bertanya kepada kontraktor berkenaan, mungkin dia JKK, tetapi sudah pastilah dia orang UMNO, kenapa ditinggalkan jalan di hadapan pondok yana ada madrasah, orang ramai pergi belajar dan termasuk orang UMNO pun pergi belajar, mereka boleh tahu sedikit sebanyak hal-hal agama ini melalui tok guru ini.

Jadi, diberitahu mengatakan memang kami sengaja nak ajar tok guru ini kerana dia kuat PAS. Jadi inikah sikap, saya fikir kalau Yang Berhormat Menteri pergi sendiri tengok dia pun akan geleng kepala. Sudah tentu dia sendiri pun tidak setuju amalan yang seperti ini. Sebab itulah saya minta supaya Yang Berhormat Menteri ataupun mana-mana pegawai dia supaya mengawasi sedikit, memantau sedikit tindakan-tindakan JKK yang cuba sabotaj kepentingan rakyat, kalau tidak, peruntukanlah berapa ratus juta pun dia tidak akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat termasuklah jalan-jalan kampung.

Ada lagi beberapa kampung yang ingin saya sebutkan walaupun saya sudah berjanji dengan Menteri untuk menghantar gambar-gambar yang berkenaan tetapi saya fikir Yang Berhormat Menteri tentu mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada pegawai-pegawai sama ada daripada pegawai daerah ataupun daripada Jabatan Pembangunan Luar Bandar sendiri ataupun daripada agensi-agensi yang lain termasuk daripada JKK mengenai beberapa jalan-jalan kampung yang begitu uzur yang sukar untuk digunakan terutama oleh penduduk-penduduk kampung itu sendiri dan kanak-kanak sekolah di musim hujan atau di musim kemarau.

Musim kemarau menyebabkan debu, yang menyebabkan bila mereka sampai ke sekolah pakaian mereka berdebu, bila musim hujan dengan lumpur, hendak pergi ke sekolah mengalami kesulitan dan ibu bapa yang membawa anak-anak mereka dengan motosikal juga terancam, jalan seperti jalan Kampung Paya Mengkuang, Pendang, seperti Kampung Bakar Arang, Kampung Bukit Seni dan beberapa kampung lagi yang sangat uzur dan keadaan ini memerlukan supaya - saya harap dalam peruntukan yang diadakan untuk tahun 2002 ini, tidak ada lagilah yang jalan-jalan uzur seperti jalan-jalan di kampung yang saya sebutkan itu masih ketinggalan, masih tertinggal dalam keadaan yang begitu dan saya harap dengan wang yang sebegini banyak, segala masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung dapat di atasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh cakap kuat sedikit.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tak dengar, terima kasih. Yang keduanya, di bawah Butiran 03211- Program PPRT dan juga 04111 - Program Golongan Termiskin, ini di bawah KEDA, di bawah PPRT jugalah. Saya ingin menarik perhatian tentang Projek Perumahan Rakyat Termiskin yang dibina oleh KEDA. KEDA membina rumah-rumah rakyat termiskin ini dalam kawasan-kawasan yang dipilih oleh KEDA, kemudian penghuni rumah itu bukanlah dari orang tempatan di situ semuanya, kerana kadang-kadang di tempat yang dibuat perumahan itu tidak ada penduduk, jadi penduduk daripada luar dimasukkan ke situ. Dan menjadi masalah kepada penduduk ini kerana projek penempatan golongan termiskin ini hanya disediakan bangunan, tempat tinggal sahaja tetapi peluang untuk mereka bekerja tidak ada di situ.

Mereka nak buka perniagaan kecil pun tidak ekonomik kerana tidak ada pengguna yang ramai. Jadi, ada di antara mereka masih menjalankan kerja mereka di kampung-kampung asal seperti sawah umpamanya dengan mengambil upah, menyewa tanah untuk bersawah. Yang menjadi masalah begitu juga tentang persekolahan anak-anak mereka, mereka masih meninggalkan anak-anak mereka bersekolah di tempat yang lama.

Jadi, bila datang musim bekerja di sawah, musim menuaikah, musim membajakah, mereka terpaksa pulang untuk bekerja untuk menyara hidup anak-anak mereka yang bersekolah sebab mereka tidak boleh bawa anak mereka berpindah sama kerana mungkin di tempat itu tiada sekolah ataupun sekolah agak berjauhan dengan tempat di mana mereka ditempatkan. Jadi, apabila mereka tidak berada di rumah se minggu atau dua minggu, JKK membuat laporan bahawa orang ini telah meninggalkan rumah dan mereka menerima surat tunjuk sebab kenapa mereka tidak boleh disingkirkan daripada rumah yang mereka telah duduki itu.

Jadi ini menjadi masalah iaitu pihak kementerian saya harapkan supaya peka dalam perkara ini dan tidak sewenang-wenang bertindak mengikut semata-mata atas laporan-laporan JKK. Kalau laporan itu juga tidak objektif, sebahagiannya berbau politik kerana iri hati kerana orang yang berkenaan itu bukan penyokong UMNO bukan ahli UMNO, sebab bila kita menyoal tentang pemilihan penghuni di kawasan perumahan KEDA ini mereka mengatakan bahawa kita memilih yang termiskin, yang layak....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat setujukah kalau saya mengatakan masalah yang berlaku di kampung sekarang ini sama ada di bawah PPRT atau di bawah projek pembangunan kecil mereka ini semuanya berpunca daripada JKK dan adakah Yang Berhormat setuju kalau saya mengatakan kalau kerajaan hendak menyelesaikan masalah yang berlaku di kampung sekarang ini, semua jawatan JKK itu dihapuskan atau menggunakan jawatan-jawatan yang lain dan melantik orang-orang yang lebih bermaruah daripada JKK, terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. JKK merupakan sebahagian daripada faktor yang menimbulkan masalah, tidak keseluruhan faktor kerana terdapat faktor-faktor yang lain bagi yang bukan JKK, tetapi JKK adalah sebahagian daripada faktor.

Mengenai PPRT juga, kita telah baca laporan Ketua Audit Negara Tahun 2000 yang menyebutkan bagaimana berlakunya penyelewengan wang PPRT dan penyalahgunaan tindakan dan contoh yang diberi di antaranya di Kedah, apabila orang yang tidak layak mendapat, tiba-tiba dapat bantuan rumah PPRT sedangkan rumahnya sendiri adalah rumah batu yang agak kemas seperti mana yang ditunjukkan dalam Buku Laporan Ketua Audit Negara. Sedangkan rumah keluarga yang betul-betul miskin seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar dan menjadi isu di Kedah umpamanya yang keluarganya, ibu tunggal ini, kehidupannya begitu miskin, masih rebus biji cempedak untuk makan malam, itu tidak mendapat bantuan PPRT.

Jadi, ini penyelewengan dan penyalahgunaan peruntukan yang telah dilakukan oleh agensi di dalam kementerian ini. Dan apabila berita itu disiarkan, maka kerajaan tidak buat apa-apa juga sebab bila saya bangkitkan perkara ini dalam Dewan Negeri Kedah kerajaan tidak buat apa-apa, mereka tidak menjawab. Yang memberi pembelaan ialah badan-badan yang bukan kerajaan ataupun yang secara tidak langsung di Bank Rakyat umpamanya yang membantu. Bank Rakyat ini bukan merupakan agensi yang diberi tanggungjawab untuk membantu rakyat yang termisikin.

Ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan berlaku dan inilah juga yang menimbulkan report terhadap bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, yang membuat laporan itu sendiri ialah Menteri yang berfungsi sekarang ini. Apa yang kita harapkan dan selepas dari laporan itu timbul lagi isu apabila bekas Menteri yang berkenaan cuba untuk membela dirinya apabila dia telah didedahkan oleh seorang tokoh akhbar tempatan. Tetapi akhirnya, dia macam *surrender*lah sebab mungkin banyak lagi rahsianya akan dibongkar. Dan selepas itu, ada memorandum yang saya juga melihat salinannya. Salinan memorandum itu yang dihantar kepada Perdana Menteri mendedahkan dan membongkarkan bagaimana penyelewengan-penyelewengan wang PPRT yang dilakukan secara langsung atau tidak langsung oleh bekas Menteri yang berkenaan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Oleh kerana itu, saya mengharapkan bahawa dalam isu ini, walaupun dikatakan sekarang polis dan BPR membuat penyiasatan dan saya harap penyiasatan ini mestilah telus dan berjalan serta hasil penyiasatan itu sewajarnya dilaporkan kepada rakyat supaya dengan itu akan menjadi satu pengajaran yang besar. Dan peruntukan-peruntukan yang diminta Ahli-ahli Parlimen meluluskannya tidak disalahgunakan oleh satu, dua orang yang berkepentingan, yang cuba menggunakan hak rakyat ini untuk kepentingan diri ataupun keluarganya.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Ya. Jadi itulah Tuan Pengerusi, beberapa butiran yang ingin saya sentuh dan saya harap mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih. Wassalamualaikum.

Tuan Pengerusi: Ya, Menteri menjawab.

3.30 ptg.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahas tentang peruntukan di bawah Kementerian Luar Bandar. Yang Berhormat dari Tanah Merah telah meminta penjelasan kenapa apabila seorang menteri lepas memegang jawatan menteri, orang lain pula yang memegang jawatan menteri membangkit perkara-perkara seperti ini. Saya rasa inilah nasib menteri-menteri. Saya sendiri tidak dapat mengelak jika berlakunya kesilapan dalam masa saya menjadi menteri itu. Tetapi saya tidak tahu apa yang berlaku. Tetapi apabila perkara-perkara yang dibangkitkan kemudian, mungkin baru saya tahu.

Oleh kerana di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kita melaksanakan program-program yang memerlukan kerjasama dari semua peringkat, daripada kementerian, daripada Kerajaan Negeri, daripada pejabat daerah, dengan wakil-wakil rakyat, dengan ahli-ahli masyarakat. Maka oleh kerana banyak lapisan ini terlibat, kita tidak boleh elak kesilapan-kesilapan berlaku dan kemungkinan ada orang yang mengambil kesempatan tetapi kerajaan tidak pernah berniat untuk menyeleweng wang rakyat. Oleh kerana itu, kerajaan berlaku telus dan melaporkan segala apa yang dianggap tidak wajar. Jadi, laporan kita kepada polis dan BPR menunjukkan kerajaan ini telus.

Tentang mereka yang melaksanakan projek iaitu di bawah Yayasan Kemiskinan Kelantan. Yayasan ini adalah inisiatif oleh pihak-pihak persendirian. Ia di bawah aktiviti NGO, maka kementerian tidak ada kuasa untuk menentukan apa yang mereka hendak lakukan. Tetapi di mana mereka dapat membantu aktiviti untuk membantu kementerian dalam aktiviti membantu golongan miskin, bukan sahaja Yayasan Kemiskinan Kelantan, Yayasan Kemiskinan Selangor juga diberi dan juga beberapa NGO lain termasuk Amanah Ikhtiar diberi peruntukan untuk melaksanakan program-program yang dianggapkan dapat membantu dalam menyelesaikan ataupun mengendalikan program-program yang melibatkan orang-orang miskin.

Soalan Yang Berhormat mengenai hotel di Mekah itu tidak ada kaitan dengan kementerian ini. Mungkin itu adalah program-program dan projek di bawah yayasan berkenaan.

Mengenai penglibatan RISDA di kawasan.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Mmmm.....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta saya habiskan ini, ya. Mengenai penglibatan RISDA di tempat yang RISDA tidak ada pejabat. Bukan sahaja RISDA, bahkan juga FELCRA dan agensi-agensi lain di bawah kementerian di mana RISDA adalah sebuah daripada agensi pelaksana di bawah kementerian. Jadi, walaupun mereka tidak ada di pejabat di situ, tetapi apabila kita anggapkan mereka boleh membantu, maka mereka diarah walaupun memberi bantuan, memberi maklumat dan sebagainya dan pemantauan bagi kawasan-kawasan di luar ataupun di kawasan-kawasan di mana mereka tidak ada pejabat. Jadi, soal sama ada RISDA menjadi pak turut atau tidak, itu adalah pendapat Yang Berhormat, tetapi RISDA menjalankan tugas dengan sebaiknya dan kalau dia mendapat maklumat yang salah maka salahlah tindakan dia.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Daripada Kubang Kerian dulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya ucapkan terima kasih dan berdoa Yang Berhormat Menteri mempunyai semangat yang kental untuk menyelesaikan PPRT *gate* yang telah menjadi isu nasional. Mengikut laporan akhbar, ada dua projek yang terlibat dengan PPRT *gate*. Yang pertama ialah Projek Ikan Emas di Kuala Krai dan Projek Telur Emas di Bukit China. Saya difahamkan bahawa Projek Telur Emas di Bukit China telah pun gagal tetapi infranya yang berjumlah berjuta-juta ringgit telah diambil alih oleh sebuah syarikat yang bernama Glowing Hill. Dan mengikut *Search,* Glowing Hill dimiliki oleh bekas Menteri Luar Bandar iaitu Yang Berhormat Dato' Anuar Musa. Adakah ini benar?

Dan saya juga ingin mendapatkan kepastian, Yang Berhormat menyebut tentang RISDA tadi. Saya telah diberi faham bahawa RISDA telah menggunakan sejumlah wang untuk membangunkan Kompleks Putra di atas tanah di Peringat yang juga dimiliki mengikut *Search* oleh bekas Menteri Luar Bandar. Adakah sekali lagi ini benar? Jika kedua-dua isu ini benar, dan isu PPRT *gate* seperti yang telah dilaporkan dalam akhbar dan juga laporan oleh Ketua Audit Negara, adakah dengan ini bermakna bahawa satu rombakan perlu dilakukan sama ada dalam kementerian Yang Berhormat sendiri, di peringkat yang paling tinggi ataupun di peringkat RISDA. Jika tidak, saya percaya bahawa gangguan dan unsur-unsur yang telah membawa kepada penyelewengan ini tidak akan dapat dihentikan. Saya membuat hipotisa ini ialah kerana jika sekiranya apa yang dikatakan sebagai unsur penyelewengan dan salah guna wang ini dilakukan hanya oleh seorang, tidak mungkin boleh berlaku. Menteri ataupun pegawai-pegawai .....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, dia bagi ucapan ini, hendak soalan dan ingin menjawab soalan. Ini ucapan, masa saya tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Ya, minta singkatkan, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, untuk menjawab mengenai Glowing Hill, pertamanya Projek Teluk Emas itu gagal. Apabila gagal, kita mempunyai infrastruktur dan kita sedang memikir apakah yang boleh dibuat, sama ada dibatalkan projek itu yang merugikan terus sama sekali ataupun kita mencari jalan bagaimana hendak mendapat diteruskan pelaksanaannya. Maka atas beberapa syarikat yang kita anggap boleh menjalankan dan syarikat yang datang dengan cadangan yang terbaik ialah Glowing Hill dan saya memperakukan bahawa Glowing Hill itu adalah sebuah syarikat yang diterokai oleh bekas Menteri itu sendiri.

Sebenarnya bekas Menteri berasa sedih kerana projek yang dilaksanakan awal dahulu, gagal dan dia merasa bertanggungjawab untuk meneruskan projek itu maka dia mengambil walaupun pada peringkat awalnya ini kita tidak nampak bagaimana keuntungan yang akan diperolehi tetapi sudah diisytiharkan paling kurang pada awal ini pihak PPRT, golongan PPRT yang disasarkan dulu, paling kurang pada bulan puasa ini telah mendapat dikatakan pertolongan daripada Glowing Hill. Mereka bukan bermatlamat untuk mencari keuntungan tetapi untuk hendak membantu. Saya minta maaf ini sudah lama sudah. Saya bukan hendak berdebat mengenai Kelantan ya. Saya hendak beri perbincangan mengenai budget kementerian. Tidak ada perkara yang hendak kita sembunyikan perkara ini. Tidak! Projek kalau gagal, gagal!. Projek berkenaan gagal bukan kerana penyelewengan, tetapi disebabkan kita tidak ada pengalaman dan pengurusannya tidak tahu tentang bagaimana hendak mengendalikan projek itu, business itu dengan terbaik. Ini projek Telur Emas di Kelantan bukan di sebabkan kegagalan, bukan disebabkan penyelewengan.

Tuan Pengerusi: Ya, Tanah Merah bangun ya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, okey last ya, alright.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kurang bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa kalau kita hendak - YKK tadi yang saya katakan mempunyai pelaburan di Mekah. Mengapa kita tidak boleh? Sebabnya YKK adalah suatu platform yang telah digunakan oleh pihak tertentu ataupun bekas Yang Berhormat Menteri yang telah menyenaraikan nama mereka yang miskin dan telah pun mendapat peruntukan. Jadi, maknanya wang itu masih berada di sana.

Dan yang kedua, mengenai RISDA tadi. Saya akui memang dari segi kementerian itu membuat dasar betul. Walaupun RISDA tidak ada pejabat di kawasan yang ditugaskan sebagai agensi pelaksana tetapi RISDA telah dipergunakan di mana contohnya UMNO Bahagian yang memberi senarai nama mereka yang layak menerima, bukan yang dibuat oleh pihak RISDA. Memang saya telah bersemukalah, bukan kata saya hendak bohong di bulan puasa ini.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, sebenarnya RISDA mendapat nama daripada semua pihak, bukan sahaja dari pemimpin-pemimpin tempatan, dari JKKK, daripada penghulu dan sebagainya. Senarai ini dikumpulkan dan lepas itu diperiksa satu persatu. Jadi, saya rasa tuduhan Yang Berhormat ini adalah satu tuduhan yang agak melulu tanpa siasatan yang lebih rapi.

Tuan Pengerusi: Ya, Pokok Sena bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan tidak?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya tidak bagi jalan lagilah, ini tidak ada masa.

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tidak bagi jalan ya, sebab ini banyak lagi. *[Disampuk]* Ya, ya tetapi semuanya sudah saya jawab tidak ada penyelewengan. Ini kegagalan sebab kegagalan business biasa.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh macam ini, tidak boleh, tidak boleh. Yang Berhormat Pokok Sena tidak boleh begitu ya. Jikalau ada hendak buat apa-apa, ada cara lain yang boleh dibuat, bukanlah cara bertegang leher macam ini.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okey, bagi Pokok Sena sahaja sudah.

Tuan Pengerusi: Pokok Sena ya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: All right.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang baik hati. Saya simpati dengan Yang Berhormat Menteri yang diperlakukan oleh *backbancer.* Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa tidak berlaku penyelewengan. Yang berlaku kerana ketidakcekapan dalam pengurusan perniagaan. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Kubang Kerian, Yang Berhormat sendiri melaporkan report kepada polis dan BPR dan pihak polis baru-baru ini telah pun menahan salah seorang yang dikatakan ada kaitan dengan repot yang dibuat oleh Yang Berhormat sendiri. Jadi, bagaimana Yang Berhormat menyatakan bahawa ia tidak berlaku penyelewengan? Sebab bagi saya lojiknya kalau tidak berlaku penyelewengan maka tidak perlu dibuat satu report. Umpamanya macam Glowing Hill ini pengarahnya ialah anak saudara kepada Yang Berhormat Anuar Musa sendiri.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Sebab bagi Yang Berhormat Pokok Sena, saya tahu dia ini bila bercakap fakta dia tidak banyak. Dia menggelembung sahaja, fakta dia tidak cukup. Dia tidak mengerti sebenarnya, dia tidak tahu keadaan sebenar. Keadaan sebenar yang kita lapor ialah projek-projek lain, tidak termasuk yang ini, sebab yang diperhatikan yang menyeleweng sahaja yang kita lapor. Yang ini tidak ada penyelewengan. Jadi kalau Yang Berhormat hendak bangun, ambil fakta yang benar dahulu baru hendak hentam pun. Ini hentam melulu. Saya beri Yang Berhormat, hendak tunjuk Yang Berhormat bercakap tidak betul dalam Parlimen *(Ada yang bercakap tanpa pembesar suara).*

Okay. Yang Berhormat bagi Tanah Merah juga mengatakan mengenai pengumuman Pengarah Eksekutif MTEN iaitu kontraktor kelas 'F' diberi projek *pre-emptive* yang antara lain berjumlah RM4.3 bilion. RM4.3 bilion ini bukan sahaja untuk jalan kampung bahkan banyak lagi program lain yang memakan masa mungkin dua tahun.

Sebenarnya program untuk merangsangkan ekonomi perlu dilaksanakan cepat oleh kerana kita hendak ekonomi kita dirangsangkan dengan cepat untuk mengelakkan kesan-kesan negatif apabila berlakunya penguncupan ekonomi dunia. Jadi kita hendak duit dibelanjakan dengan cepat. Maka kontraktor-kontraktor kelas 'F' diberi terus tanpa tender dan hampir keseluruhan kontraktor kelas 'F' dalam negara pada hari ini mendapat nikmat semua, walaupun di Kelantan, walaupun di Terengganu, walaupun di mana-mana. Jadi Yang Berhormat mengeluh ini mungkin banyak kontraktor kelas 'F' yang telah memihak kepada kerajaan pada hari ini kerana mereka mendapat projek; mungkin Yang Berhormat mengeluh.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena, isu penyelewengan PPRT sudah saya sentuh tadi. Projek-projek itu yang dilaporkan kepada polis bukanlah projek-projek yang gagal dengan kerana kelemahan pengurusan, bahkah apa yang dilaporkan kepada polis adalah projek-projek yang setelah disiasat didapati ada penyelewengan.

Mengenai Giat MARA, memang tadi Yang Berhormat menyentuh kenapa kita bagi kepada Giat MARA kerana Giat ini *slow* dan sebagainya. Untuk makluman Yang

Berhormat, memang pada awalnya, peringkat awal Giat apabila diberi projek terlalu banyak dan Giat memerlukan modal. Dan untuk mengeluarkan modal prosedur untuk membolehkan Giat dilantik, sebab Giat tidak berdaftar di bawah PKK di bawah Kementerian Kewangan, maka kita mendapat kebenaran khusus daripada kementerian yang berkaitan. Kemudian kita hendak memberi modal kepada mereka untuk melaksanakan. Maka semuanya termasuk perjanjian hanya dapat diselesaikan pada pertengahan bulan Oktober. Jadi selepas itulah baru Giat bergerak mula bergerak dengan begitu lancar.

Pada hari ini Giat sudah mempunyai 600 *team* atau pasukan di seluruh Malaysia, dan satu pasukan mengandungi sepuluh orang, bukan sahaja pelatih bahkan juga mereka yang telah dilatih. Maka semuanya ini mereka melaksanakan projek-projek di seluruh negara yang kalau mengikut *team* yang telah diwujudkan dijangkakan dalam tempoh tiga hingga enam bulan lagi keseluruhan projek di seluruh Malaysia dapat dilaksanakan. Saya telah berbincang dengan Giat dalam dua tiga hari yang lalu dan kita telah pun mendapat kepastian bahawa projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan cepat.

Kenapa projek ini dilaksanakan oleh Giat? Kerana Giat melaksanakan projek dengan begitu baik, tanpa kita ragu-ragu dan luas lantainya, besarnya, dan Yang Berhormat sendiri mengakui kosnya pun rendah. Jadi kalau kosnya rendah tetapi kualitinya tinggi, inilah satu cara untuk kerajaan menjaga wang rakyat. Kita tidak mahu memboros. Tetapi Yang Berhormat minta dipernaikkan harga supaya kononnya biarlah harganya tinggi supaya orang lain boleh cari makan, tidak mengapa. Tetapi untuk orang-orang miskin kita memberi kualiti yang tertinggi walaupun harganya dikawal.

Inilah kekuatan yang ada pada kita dalam program ini pada hari ini. Tidak ada pilih kasih, sama ada daripada JKKK atau mana-mana pihak untuk mendapat senarai dimasukkan seseorang di dalam PPRT oleh kerana wakil-wakil rakyat sendiri boleh pergi ke Pejabat Daerah atau mana-mana pejabat kerajaan untuk mendaftarkan mereka yang dianggapkan berada di tahap yang paling miskin.

Minta maaf, tadi saya sudah bagi *chance* kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Dia sudah tidak bagi jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Fasal yang ini ...

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat juga kata borang RISDA kononnya borang RISDA itu sebut "...mesti ditandatangani oleh wakil rakyat", "...mesti ditandatangani". Sebenarnya dalam borang itu yang dimestikan ialah JKKK. Semua borang PPRT dan JKKK termasuk RISDA .... *(Menyampuk).*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: JKKK lah tu! *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong diam!

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Dan kita minta JKKK. Kalau Yang Berhormat merasa kurang senang dengan JKKK.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ini bukan kedai kopi, Yang Berhormat. *[Kecoh].* Itu hak dia, Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya, hak saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya minta ini sebab saya ada maklumat. *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Maklumat pun tidak betul! Buat apa? Tidak payahlah!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: .... ada surat daripada Ketua Pengarah RISDA kepada pengarah-pengarah ..... *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, dia tidak bagi jalan!

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya sudah tidak bagi jalan! Cukuplah!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... Ini menunjukkan bahawa bagaimana ini tidak diakui oleh pemimpin-pemimpin .... *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan. *[Kecoh]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ..... telah melakukan satu benda yang tidak betul..... *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, tolong duduk Yang Berhormat. Dia tidak jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ..... politik kerajaan, kerajaan *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, tolonglah, tolong.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itulah sebab saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi, dia tidak bagi! Itu hak dia!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Memang saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan supaya disenaraikan untuk .... *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Kecoh].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Sila, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tiada bukti!

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ada bukti! Yang diarah ialah supaya semua permohonan mesti mendapat pengesahan daripada JKKK dan kemudian atasnya wakil-wakil rakyat dan kalau RISDA mengarahkan wakil-wakil rakyat yang kerajaan sahaja, itu tulisan daripada Pejabat RISDA sendiri untuk supaya mereka mendapat sokongan dan bantuan melalui wakil-wakil rakyat kerajaan, sebab program ini program kerajaan, bukan program pembangkang. Siapa hendak bagi kepada pembangkang? Kalau sudah kita bagi pun dia kata "Jangan, kita tidak boleh bersyukur", macam mana hendak bagi?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, tolong dengar perintah saya, Yang Berhormat. Tolong dengar ya. Kalau tidak saya terpaksa mengambil tindakan!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: .... rakyat miskin, kita tidak boleh buat begitu .... *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: .... Pernah saya baca .... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Beberapa kali saya turun ke kampung, bukan sahaja wakil rakyat PAS bercakap macam ini, wakil rakyat UMNO sendiri menegur – "Kenapa senarai-senarai ini, kita orang UMNO tidak dapat, dapat orang itu, orang ini?" Kedua-dua pihak memberi masalah yang sama kepada saya. Saya kata ini bukan kerana pembangkang ataupun UMNO atau Barisan. Sebenarnya ini dibagi kepada orang yang memang layak. Kalau orang itu tidak layak, dia tidak layak sama ada dia disokong oleh pembangkang ataupun kerajaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini gambar! Gambar.... *[Menunjukkan keratan surat khabar] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena! Yang Berhormat bagi Pokok Sena, saya akan mengambil tindakan kepada Yang Berhormat! Yang Berhormat bagi Setiu bangun tadi, hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Rumah JKKK, bukan kawasan Yang Berhormat sahaja perlu ada rumah PPRT.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Setiu bangun, Yang Berhormat. Jangan bertengkar macam itu, ya. Teruskan ucapan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ... Ini senarai, tidak ada nama .... *[Bercakap tanpa pembesar suara]* .

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Senarai nama pun banyak orang ada. Tetapi yang penting ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ..... dari Kuala Kedah, sampai hari ini ... *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau begini kita tidak habislah mesyuarat kita pada hari ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau Yang Berhormat bagi jalan, saya rasa tidak timbul pertengkaran. Saya hanya hendak mengemukakan.... *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi : Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Kalau dia tidak bagi jalan, itu hak dia.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ..... supaya kerajaan ambil tindakan, itu sahaja. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri pun bertengkar .... *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Tuan Pengerusi : Yang Berhormat bagi Setiu. Hendak bagi jalan kah?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya tidak bagi jalan, minta maaf. Sudah! Cukup, cukup! Okay.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, janganlah memaksa saya mengambil tindakan. Kita hendak menjalankan mesyuarat. Kadang-kadang ada jawapan yang kita tidak seronok, tetapi apabila keadaan begitu, dan yang satu tidak mengalah, maka tidak bolehlah kita hendak berterus-terang hendak menegaskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Bukan saya tidak mahu mengalah tetapi saya hendak memberikan sesuatu maklumat untuk kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan peribadi.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Biar saya teruskan. Kenapa wakil-wakil rakyat diminta menyenaraikan senarai kontraktor kelas-kelas 'F'? Oleh kerana sebelum ini kita buat melalui pejabat-pejabat kerajaan, masih banyak rungutan yang diterima dan sekarang kita gunakan dua saluran – satu saluran kerajaan, melalui Pejabat Daerah dan pegawai kerajaan dan satu lagi wakil-wakil rakyat - dan selepas itu dicantumkan di bawah tiap-tiap negeri; tiap-tiap negeri mencantumkan dan mengesahkan dan setelah disahkan oleh kerajaan negeri barulah kontraktor-kontraktor kelas 'F' itu diperakukan untuk melaksanakan projek di negeri dan kawasan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat jawapan daripada Menteri sudah pun dihadkan kepada ½ jam Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: ½ jam? Habis sudah? All right, kalau begitu saya akan menjawab kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan, termasuk daripada Batang Lupar dan yang lain daripada Gelang Patah dan Tebrau. Semua yang dibangkitkan oleh mereka adalah perkara-perkara yang khusus dan spesifik. Saya rasa saya boleh membuat jawapan secara bertulis dan berbincang terus dengan mereka. Terima kasih. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM499,422,600 untuk Maksud B.40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM499,422,600 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,235,590,950 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Angggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM2,235,590,950 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

Maksud B.41 [Jadual] -
Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan 2002] –

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Berucaplah ya. *[Ketawa]*

3.57 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Rezeki hari ini, Tuan Pengerusi, alhamdulillah. Kerana apa? Kerana menegakkan kebenaran. Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Saya ingin mengambil bahagian dalam Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Saya ingin menyentuh 03000 Jabatan Pembangunan Wanita dan 04000 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara. Isu yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi, satu sahaja isu saya rasa iaitu kes berkaitan dengan timbulnya satu fenomena sekarang ini di kalangan wanita muda tidak mahu berkahwin. Ini mengikut satu bancian yang dibuat oleh kerajaan baru-baru ini yang disiarkan oleh akhbar, kerana bagi saya bahawa isu ini tidak harus dianggap sebagai satu bahan lucu. Ia merupakan satu perkara yang sangat besar dan akan memberikan kesan proses pembangunan dalam negara itu sendiri.

Saya amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan wanita dalam negara kita. Tetapi yang jelasnya sekarang ini ialah hasil daripada kajian ataupun bancian ini bahawa timbulnya fenomena wanita muda tidak mahu berkahwin ini meningkat peratusannya dari tahun ke tahun. Bagi saya seperti yang saya sebutkan tadi bahawa ianya akan memberikan kesan kepada merencatkan pembangunan dalam negara kita khususnya pembangunan keluarga.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, masalah wanita tidak mahu berkahwin ini termasuk juga lelaki iaitu kejadian ini begitu berat di Singapura sehinggalah Perdana Menteri Lee Kuan Yew membuat satu kempen supaya mereka berkahwin. Kerana dia, terbantut perkembangan penduduk Singapura terutama yang tidak mahu berkahwin ini adalah wanita-wanita profesional. Jadi, apa nasihat Yang Berhormat bagi Pokok Sena supaya wanita profesional ini mahu berkahwin? Kalau mereka tidak ada pasangan, banyak..... *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Saya akan sampai ke situ *[Ketawa]*. Ada calon ramai – Tun sendiri boleh menjadi calon *[Ketawa]*. Dan saya kira kementerian ini sendiri juga bertanggungjawab terhadap pembangunan keluarga, kempen-kempen pembangunan keluarga dibuat. Ini seolah-olahnya menunjukkan bahawa kempen pembangunan keluarga untuk memberi kesedaran kepada wanita dan juga golongan lelaki dan masyarakat Malaysia ini ada keinginan untuk hidup berkeluarga ini seolah-olah macam tidak memberikan satu kesan yang sangat baik. Sudah tentulah kalau ia memberikan kesan maka ia tidak akan berlaku peningkatan golongan wanita muda yang tidak mahu berkahwin. Bukan kerana kahwin lewat, tidak mahu berkahwin. Mungkin selepas itu dia kahwin juga, tetapi dalam waktu usia muda mereka tidak mahu berkahwin, kerana mungkin dan ada kajian mengatakan lebih mengutamakan kerjaya, status yang ada dan sebagainya.

Ini sudah tentu akan memberikan kesan - macam yang saya katakan tadi - kepada pembangunan keluarga kerana kita mahu bahawa dalam masyarakat Malaysia ini bilangan keluarga itu perlu ditingkatkan. Apabila golongan wanita muda tidak mahu berkahwin maka sudah tentu bilangan jumlah keluarga dalam negara kita juga akan merosot akibat daripada masalah yang dihadapi. Ia juga akan memberikan kesan sosial apabila dan mungkin - saya minta maaf, saya bukan ada sangkaan buruk terhadap golongan wanita tetapi ini merupakan satu kewaspadaan yang harus kita lakukan - mungkin menjadikan kesan sosial apabila wanita muda ini tidak mahu berkahwin. Kita bimbang bahawa mereka akan tergelincir kepada gejala-gejala yang tidak baik dan sudah tentu ini akan memberikan kesan yang lebih buruk kepada masa depan negara kita.

Tetapi saya percaya bahawa dengan kedudukan, dengan ilmu yang ada, dengan pendidikan yang mereka perolehi mungkin mereka tidak akan melakukan perkara yang sedemikian rupa tetapi sudah pastilah bahawa apabila mereka tidak berkahwin kadang-kadang mereka lebih merasai bahawa hidup bebas, boleh bertukar pasangan dan sebagainya. Ini sudah tentu memberikan keadaan yang lebih buruk, yang lebih parah kepada masa depan negara kita.

Kemudiannya juga apabila kita katakan bahawa kemungkinan dia akan berkahwin lewat dan ini juga akan memberikan kesan kepada pertumbuhan dari sudut kelahiran anak-anak ataupun bayi sebab mengikut kajian mengatakan bahawa kalau seorang wanita itu berkahwin lewat pada had umur 40 tahun, maknanya kesan yang akan ditanggung dari sudut untuk dia hendak mengandung, dia hendak bersalin, risikonya yang sangat tinggi. Ini sudah tentulah proses perolehan kepada penambahan penduduk ini akan memberikan keadaan yang tidak begitu baik.

Jadi oleh sebab itu bagi saya bahawa perlu kepada satu kempen kesedaran yang lebih meluas di kalangan wanita muda. Bukan wanita muda bagi saya kerana kementerian bertanggungjawab terhadap pembangunan keluarga juga, kepada lelaki-lelaki yang ada juga dari segi perangkaannya menunjukkan bahawa kecenderungan golongan lelaki dewasa untuk berkahwin pada umur lewat dapat dilihat daripada data umur minimum perkahwinan pertama yang menunjukkan daripada umur 28.2 dalam 1991 kepada 28.6. Maknanya ada peningkatan.

Fenomena ini sangat bahaya apabila wanita pun tidak mahu berkahwin muda, begitu juga dengan lelaki tidak mahu berkahwin muda. Ianya sangat merbahaya. Apatah lagi merbahaya kepada wanita tersebut, bila dia tidak mahu berkahwin waktu muda, dia hendak berkahwin waktu berumur, jadi dia hendak mencari lelaki yang kacak macam saya dan sebagainya mungkin susah *[Ketawa]*. Jadi dia mungkin cari macam Yang Berhormat Tebrau, macam Petra Jaya, umur macam itulah - ataupun umur Tuan Pengerusi sendiri.

Jadi ini sudah tentu *[Ketawa]* maknanya kempen di sini yang saya katakan tadi bahawa Kementerian Pembangunan Wanita ini harus ada keterbukaan untuk menerima hakikat yang diizinkan oleh Islam itu sendiri bahawa kempen hidup berkeluarga ini untuk wanita yang berkahwin lewat yang mungkin pada umur yang sudah tua, maknanya mereka mesti bersedia untuk menerima konsep berpoligami dalam Islam itu sendiri. Ini sebagai satu cara untuk mengatasinya bukan kerana kepentingan dan sebagainya. Ini satu cara untuk hendak mengatasinya. Sebab bagi saya kalau orang itu sudah ada kedudukan macam Yang Berhormat bagi Petra Jaya, apa salahnya kalau ada seorang lagi? Umpamanya macam Yang Berhormat bagi Tebrau dan sebagainya?

Jadi ini yang seharusnya dilakukan sebab sudah tentulah bahawa sukar untuk wanita-wanita seperti ini untuk mendapat lelaki yang lebih muda daripada mereka. Begitu jugalah kalau orang yang sudah berumur sendiri pun kalau dia hendak berkahwin mungkin sudah tentu dia hendak mencari orang yang lebih muda sedikit daripada dia supaya dia boleh menjaga kesihatan. Kalau sekiranya dia mencari yang sama-sama tua, jadi sama-sama kena ada orang bela, jadi beratlah itu.

Jadi, yang saya hendak tekankan di sini ialah masalah kempen penggalakan kepada hidup berkeluarga ini mesti ditingkatkan termasuklah kempen yang berkaitan dengan poligami dan kerjasama dengan pihak Jakim khususnya perlu dibuat dan kesedaran-kesedaran terhadap wanita-wanita profesional ini perlu dibuat. Maknanya perlu ada kaunseling supaya mereka ada kesedaran bahawa sangat wajar usia muda mereka dengan kedudukan mereka itu, masyarakat memerlukan mereka berada di

tengah-tengah masyarakat dalam hidup berkeluarga untuk menyumbang sesuatu kepada masyarakat. Bukan saya katakan bahawa kalau mereka tidak berkahwin mereka tidak boleh menyumbang kepada masyarakat, tetapi mereka boleh menyumbang dalam konteks pembinaan kekeluargaan dalam masyarakat kita.

Jadi saya rasa itulah satu sahaja Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga kementerian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Arau.

4.05 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan B.41 – Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam jawatankuasa ini.

Bagi wanita kita menanti-nantikan perkembangan kepada kementerian ini. Kita memang berterima kasih kepada kerajaan kerana penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga kita berharap bukan sahaja akan memberi sumbangan kepada pembangunan wanita tetapi juga memberi sumbangan kepada keseluruhan masyarakat di negara kita.

Tuan Pengerusi, kita melihat peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini sebanyak RM59,021,854 dan juga memandangkan kementerian ini cuma ada seorang Menterinya, bersilat ke sana-sini, tidak ada Timbalan Menteri, tidak ada Setiausaha Parlimen dan beberapa kerat pegawai-pegawai yang membantu.

Walau bagaimanapun, sebelum saya meneruskan perbahasan ini, saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian ini kerana dalam jangka masa setahun penubuhannya kita telah dapat melihat pencapaiannya dan juga beberapa peraturan yang melibatkan wanita telah pun mendapat perhatian daripada pihak kerajaan.

Wanita keseluruhannya menanti-nantikan penubuhan kementerian ini dan mengharapkan ia mempunyai pegawai-pegawai yang cukup untuk menjalankan tugas-tugas di kementerian. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat dari segi ruang lingkup ataupun tugas yang akan dijalankan oleh kementerian ini, saya rasa bukan sekadar yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi. Yang Berhormat bagi Pokok Sena dok tengok macam mana soal perkahwinan. Orang lelaki ini kadang-kadang bila sudah meningkat sikit dari segi status, ekonomi, kadang-kadang pemikiran terjurus ke situ.

Memang dalam Islam membenarkan poligami. Saya tidak menentang soal itu. Kita sebagai penganut agama Islam, dan kita faham apa yang telah diturunkan oleh Allah S. W. T., tetapi tentu ada sebab-sebab yang tertentu yang telah pun diturunkan oleh Allah S. W. T. hukuman sedemikian. Jangan baca hukum itu separuh jalan sahaja. Ini ingatan sahajalah, Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Dan, wanita-wanita yang tidak berkahwin pun saya rasa tidaklah timbul sebagaimana disebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, ruang lingkup tugas kementerian ini adalah luas, bukan sahaja melihat kepada pembangunan wanita, pembangunan keluarga tetapi juga akan mengendalikan pertubuhan-pertubuhan wanita yang begitu banyak di negara kita.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Padang Terap bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta maaf, masa saya sikit, banyak benda saya hendak cakap. Minta maaf, ya. NGO wanita di Malaysia ini telah pun membuktikan keupayaan dan kesungguhan mereka dalam membangunkan kaum wanita dan juga keluarga. Selama ini 43 tahun kita merdeka, urusan-urusan berkenaan dengan wanita, perjuangan-perjuangan mengenai wanita digerakkan oleh NGO-NGO di negara kita. Di samping kepimpinan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin wanita.

Kita berasa bertuah kerana apabila ada kementerian ini NGO yang pada mulanya mempunyai kewangan yang begitu terhad menjalankan kegiatan-kegiatan di dalam kemudahan-kemudahan yang begitu terhad. Hari ini saya dapati apabila kementerian ini telah diwujudkan, kita dapati NGO-NGO wanita begitu semangat sekarang menjalankan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti mereka.

Ada pihak-pihak menyatakan, bertanya kenapa sekarang kita melihat bahawa anak-anak gadis kita, wanita-wanita kita lebih ke hadapan. Sebenarnya wanita-wanita kita lebih ke hadapan kerana kita lebih komited, kita lebih berusaha dan persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan NGO yang terlibat dalam perjuangan wanita tidak pernah berhenti-henti menjalankan kegiatan-kegiatan untuk membina semangat dan juga untuk membina keupayaan kaum wanita di dalam pembangunan di negara kita.

Jadi, untuk itu Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, berapa besarkah dari segi perjawatan kementerian ini dalam usaha untuk memenuhi hasrat dan juga memenuhi harapan daripada 3 bidang yang saya lihat - mungkin lebih besar lagi bidang yang dilihat oleh Yang Berhormat Menteri - iaitu pembangunan keluarga, pembangunan wanita dan memenuhi harapan dan inspirasi pertubuhan-pertubuhan wanita yang selama 43 tahun berjuang memberi sumbangan. Dan hari ini bila ada kementerian tentulah pertubuhan-pertubuhan wanita ini memerlukan pembelaan dan saya percaya mereka akan memberi perkhidmatan yang lebih baik lagi daripada apa yang kita dapati pada hari ini.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, bagi saya di negeri Perlis sahaja, kami mempunyai hampir 22 pertubuhan wanita yang harus kita kendalikan. Pertubuhan-pertubuhan wanita ini walaupun mereka tidak diberi kewangan yang mencukupi, mereka menjalankan kegiatan-kegiatan mereka dengan cara yang sederhana tetapi mereka begitu berjimat.

Diberi peruntukan, mereka menjalankan kegiatan mereka dengan lebih baik sebagaimana contohnya PERKEP, Persatuan Isteri-isteri Polis baru-baru ini. Bila kita beri peruntukan untuk mereka menjalankan kegiatan-kegiatan keagamaan, mengadakan forum perdana, 3000 orang hadir, dianjurkan oleh NGO. Ini saya rasa sesuatu yang patut dibanggakan dan pihak kementerian harus terus menyuntikkan semangat memberikan keperluan-keperluan kewangan kepada NGO ini dalam usaha kita membangunkan masyarakat kita.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat dari segi sosio masyarakat di Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan rasa kecewa kerana kita berjaya membuat pembangunan tetapi kita tidak berjaya mengubah minda dan tidak berjaya mengubah sikap masyarakat kita, terutamanya orang-orang Melayu. Saya merasakan kementerian ini juga setelah ditubuhkan, setelah diisi keanggotaan perjawatan-perjawatan yang telah dipohon akan juga dapat memainkan peranan bersama-sama dengan kementerian yang lain. Bagaimana kita dapat mengubah cara kita bekerja, cara kita berfikir dan bagaimana kita dapat mewujudkan satu masyarakat yang benar-benar dinamik dan produktif? Ini yang hari ini kita tidak dapat laksanakan.

Tambahan pula, Tuan Pengerusi, kalau kita dengar dalam Dewan ini, kita selalu bercakap soal *corporate governance*, bukan sahaja *corporate governance* tetapi banyak soal-soal dari segi kejujuran dan keikhlasan. Malah kalau kita pergi ke KLIA, kita dengar setengah jam sekali diberi pengumuman. penumpang-penumpang harus menjaga luggage ataupun beg masing-masing, harus di bawah pengawalan. Apa maknanya? Maknanya dalam negara kita, kita tidak ada sikap jujur, amanah, begitu tidak sampai ke tahap yang kita kehendaki.

Oleh yang demikian, saya melihat tanggungjawab kementerian ini dalam mengubah pemikiran dan juga menanamkan sikap yang baik kepada masyarakat adalah merupakan satu tanggungjawab yang besar. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya memohon kepada pihak kementerian dan juga pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, janganlah kementerian ini diwujudkan cuma sekadar untuk menyedapkan hati wanita sahaja. Ada kementerian, ada Menterinya tetapi tidak ada pembantunya dan dalam masa yang sama juga saya berharap supaya kementerian ini diwujudkan di peringkat negeri-negeri kerana tanpa ada Jabatan Pembangunan Wanita di negeri-negeri, saya tidak dapat melihat bagaimana kementerian ini dapat berfungsi sepenuhnya.

Bukan setakat itu sahaja, memandangkan bahawa negara kita sekarang ini telah pun maju ke hadapan, kalau pada masa yang lalu kebanyakan jabatan ataupun agensi dibuat di peringkat daerah, saya ingin memberi pandangan: Apa kata kalau kementerian ini dapat mewujudkan jawatan pegawai-pegawai kerajaan yang akan membantu kementerian ini di Jabatan Pembangunan Wanita di peringkat Parlimen, tidak di peringkat daerah. Sebab daripada negara kita yang merdeka sampai sekarang ini, kita selalu beroperasi mengikut daerah. Daerah itu pada pandangan saya lebih luas

daripada Parlimen, dan, kadang-kadang menimbulkan masalah dari segi penyelarasan tugas dan kerja.

Bagi kementerian yang baru ini, saya berpendapat dan berpandangan kalaulah dapat pihak Jabatan Perkhidmatan Awam memberikan perhatian supaya diwujudkan juga pegawai-pegawai di peringkat Parlimen supaya pembangunan dapat dibuat di peringkat Parlimen dan koordinasi dapat di buat di peringkat Parlimen. Saya percaya, ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju dan mereka juga tentu sanggup memberikan sumbangan untuk membangunkan dan juga menjayakan misi dan visi kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat ada seminit lagi Yang Berhormat ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta maaf, Tuan Pengerusi.Yang keduanya, saya juga ingin merujuk kepada beberapa peraturan. Sebelum itu, peruntukan kepada NGO. Saya berharap apa yang saya sebutkan tadi juga, pihak kementerian boleh memberikan pertimbangan kepada peruntukan kepada NGO-NGO wanita. Walaupun ada pertikaian menyatakan bahawa NGO-NGO ini tidak pandai menguruskan kewangan tetapi ini bukanlah dari segi aktiviti yang dijalankan. Saya percaya aktiviti yang dijalankan adalah *justified,* dengan izin, tetapi pengurusan kewangan ini hendaklah diberi perhatian oleh kementerian dan memberi kursus kepada mereka yang memegang jawatan dalam NGO-NGO wanita.

Tuan Pengerusi, dua perkara lagi yang ingin saya sentuh di sini.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukuplah Yang Berhormat. Minta kurangkan sedikit ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya.

Tuan Pengerusi: Minta pendekkan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kalau dapat Tuan Pengerusi, saya cuma yang akhirnya, saya ingin mendapat makluman daripada kementerian, saya melihat di dalam belanjawan ini ada Pembangunan Khidmat Kasih Keluarga dan saya difahamkan bahawa LPPKN akan menubuhkan Kompleks Kasih yang akan dibina di negara kita dan saya ingin mendapat makluman daripada kementerian, berapakah Kompleks Kasih ini akan dibina dan saya percaya ia akan memberi sumbangan kepada pembangunan wanita dan keluarga? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya. Kapar.

4.17 ptg.

Puan P. Komala Devi [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara B.41, Butiran 00100 – Pusat Khidmat Wanita. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga atas semua kejayaan yang telah diperolehi dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak dan juga kesejahteraan wanita walaupun kementerian ini merupakan satu kementerian yang baru ditubuhkan.

Kami juga menghargai keprihatinan kerajaan tentang menaikkan taraf wanita dan keluarga melalui pelbagai program seperti Pembangunan Khidmat Kasih Keluarga, Promosi Keluargaku Sayang, Pusat Khidmat Wanita dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kami sedar bahawa satu golongan yang diberi tumpuan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga adalah ibu tunggal dan pelbagai program pun telah diwujudkan untuk membantu golongan ibu tunggal yang kebanyakan mereka memerlukan bantuan memandangkan bahawa ciri-ciri golongan ibu tunggal di negara ini adalah mempunyai taraf pendidikan yang rendah, pendapatan yang rendah, kemahiran yang rendah dan sebagainya.

Kita dapati bahawa ibu tunggal yang buat masa ini berjaya untuk mendapat bantuan dari kerajaan sama ada dari segi Skim Latihan Kemahiran ataupun Skim Pinjaman ataupun kaunseling adalah ibu tunggal yang telah memenuhi satu syarat yang penting iaitu mereka mesti daftarkan diri dengan kementerian ataupun kalau saya tidak salah faham, dengan Pusat Khidmat Wanita.

Saya percaya bahawa mekanisme pendaftaran ibu tunggal ini buat masa ini mempunyai sedikit kelemahan iaitu saya dapati bahawa maklumat tentang proses pendaftaran gagal disampaikan kepada golongan ibu tunggal khususnya kepada kaum India di mana peratusan ibu tunggal adalah tinggi. Ini memang satu fakta yang kita tidak boleh menafikan.

Golongan ibu tunggal dari kaum India kebanyakannya boleh didapati di sektor perladangan dan juga kawasan-kawasan setinggan dan mereka jarang membaca surat khabar selain daripada surat khabar Tamil. Itu pun kita tidak pasti. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya surat khabar Tamil serta MIC dan juga NGO-NGO India yang mungkin berasaskan sosial ataupun agama, bolehkah saluran ini digunakan dengan lebih untuk merangkumi dan juga membawa golongan wanita ibu tunggal kaum India ke dalam arus pembangunan supaya mereka tidak terus diabaikan oleh kerajaan yang memang mempunyai niat yang baik untuk menolong golongan ini.

Jadi, saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat Menteri tentang cadangan saya. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batu Gajah.

4.20 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan berucap panjang. Saya hanya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Jabatan Pembangunan Wanita.

Seperti yang dinyatakan di dalam Belanjawan Persekutuan 2002, objektif kementerian ini adalah untuk mencapai kesaksamaan *gender* dan institusi kekeluargaan yang mantap. Setakat ini, satu langkah positif yang telah diambil oleh kementerian adalah dengan meminda Perlembagaan Persekutuan, Perkara 8 dengan memberi kedudukan sama kepada wanita. Akan tetapi saya ingin tahu sejauh mana realitinya polisi kerajaan ada diubah untuk ke arah niat pemindaan Perkara 8 ini. Perkara 14 dan Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan masih tidak dipinda.

Kita semua sedia maklum bahawa buat masa kini, isteri asing boleh bersama suami warganegara Malaysia untuk tinggal di Malaysia, tetapi keadaan ini berbeza kepada suami asing kepada warganegara wanita Malaysia ini. Jadi, saya percaya Yang Berhormat Menteri juga tahu berkenaan perkara ini dan Yang Berhormat baru-baru ini ada membuat satu kenyataan bahawa kementerian telah memberi satu cadangan kepada Kementerian Dalam Negeri berkenaan menarik balik wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga luar negara agar mereka boleh dapat kembali ke Malaysia dan berkhidmat kepada negara.

Saya menyokong langkah dan kenyataan dan cadangan oleh kementerian. Ini adalah satu langkah untuk hapuskan diskriminasi. Akan tetapi yang merisaukan saya adalah menerusi kenyataan ini, nampaknya telah menimbulkan satu diskriminasi lagi kerana hanya wanita Malaysia yang berkahwin dengan warganegara luar yang mempunyai kepakaran termasuk suami asing yang berkepakaran sahaja, mereka akan dibenarkan balik ke Malaysia dan dibenarkan, diberi dengan permit kerja.

Jadi, ini amat merisaukan saya sebab kalau niat baik, adalah untuk memberikan kedudukan yang sama seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan, Perkara 8, kriterianya mestilah sama. Kita tidak boleh menimbulkan satu diskriminasi lagi kalau yang berkahwin dengan suami asing, dia mempunyai kepakaran, hanya dia boleh masuk. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu saya apakah kriteria-kriteria untuk suami asing dan isteri asing sama ada masih sama atau berbeza untuk kembali berkhidmat di negara Malaysia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading bangun. Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Undang-undang yang sedia ada ini hanya membenarkan wanita Malaysia, warganegara Malaysia berkahwin dengan lelaki bukan warganegara Malaysia yang ada kepakaran sahaja yang dibenarkan masuk kerana hendak melindungi wanita kita daripada sewenang-wenangnya kahwin dengan orang luar yang tidak ada kepakaran. Pasal kalau tidak ada perlindungan undang-undang ini, boleh jadi ramai yang kahwin

dengan Bangladesh dan Indonesia yang akibatnya nanti, tiba-tiba negara kita dipenuhi oleh warga lain.

Jadi, apakah dalam pandangan Yang Berhormat bagi Batu Gajah bahawa ini tidak melindungi wanita Malaysia ataupun memang ada hajat agaknya wanita di Malaysia ini yang ingin sangat kahwin dengan orang di luar negara? Saya tidak tahulah Yang Berhormat punya pandangan cita rasa macam mana.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat ada cadangan hendak kahwin kah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu tidak tahulah saya.

Puan Fong Po Kuan: Inilah masalah Yang Berhormat Menteri ya. Kita ada pemimpin yang masih lihat di zaman moden ke zaman millenium ini, wanita tidak berkemampuan untuk memilih kekasih atau yang mereka sayangi. *[Disampuk]* Mereka selalu mengambil alasan bahawa wanita kita harus dilindungi. Jadi, mereka ambil alasan ini untuk tidak memberi kedudukan yang sama, layanan yang sama.

Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya percaya kalau Yang Berhormat begitu prihatin berkenaan dengan perkahwinan warga Malaysia dengan warga asing, Yang Berhormat boleh dapatkan maklumat dari kementerian yang berkenaan. Apakah tidak ada lelaki yang berkahwin dengan wanita warganegara luar ditipu? Saya pasti ada. *[Disampuk]*. Mengapa Yang Berhormat tidak bangkitkan untuk adakan undang-undang untuk melindungi mereka agar mereka tidak kahwin dengan warganegara wanita luar? Itulah masalah.

Selalu apabila mereka ini memberikan kedudukan yang tidak sama mereka memberi alasan wanita perlu dilindungi. Langkah-langkah ini adalah untuk "melindungi wanita". Saya rasa ini pemikiran yang telah ketinggalan. Zaman ini kita sudah ada ramai Ahli Parlimen wanita. Sudah ada 20 orang. Jadi, wanita pada masa kini berkemampuan. Yang tidak kahwin pun berkemampuan dan tidak haruslah diperkecil-kecilkan selalu. Saya harap Yang Berhormat jangan pergi dedahkan pergi *spread* dengan izin, imej bahawa kita perlu undang-undang sedemikian agar untuk "melindungi wanita". Itu pemikiran yang ketinggalan zaman! Oleh itu..... *(disampuk)*. Saya tidak bagi laluan ya.

Tuan Pengerusi: Hmmm. Ya, dia bagi laluan ya.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Sebenarnya undang-undang ini kerana hendak melindungi wanita kita, tetapi kalau wanita sudah macam Batu Gajah kata lebih baik lelaki luar, saya hendak buat apa? Saya tidak boleh hendak mempertikaikan. Cuma saya merasa, itu sebab saya bertanya undang-undang yang disediakan oleh negara ini lebih banyak hendak melindungi wanita. Yang lelaki kahwin dengan luar ini lelaki senang pasal lelaki ini dia tidak berapa sangat kita bimbanglah berbanding dengan wanita. Itu sebabnya. Ini menunjukkan negara kita ini menyayangi dan melindungi wanita. Apakah wanita DAP tidak setuju dengan undang-undang melindungi wanita di Malaysia? Dan kalau hendak dikira-kira pula lelaki Malaysia kadang-kadang lebih hebat daripada lelaki luar, tetapi tidak tahulah kalau Batu Gajah kata lelaki luar lebih hebat daripada lelaki Malaysia saya tidak tahulah. Kalau sayalah, saya rasa lelaki Malaysia pun hebat-hebat juga, tetapi ialah Batu Gajah tidak tahulah macam mana penilaian dialah. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan: Saya hendak biarkan Yang Berhormat Menteri yang jawab. Kalau apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu Yang Berhormat Menteri setuju saya rasa tiada harapanlah wanita Malaysia. Kalau Yang Berhormat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa wanita pada masa kini memerlukan perlindungan sedemikian seperti dalam Perkara 14 dan 15 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Imigresen. Jadi, ...

Tuan Pengerusi: Ya, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya dengar ucapan Sri Gading ini. Sebenarnya ini sangat tidak adil terhadap wanita kerana kita mesti percaya kebijaksanaan wanita dari segi memilih kekasihnya ataupun suaminya. Jadi, kalau wanita itu dia pilih hendak kahwin dengan seorang pekerja asing Bangladesh, biarlah dia. Ini adalah pilihannya. *[Sorak]*. Kita lihat ada lelaki Malaysia yang kahwin dengan orang gaji Indonesia. Ini kita lihat. Mereka kahwin dengan orang gaji Filipina. Ini dibenarkan. Kenapa wanita Malaysia mestilah dihadkan dari segi

peluang untuk memilih siapa yang dia ingin kahwini? Kenapa kerajaan mesti mengehadkan bahawa yang si lelaki itu mesti ada kepakaran? Saya ingin minta pandangan daripada Batu Gajah. *[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan: Itulah Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh itulah sebab....*[Disampuk] [Ketawa]* Yang Berhormat Seputeh, kita kena bagi kursus kepada pemimpin-pemimpin sebelah sana ya. Saya tidak akan berlarutan dalam isu ini.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini kita ada sambutan Hari Wanita. Saya hendak tanya berapa perbelanjaan telah digunakan untuk meraikan Hari Wanita tersebut? Sebab saya rasa kadang-kadang kalau kita hendak, dengan izin, menyampaikan sesuatu mesej kita tidak perlu gunakan perbelanjaan yang banyak dengan mengadakan sambutan di hotel-hotel yang mega atau memberi kos pengangkutan dan makanan kepada orang-orang dari luar terutamanya rombongan-rombongan dari cawangan-cawangan UMNO untuk hadiri dewan, untuk memenuhi dewan akan menunjukkan sambutannya baik. Saya rasa *we should go to the root of the cause of the whole problem.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Apakah polisi sekarang adil kepada wanita? Itu yang penting. Kalau polisi dan undang-undang yang tidak adil kita pinda saya rasa masalah dengan ketidakadilan terhadap wanita akan dapat dikurangkan. Jadi, perbelanjaan banyak boros saya rasa tidak diperlukan. Tambahannya....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Soalan akhirnya, Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya saya pohon kalau boleh Yang Berhormat maklumkan mengapa masih belum ada seorang Timbalan Menteri untuk membantu Yang Berhormat Menteri? Sebab saya tahu ada ramai mempunyai seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Arau harapan yang tinggi terhadap kementerian begitu juga pihak di sini. Tetapi saya harap kalau boleh lantik seorang timbalan agar meringankan beban Yang Berhormat Menteri. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Seputeh.

4.32 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah ketawalah Yang Berhormat. Ini beri keutamaan kepada wanita, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana tidak macam *Back-benchers* Barisan Nasional ini yang mana Tuan Pengerusi lebih menghormati wanita.

Saya ingin bangkitkan butiran 050100 dan 050200. Saya ingin tanya Menteri apakah perbezaan di antara dasar ataupun "Projek Pembangunan Khidmat Kasih Keluarga" dan promosi "Keluargaku Sayang". Kedua-duanya apakah perbezaannya? Saya lihat daripada buku ini hanya dua tiga muka surat sahaja, kerana mungkin ini satu kementerian yang baru. Jadi, saya minta Menteri memberi sedikit penjelasan tentang dua-dua butiran ini.

Saya juga ingin bertanya yang mana Yang Berhormat Menteri pernah mengatakan bahawa beliau setuju untuk adakan satu rang undang-undang *anti-sexual harassment.* Jadi saya ingin tanya setakat manakah tentang draf rang undang-undang *anti-sexual harassment* ini kerana saya masih ingat pada tahun yang lepas bila kami pertama kali bangkitkan tentang perlunya ada satu rang undang-undang *anti-sexual harassment* tetapi yang Menteri Sumber Manusia ini dia masih kata tidak bersetuju. Dia kata hanya kod etika kerja itu sudah cukup. Jadi, saya hendak tanya macam manakah perjuangan Yang Berhormat Menteri dalam Kabinet sekarang tentang isu ini.

Yang kedua ialah saya juga pernah baca tentang kenyataan Yang Berhormat Menteri tentang isu ibu tunggal di mana kerajaan akan memberi lebih perhatian kepada ibu tunggal yang jumlahnya semakin meningkat sekarang. Jadi, saya ingin tahu macam mana kementerian boleh memberi bantuan kepada mereka yang di antara

mereka ini terutamanya mereka yang sudah beranak banyak mereka perlukan kerja dan kebanyakan mereka juga amat perlukan wang. Jadi, bolehkah kementerian memberi bantuan kepada mereka dari segi kewangan terutamanya mungkin dari segi pinjaman ataupun dari segi macam di luar negeri itu *social aid* macam satu bulan berapa ratus bagi mereka untuk menanggung keluarga? Adakah ini akan dilakukan oleh kementerian ini? Dan saya juga berpendapat bahawa ramai wanita terutamanya mereka yang menghadapi masalah dari segi perkahwinan itu mereka amat perlu bantuan dari segi undang-undang, walaupun ada kebanyakan mereka pendapatannya telah lebih daripada pendapatan yang dihadkan oleh Majlis Peguam untuk mendapat legal aid daripadanya. Jadi, bagi mereka yang gajinya mungkin RM1,000 tetapi ada empat lima anak mereka memang perlu bantuan dari segi undang-undang yang mana saya berharap kerajaan boleh memberi *legal aid* atau nasihat undang-undang kepada wanita yang perlu ini.

Dan juga saya rasa kaunseling adalah satu aspek yang mana diperlukan oleh ramai wanita yang menghadapi masalah dari segi keluarga dan juga perkahwinan jadi saya rasa dari aspek ini mungkin Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga boleh melatih atau mengadakan lebih kaunselor untuk membantu wanita daripada pelbagai kaum untuk memberi kaunseling yang diperlukan kepada mereka dan juga kaunseling kepada gadis remaja dan juga ibu tunggal.

Saya rasa ada satu aspek yang penting yang mungkin harus dilakukan yang mana kita telah dilaung-laungkan atau dicadangkan oleh wanita dari DAP ini adalah kursus mengenai *gentle sensitising*. Bagi *gentle sensitising course* di kalangan pegawai kerajaan dan juga mungkin Yang Berhormat lelaki di Dewan yang mulia ini supaya mereka lebih faham apa yang sebenarnya yang dikehendaki oleh wanita. Jadi mereka tidak akan selalu cakap yang bukan-bukan di Parlimen ini supaya perbahasan mengenai isu wanita ini akan lebih bermutu pada masa yang akan datang. Jadi mungkin kursus dan juga *workshop* seperti ini boleh diadakan kepada *Back-benchers* Barisan Nasional untuk meningkatkan sensitiviti mereka terhadap keperluan dan juga hasrat wanita dan memahami apa masalah yang benar-benar dihadapi oleh wanita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Sri Gading berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Dato' Pengerusi. Terima kasih kepada ahli Parlimen yang comel, cantik rupawan ini daripada Seputeh, ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalannya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tertarik hati, saya kenal wanita ni pun banyak sudah, berpuluh tahun hidup dengan wanita. Apabila disoal lelaki tidak pernah faham apa yang wanita hendak saya pun macam bingung juga. Puas saya bersama dengan perempuan ini yang saya tahu saya faham sangat apa yang perempuan hendak ini, tapi kalau ada yang saya tidak tahulah? Seputeh boleh ajarlah saya apa yang perempuan hendak yang lelaki tidak faham. Pasal selama ini saya sudah faham semua pasal saya pun hidup dengan perempuan sudah lama juga. Jadi apa agaknya yang perempuan hendak yang lelaki tidak faham? Kalau boleh Seputeh beritahu saya?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Sri Gading. Saya ingat yang Sri Gading mungkin kenal banyak ramai wanita, tapi tidak tahu macam mana menghormati wanita. Apa yang kita perlu sekarang adalah penghormatan daripada dan juga penerimaan daripada seluruh masyarakat dan juga layanan yang saksama, tapi bila saya bangkitkan isu pilihan suami bagi wanita untuk pilih siapa yang dia hendak kahwin, jangan bagi kerajaan yang memutuskan sama ada ini profesional dari negeri asing baru boleh kahwin dan kalau pekerja Bangladesh ini diketepikan, ini ditolak. Jadi saya rasa ini bukan satu sikap hormat terhadap wanita. Bagi wanita satu pilihan, bagi dia pilih apa yang dia suka. Ini adalah penghormatan yang kita amat perlukan dan juga di dalam hati kesemua wanita di seluruh dunia termasuk Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Sipitang, selepas ini menteri menjawab.

4.40 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya ingin mengambil sedikit bahagian di bawah B.41, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, di bawah 03000 Jabatan Pembangunan Wanita.

Saya simpati dengan menteri yang bekerja berseorangan sebagai meneraju kementerian ini yang menjaga lebih separuh daripada penduduk Malaysia. Namun demikian, sebenarnya hal ehwal wanita ini telah lama wujud dan telah ditadbir oleh jabatan-jabatan tertentu dan juga persatuan-persatuan sama ada persatuan politik ataupun persatuan NGO seperti yang di katakan oleh Arau tadi.

Apakah rancangan kementerian untuk mengerakkan semua persatuan yang ada kaitan dengan aktiviti wanita ini? Apakah ia akan diselaraskan ataupun ada satu badan yang akan mengatur supaya penyaluran informasi dan juga aktiviti dan juga menyelesai masalah wanita itu boleh disalurkan melalui pertubuhan-pertubuhan yang menjaga hal ehwal wanita ini? Saya menyatakan demikian ialah misalnya dalam pertubuhan siasah sendiri, setiap parti politik ada cabang wanita misalnya, UMNO sendiri ada pergerakan wanita UMNO dan ada pergerakan puteri UMNO yang mana khidmat ini kebanyakannya adalah untuk wanita.

Di peringkat negeri ada berbagai-bagai persatuan wanita misalnya persatuan isteri-isteri kakitangan kerajaan, misalnya PUSPANITA - di sana menyebut di Sabah PUSPANITA. Kemudian ada pertubuhan-pertubuhan wanita yang berunsurkan agama misalnya pertubuhan wanita usia, majlis perundingan wanita negeri dan berbagai-bagai persatuan. Seharusnya ini digembleng, disusun supaya dapat dimaksimumkan aktiviti wanita ini. Saya setuju supaya menteri menyelaraskan dan diberi peruntukan untuk membantu persatuan-persatuan ini dan memang perlu setiap negeri seperti yang dicadangkan tadi, ada satu agensi di bawah kementerian ini yang menyelaraskan aktiviti-aktiviti ini kerana di negeri-negeri tertentu persatuan wanita ini tidak sama, misalnya di Sabah aktiviti persatuan wanita lain di Sarawak lain begitu juga dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Saya minta penjelasan daripada kementerian apakah kementerian bercadang untuk menyelaraskan aktiviti ini sama ada menerima *feedback* - dengan izin -informasi daripada bawah dan juga menyalurkan aktiviti itu supaya maklumat dan juga aktiviti wanita itu dapat disalurkan? Misalnya di kawasan di peringkat kampung sendiri banyak dari segi infrastrukturnya sudah ada bangunan pusat giat wanita, sudah ada bangunan untuk pertubuhan wanita yang mana ini boleh digunakan untuk kebaikan wanita.

Dato' Pengerusi, di bawah pembangunan 0300 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga, saya tidak tahu sama ada ini berkaitan dengan kesejahteraan Pembangunan Keluarga tadi. Saya tidak bersetuju dengan Batu Gajah tadi yang sewenang-wenang membenarkan wanita kita memilih sesuka hati kekasih mereka tanpa melihat latar belakang kerana kalau ini berleluasa, ini tidak melindungi rakyat Malaysia keseluruhan kerana baka yang mungkin dihasilkan daripada pemilihan rambang latar belakang yang tidak baik akan menjadikan rakyat Malaysia satu baka yang tidak baik nanti. Ini soal baka kita memilih. Kalau ingin memilih suami sebab itu kita menyarankan supaya dalam agama pun pilihlah suami yang baik-baik, keturunan yang baik-baik, kesihatan yang baik, supaya baka yang dilahirkan itu adalah baka yang baik.

Mengenai dengan masalah memilih suami ini tadi saya mintalah kementerian supaya menekankan perkara ini sedalam-dalamnya supaya jangan menimbulkan masalah di kemudian hari.

Saya ada masa lagi, Dato' Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Seputeh berdiri. Yang Berhormat hendak bagi atau tidak hendak bagi?...Ya, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Dato' Pengerusi dan terima kasih Sipitang.

Saya ingin tanya pendapat dengan Sipitang, kita lihat ada ramai lelaki di Malaysia di mana mereka berkahwin dengan pekerja asing wanita yang bekerja di Malaysia dan perkahwinan ini mereka boleh mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan dengan senangnya. Bukankah ini satu *double standard* yang wujud di negara kita yang mana harus diperbetulkan?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak tahu itu mungkin kes-kes tertentu, tapi dasarnya ialah kita tidak menggalakkan wanita kita teraniaya oleh lelaki ataupun lelaki yang tidak bertanggungjawab ataupun pendatang.

Saya ingin mengambil contoh misalnya, sebab itu saya tekankan tadi bahawa kementerian ini mesti menekankan bahawa bila ingin berkahwin, janganlah perkahwinan itu menimbulkan masalah di masa hadapan. Ini yang kita ingin tekankan. Saya ada beberapa kes, Dato' Pengerusi. Ada berjumpa dengan saya seorang wanita, berkahwin dengan seorang lelaki pendatang haram, pendatang tanpa izin.

Beliau ada dua orang anak, suaminya adalah seorang yang tidak bertanggungjawab, tidak ada pekerjaan, tidak langsung mempedulikan isterinya. Dan apabila suami ini telah ditangkap dan dihantar pulang, tinggallah isteri ini terhuyung-hayang tanpa ada pembelaan. Saya sebagai Wakil Rakyat, dia berjumpa dengan saya minta perbelanjaan. Dan yang paling malang sekali ialah anak ini. Bagaimana dengan soal kasih sayang? Bagaimana dengan soal pengurusan pembesaran anak-anak tersebut?

Jadi perkara inilah yang kita tidak mahu berlaku. Saya mohonlah apakah perancangan kementerian ini untuk menerangkan kepada wanita-wanita ini dalam soal-soal kesejahteraan hidup dan kebahagiaan berkeluarga. Ini perlu juga ditekankan kerana masalah-masalah yang timbul kemudian amat sukar diselesaikan dan ini menimbulkan kekeliruan dan juga huru hara dalam keluarga.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau berdiri. Sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang.

Saya tadi mendengar apa yang disebutkan oleh rakan-rakan daripada pembangkang, sebenarnya untuk menjaga kepentingan negara, saya rasa kita tidak boleh memberikan pandangan sekadar menimbangkan perasaan tetapi harus menimbangkan kepada kepentingan umum. Saya merasakan bahawa beberapa peraturan yang dibuat baru-baru ini membenarkan wanita Malaysia berkahwin dengan lelaki luar. Perlu ada peraturan-peraturan tertentu untuk melindungi negara, itu saya bersetuju.

Yang keduanya juga kita juga harus menimbangkan dalam fitrah kehidupan manusia, bila kita melihat lelaki dan wanita harus dilihat sebagai fitrah kehidupan. Selalunya lelaki yang *tackle* perempuan, lelaki yang *tackle* wanita, dengan izin. Jadi ada ketikanya lelaki ini cuba memikat wanita bukan kerana dia hendakkan wanita itu tetapi ada kepentingan-kepentingan yang lain, mungkin hendakkan *citizenship*, atau mungkin hendak tumpang keadaan negara kita. Ini yang harus dilindungi, saya rasa. Saya bersetuju dari segi itu dan mungkin rakan-rakan daripada pembangkang harus memikirkan perkara ini. Ini bukan perkara *women's rights,* tetapi kepentingan yang lebih besar yang harus kita lihat. Adakah Yang Berhormat bersetuju apa yang saya sebutkan tadi?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau sebab itulah saya tekankan tadi bahawa soal kesejahteraan keluarga adalah soal kepentingan negara. Jikalau ini perasaan peribadi saya difikirkan, misalnya saya sendiri, saya pernah belajar di luar negara, saya pernah pergi ke Itali. Perempuan Itali tidak kurang cantiknya, hebat, sama tingginya dengan kita, kulitnya cantik, hidung dan rupa parasnya cantik. Begitu juga dengan gadis Selatan Sepanyol - Yang Berhormat bagi Arau tahu - tetapi permasalahan yang timbul kemudian termasuklah hubungan keluarga, soal anak-anak, soal kebudayaan dan pelbagai lagi. Akhirnya saya pilih orang kampung juga, bahagia, alhamdulillah sampai sekarang. Yang Berhormat bagi Arau tahu.

Jadi inilah yang kita inginkan, Yang Berhormat tidak faham.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak bagi peluanglah sebab dia sudah bangun dua tiga kali. Saya menghormati Tuan Pengerusi, jadi saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab Menteri dalam masa setengah jam.

4.58 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada kaum muslimin dan muslimat dan "Selamat Hari Raya". Kepada semua juga, saya ingin mengucapkan terima kasih terutama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sekian lama sejak 17 Januari tahun ini di mana pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang perwujudan kementerian dan saya angkat sumpah pada 30 Jun, kementerian ini dapat kita wujudkan dan asasnya diperkukuhkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebenarnya perjalanan di kementerian hanyalah tujuh bulan sahaja kerana pada bulan Mei barulah satu Ketua Setiausaha dihantar ke kementerian. Jadi kalau kita kiralah, tujuh bulan perjalanan kementerian, tetapi oleh kerana mendapat sokongan semua dan saya nampak bahawa pihak pembangkang pun memberi sokongan - alhamdulillah cuma ada satu dua sahaja yang tidak bekerjasama tetapi alhamdulillah - saya nampak bahawa isu wanita mampu kita dengan izin, *transgress the lines of politics,* alhamdulillah.

Saya ingin maklumkan bahawa objektif kementerian ini adalah untuk mencapai kesaksamaan *gender* dan institusi kekeluargaan yang mantap sebagai asas utama pembangunan masyarakat ke arah pembentukan sebuah negara maju. Dalam kita menjalankan dan kita menentukan bahawa objektif dan misi kementerian ini dijayakan, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian mengambil tiga pendekatan.

Pertama, pihak kementerian memberi perhatian utama kepada perundangan, polisi dan peraturan kerajaan yang ada kerana kita percaya jika isu-isu ini diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya diambil, seramai mungkin wanita Malaysia akan dapat manfaat daripadanya, pertama. Jadi Batu Gajah - dengar tidak itu Batu Gajah? Tadi Batu Gajah sudah kata mengapa kita buat program yang lain-lain, wanita hari wanita. Saya hendak tanya kepada Batu Gajah: Sebagai seorang wanita, tidakkah seronok Batu Gajah apabila kerajaan memberi penghormatan kepada wanita? Betul tidak? Sampai bila kita hendak buat program wanita di tempat-tempat yang kecil ataupun hendak buat dalam hutan banat? Tidak, Yang Berhormat! Selagi saya jadi Menteri, insya-Allah dengan izin, *nothing but the best for* wanita! Jadi jangan khuatir, peruntukan yang diberi oleh kerajaan, kita jalankan kerja kita setakat mana yang diperuntukkan. Kalau kita hendak lebih, kita cari *sponsor,* ramai lagi ada di luar itu, cuma janjinya ramai wanita dapat manfaat daripadanya.

Jadi kepada Batu Gajah - saya ada jemput Batu Gajah tetapi tidak hadir pun - lebih kurang 5,000 wanita daripada seluruh pelosok negara ini, Yang Berhormat, yang hadir di Kuala Lumpur tetapi mana dia Yang Berhormat pada hari itu? Kerana program yang kita ada Hari Wanita bukan hanya keramaian, pertama kita memberi pengiktirafan kepada perjuangan wanita di negara ini. Jangan sesiapa terutama pembangkang hendak menidakkan wanita di sini!

Keduanya, kita ada persidangan. Persidangan itu ialah untuk kita duduk bersama-sama dengan semua pihak, bincang dan untuk kita membuat satu garis panduan perjuangan kementerian pada tahun akan datang. Ini saya hendak bagi *clear* supaya jangan lagi Yang Berhormat bangkitkan perkara-perkara begitu dan tidak menghormati wanita Malaysia ini. Saya ingin.....

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: *Sorry* Yang Berhormat ya, tidak ada masa untuk saya memberi laluan, ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kesemua enam-enam Ahli Yang Berhormat yang .....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: *Sorry*, tidak ada masa ya. ..... kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan. Kepada Pokok Sena, saya mengucapkan terima kasih kepada Pokok Sena kerana nampak gayanya begitu prihatin tentang isu wanita. Cuma saya pun ada soalan untuk Yang Berhormat: Parti Yang Berhormat mewakili itu, apa dia perjuangan parti untuk wanita Malaysia? Kita kerajaan hebat, Yang Berhormat. Sebab apa? Kita meletakkan agenda wanita di satu tahap yang paling tinggi. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, jangan susah hati, wanita Malaysia yang tua.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: *No* jalan Yang Berhormat, minta maaf ya. *[Disampuk]* Susahlah, Yang Berhormat janganlah kacau saya. Saya hendak kacau Yang Berhormat lepas ini, ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*. Saya pun ada program yang saya hendak bagi ini.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tidak apa, lepas itu buatlah, tulislah satu surat pada saya. Betul tidak?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Jadi Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa di Malaysia ini....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri, jangan minta penjelasan macam itu. Bila kita cakap mencabar macam itu, dia orang hendak menjawab. Jelaskan dengan betul.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: *[Ketawa]* Okey, Yang Berhormat, di Malaysia ini sebenarnya wanita Malaysia terdiri daripada mereka yang mempunyai pendirian dan pemikiran sendiri. Jadi kalau mereka telah pun membuat keputusan bahawa hendak mencari pasangan hidup itu memang susah, jadi saya rasa susah juga untuk kementerian kita mencampuri hal ehwal peribadi. Saya syak bahawa salah satu sebab ialah kerana wanita di alaf ini, mereka mencari pasangan hidup yang sesuai, yang berkualiti. Jadi kalau macam dahulu kita tengok, "Tangkap maut" atau -Tangkap muat"? Siapa sahaja pun dia pukul bolehlah. Emak kata kahwin, dia pun tidak pernah tengok pasangan, hari kahwin baru jumpa, kalau rupa perangai macam Yang Berhormat, apa hendak buat? *[Ketawa]* Betul tidak? Sudah diijab kabulkan.

Tetapi hari ini, Yang Berhormat, wanita mempunyai peluang untuk memilih. Jadi hendak pilih daripada Yang Berhormat Mat Sabu kah? Atau Yang Berhormat Mahfuz kah? Tidak tahu. Tengok-tengok dua-dua pun nampak macam berat sedikit, biarlah hidup berseorangan seumur hidup *[Ketawa]*. Jadi itulah, sebab Sri Gading sudah empunya.

Jadi, oleh kerana itu Yang Berhormat, pada alaf ini wanita mahu membuat keputusannya sendiri, maka saya rasa bahawa kita mesti memberi penghormatan kepada wanita. Cuma, memang kita bimbang kalau semua wanita mengambil keputusan tidak mahu kahwin, apa akan jadi kepada negara? Sebab itulah, kita mempunyai kempen-kempen.

Saya percaya bahawa pada tahun-tahun akan datang Yang Berhormat, kempen-kempen kita mungkin akan lebih kreatif. Tetapi beberapa tahun ya Kempen Keluarga Bahagia, Rumahku Syurgaku dan lain-lain mendapat kejayaan yang baik Yang Berhormat. Cuma, saya akur bahawa mungkin pada tahun-tahun yang akan datang, kita akan ada pendekatan baru, cara baru. Tetapi janjinya kaum bapa di

Malaysia ini pun, mestilah dengan izin, *take the challenge*. Betul tidak Seputeh? *[Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Seputeh] They must rise to the occasion* dengan izin dan mereka mesti tahu apa dia wanita alaf ini memerlukan atau mahu daripada mereka. Jadi, kalau tidak saya nampak bahawa kerana ramai wanita Malaysia, 50% daripada mereka bekerja, berpendapatan sendiri, malah angkanya hendak hampir sejuta di Malaysia, lebih kurang RM900,000 wanita menjadi ketua keluarga.

Jadi mereka tanya, leceh sangat hendak kahwin, duit kena belanja sendiri, hendak jaga sendiri. Sudah kahwin, lepas seminggu lari, tinggal mereka. Susah-susah, tidak payahlah kahwin. Jadi, sebab itu di bawah kerajaan ini Yang Berhormat, wanita mendapat beberapa..., bertuahlah saya kata, sebab apa, kerja boleh, buat keputusan boleh, diberi ruang untuk membuat pilihan. Kalaulah kita ada kerajaan yang tidak menghormati wanita seperti Taliban misal katalah ya di Afghanistan, saya rasa menangis air mata berdarah nanti wanita Malaysia.

Sebab itu, kita wanita Malaysia jangan ambil sambil lewa perkara kebebasan dan kemajuan wanita sebab silap pilih kerajaan, lihat sahaja apa akan berlaku kepada wanita Malaysia. Itulah Yang Berhormat, saya percaya bahawa Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen, bolehlah menentukan bahawa kaum bapa daripada golongan parti pembangkang misal kata, prestasi mereka mesti dinaikkan sedikit supaya mereka faham tentang cita rasa wanita Malaysia. Terima kasih saya mengucapkan kepada Yang Berhormat.

Selain daripada itu.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya rasa, saya sudah jawab sudah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Dengan kesan sosial dan lain-lain bahawa.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya menyatakan Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Ini bukan bermakna wanita yang tidak berkahwin, yang mewujudkan masalah sosial. Sebenarnya, pada alaf ini Yang Berhormat, saya melihat ramai daripada wanita, walaupun mereka berkahwin dalam usia yang lanjut, mereka masih mampu melahirkan anak-anak kerana kalau kita lihat *mortality rate* dan juga jangka hidup hayat wanita telah meningkat kepada lebih kurang 75 tahun dan ramai daripada wanita pada zaman ini, mereka berkahwin dengan lelaki yang lebih muda daripada mereka. Ini saya nampak adalah satu fenomena. Jadi, kalau kaum bapa yang umur generasi Yang Berhormat tidak jaga-jaga, wanita yang berumur sikit, mereka akan cari yang lebih muda.

Jadi, selain daripada itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk jawatan Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen, bukanlah kuasa atau *prerogative* kementerian. Langsung kita tidak ada kuasa Ini adalah kuasa dan *prerogative* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun].*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Oh ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak minta penjelasan.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Oklah, satu sahaja Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak berlaku adil wanita ini. Ini, wanita Barisan Nasional macam mana ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat kata tadi ada satu *trend* baru sekarang, wanita yang berumur kahwin dengan lelaki yang lebih muda.

Seorang Ahli: Baguslah itu. Baguslah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, wanita muda agaknya kahwin dengan lelaki yang lebih tua atau macamana? Apakah Yang Berhormat ada angka inikah? Lelaki muda kahwin perempuan tua, perempuan muda kahwin dengan lelaki yang berumur dan mana yang lebih bahagia? Yang lelaki tua kahwin dengan perempuan muda lebih bahagia ataupun perempuan tuan kahwin dengan lelaki muda lebih berbahagia? Itu agak-agak, mana yang lebih bahagia? Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, sebenarnya kita semua mesti, tepuk dada tanya selera sendiri. Kita memang tidak ada angka. Apa yang saya katakan ialah satu *observation* sahaja. Tetapi, mungkin kita akan membuat sedikit kajian kerana di antara tugas LPPKN ialah untuk kita melihat *trend* di dalam isu-isu pembangunan keluarga. Cuma, saya katakan kalau pada zaman dahulu jarang kita hendak cari pasangan seperti itu tetapi hari ini tidak mustahil langsung tentang perkara ini berlaku.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya katakan pelantikan.....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah berdiri Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Oklah, untuk supaya saya tidak dikatakan tidak saksama, *last question* ya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, yang terakhir Yang Berhormat. Sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Mikrofon tidak berfungsi]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Kedah, ya sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tidak bunyi suara.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih Menteri yang cantik macam Juhi Chawla *[Ketawa]*. Saya ingin bertanya, tadi soalan saya kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena tetapi hendaklah dihuraikan oleh Menteri iaitu Lee Kuan Yew sehingga menulis dalam bukunya masalah wanita profesional di Singapura tidak mahu kahwin sehingga Lee Kuan Yew terpaksa import lelaki terutama daripada Selatan Rusia untuk masuk berkahwin dengan wanita-wanita profesional di Singapura. Ini masalah serius yang dihadapi oleh Singapura sekarang. Apakah langkah diambil oleh kementerian supaya masalah wanita profesional tidak mahu berkahwin seperti di Singapura tidak melanda Malaysia. Sebab di Parlimen ini pun, saya nampak banyak yang tidak kahwin lagi *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]* Saya pun ada persoalan terhadap masalah ini. Terima kasih

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Pengerusi, buat masa ini memang kementerian tidak ada di dalam perancangan kita untuk mengadakan program-program seperti mana yang diadakan di Singapura yang dinamakan *Love Boat* dan lain-lain. Tetapi, apabila dirasakan sudah tiba masanya untuk kita mengadakan

program atau kempen, insya-Allah kita akan buatlah dan mungkin saya jemput Yang Berhormat untuk menjadi salah seorang penasihat. Ini kerana Yang Berhormat, pada masa ini kita memberi perhatian kepada program untuk pembangunan keluarga kerana kita khuatir bahawa institusi keluarga yang wujud pada hari ini, kita hendak menentukan bahawa ianya akan dipertahankan.

Itu adalah isu yang paling berbahaya dan merumitkan. Jadi, untuk tahun yang akan datang, akan kita beri perhatian kepada isu untuk mempertahankan institusi keluarga. Selain daripada itu, kerana kita percaya bahawa wanita Malaysia terutama mereka yang profesional, mereka tahulah macam mana hendak hidup dan apa langkah-langkah yang perlu diambil. Ini kerana, seperti mana yang saya katakan, mereka ada pilihan sekarang Yang Berhormat. Mereka bekerja, mereka boleh buat pilihan. Yang mana tidak sesuai, mereka tidak mahu. Mereka tidak mahu calon tangkap muat. Jadi, mereka tidak mahu *nothing but the best* dengan izin. Jadi kepada saya, ini adalah satu cabaran kepada kaum bapa di negara Malaysia dan saya percaya bahawa kaum bapa di Malaysia tidak akan menghampakan kaum wanita.

Berbalik kepada soalan daripada Yang Berhormat bagi Arau, jawatan di kementerian Yang Berhormat, saya nyatakan di sini bahawa....., *alhamdulillah*, kita telah pun mendapat beberapa jawatan walaupun bolehlah kita meningkatkannya. Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, kita mempunyai jawatan yang diluluskan ialah 69 tetapi yang diisi ialah hanya 38. Jadi, yang kosong ialah 31. Di Jabatan Pembangunan Wanita atau HAWA, perjawatan yang diluluskan 41, diisi 26. Jadi, ada kosong 15. Di LPPKN, perjawatan ialah 1,156, diisi hanya 691 dan kosong 465. Jadi, saya percaya bahawa dengan.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Arau hendak minta jalan?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh, duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apa ini? Tidak adil ini. Ini wanita BN apa macam ini...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masa panjang sebab itu saya minta hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Disebut tadi bahawa 60 lebih jawatan yang diisi 30, adakah kementerian akan menimbangkan pekerja-pekerja sememangnya yang ada sekarang ini dengan HAWA di negeri-negeri kerana pekerja sementara yang kita ambil ini ialah mereka yang berkelulusan di sesetengah negeri yang mempunyai ijazah daripada universiti.

Saya berharap supaya pihak kementerian dapat memberi perhatian ke mereka yang telah bersedia bertugas dengan HAWA tetapi jawatan itu sementara. Apabila ada kementerian, saya harap mereka ini tidaklah diketepikan. Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, saya ingin nyatakan di sini bahawa keputusan diambil bukan dari Kementerian tetapi daripada pihak JPA tetapi saya rasa bahawa prestasi pencapaian kita baik kalau kita fikir kementerian ini berfungsi, mula daripada kehadiran Ketua Setiausaha, iaitu bulan Mei.

Jadi dalam masa tujuh bulan jika kita boleh wujudkan jawatan dan pengisiannya, kepada saya prestasi yang baik dan kita selalu mempunyai dialog dan perjumpaan dengan pihak JPA dan mereka sedang mencari calon-calon yang memenuhi kaedah-kaedah ini dan sebenarnya pada masa ini pun kita mempunyai beberapa pegawai yang dikatakan 'sangkut' atau kontrak bersama kementerian. Saya rasa dalam masa beberapa bulan ini apabila dapat *signal -go a head* daripada JPA, sama ada pegawai itu sangkut kah, kontrak kah atau yang mana yang mampu memberi sumbangan, insya-Allah dapat kita isikan.

Saya ingin menjawab juga tentang soalan yang Yang Berhormat tadi tentang perwujudan HAWA di peringkat negeri dan Kawasan Parlimen. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian, kita telah pun meminta secara rasmi

perwujudan Pejabat Pembangunan Wanita di peringkat negeri dan saya difahamkan bahawa dalam masa terdekat kita akan dapat keputusan.

Saya rasa Yang Berhormat bahawa pihak JPA akan memberi kelulusan. Saya berdoa kita dapat kelulusan kerana saya setuju dengan Yang Berhormat, kalau tidak ada jabatan-jabatan di negeri-negeri maka memang susah untuk kementerian menjalankan tugas dan tanggungjawabnya kerana di Malaysia, kita pada hari ini ada lebih kurang seramai 11.4 juta orang wanita. Jikalau ada perwujudan jabatan ini malah kalau dapatlah pegawai-pegawai bagi Kawasan Parlimen bukan hanya *district,* saya rasa bertuahlah kementerian.

Namun begitu ini adalah perjuangan di kementerian. Jadi kalau dalam masa enam bulan lagi dapat kita persetujuan untuk penubuhan HAWA Negeri, lepas itu kita berjuang lagi untuk mungkin HAWA Daerah dan Parlimen, saya rasa selepas itu kementerian ini boleh dengan izin, *take off,* insya-Allah. Tetapi kita ada kita punya pelan tindakan dari segi pentadbiran.

Tentang pewujudan Kompleks Kasih, saya ingin nyatakan di sini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan Yang Berhormat ya, kita akan membina insya-Allah 29 Kompleks Kasih. Pada masa ini kita dapat bina satu. Ya, satu sahaja.

Kompleks Kasih ini adalah satu pusat secara *integrated* di mana kita akan ada tempat-tempat ini ialah untuk kaunseling, untuk *reproductive health* - kesihatan reproduktif, untuk kegiatan pembangunan keluarga, program-program kementerian melalui LPPKN.

Saya percaya bahawa dalam masa terdekat, kita mempunyai beberapa fasa pembinaannya. Dalam masa terdekat, setidak-tidaknya dalam masa Rancangan Malaysia Kelapan, insya-Allah 29, ini perancangan kita, 29 Kompleks Kasih akan dibina di seluruh negara. Ini bermakna bahawa di Perlis pun insya-Allah akan wujudnya satu Kompleks Kasih.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana selalu mengambil berat tentang isu-isu wanita dan kepada soalan tentang NGO-NGO wanita, kita sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada NGO wanita.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang diberi disalurkan kepada NGO supaya ia akan menjadi satu suntikan positif untuk menggerakkan NGO-NGO wanita. Saya lihat bahawa pemimpin-pemimpin wanita ataupun semua pemimpin, ada pun pemimpin kaum bapa yang aktif dalam isu-isu wanita mereka menjalankan tugas dengan begitu baik, cuma peruntukan tidaklah begitu banyak maka tidak dapat kita agihkan kepada semua persatuan.

Apa yang dilakukan ialah kita sedang *develop* satu modul di mana kita pada tahun akan datang, walaupun peruntukan kita terlalu kecil sekali Yang Berhormat, begitu kecil sekali ya, namun begitu kita akan teruskan program. Kita akan *sectorise* bidang-bidang di mana kita akan memberi pengkhususan. Misal kata dalam bidang ICT atau pun keusahawanan, ataupun literasi undang-undang dan lain-lain supaya lebih ramai wanita terutama di luar bandar dan kalau di bandar, di setinggan, ibu-ibu tunggal dan lain-lain akan dapat manfaat daripada peruntukan yang kecil yang diterima daripada Perbendaharaan.

Kemudian Yang Berhormat bagi Kapar, saya dan semua pegawai daripada kementerian, kita mengambil perhatian tentang isu yang Yang Berhormat bangkitkan malah untuk makluman Yang Berhormat, saya pun memang rasa bimbang dengan fenomena peningkatan ibu tunggal yang ada pada hari ini.

Saya tidak tahulah apa yang sedang berlaku ini. Bagaimana di Malaysia ini kita boleh mendapati peningkatan angka ibu-ibu tunggal. Saya hendak salahkan kaum bapa pula nanti, mungkin itu tidak....., kita perlulah buat kajian tetapi ini adalah satu perkara yang harus kita semua kaum bapa dan kaum hawa kita mesti memikir bersama bagaimana angka untuk ibu tunggal ini kian meningkat setiap hari. Apa sedang berlaku kepada institusi keluarga di negara kita ini.

Untuk ibu tunggal Yang Berhormat, kita seperti mana yang saya kata, di antara peruntukan yang diberi ialah untuk wanita kaum India seperti mana kaum-kaum yang lain dan pada tahun akan datang, kita akan tentukan kita akan adakan beberapa program wanita India khususnya di bidang perladangan.

Saya hendak nyatakan di sini bahawa ramai daripada kita termasuk Ahli Yang Berhormat yang mungkin tidak sedar bahawa kementerian yang baru ini kita tidak mempunyai peruntukan apa-apa untuk diberi kepada ibu tunggal atau mana-mana wanita kerana kita hanya dapat peruntukan yang kecil untuk menggerakkan program NGO. Kita tidak ada seringgit pun untuk diberi kepada ibu tunggal untuk membantu mereka dalam kehidupan harian. Tetapi kita mengambil maklum bahawa di antara keperluan wanita terutama ibu tunggal ialah bantuan kewangan kerana boleh dikata 100% daripada masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal di negara ini ialah, mungkin ada di antara mereka yang tidak mempunyai pekerjaan, tidak cukup sumber kewangan. bekas suami tidak memberi nafkah, anak tidak mendapat perlindungan, tidak ada duit untuk hantar anak ke sekolah dan lain-lain.

Saya dan semua pegawai di kementerian, kita hendak mencari jalan bagaimana kita hendak membantu ibu tunggal yang ada. Setahu saya, buat masa ini sehingga kini bantuan kebajikan yang diberi hanyalah melalui Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat. Jadi kalau ada yang rasa hendak minta peruntukan daripada kementerian untuk ibu tunggal diberi bantuan, memang kita tidak mempunyai kuasa dan wang untuk membantu ibu tunggal dalam cara itu. Tetapi kita mampu untuk membantu ibu-ibu tunggal melalui Persatuan Ibu-ibu Tunggal untuk mengadakan program. Program-program sokongan sama ada mereka hendak belajar sedikit sebanyak tentang kemahiran dan lain-lain. Ini kementerian boleh membantu. Tetapi kalau hendak wang bantuan untuk mereka atau anak-anak memang mereka tidak harus datang di kementerian ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Oklah Batang Lupar, sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak bertanya sedikit sahaja, persatuan ibu tunggal ini, di Kuching ada mempunyai persatuan ibu tunggal, tetapi yang saya difahamkan bahawa persatuan ibu tunggal yang ada di Kuching itu kalau inilah satu gambaran mungkin mengecewakan sedikit, mereka ini segolongan yang glamour, orang yang banyak duit, jadi kalau kita mencadangkan kepada mereka supaya membawa ibu tunggal yang perlu bantuan, yang perlu dorongan, yang perlu motivasi, mereka tidak mahu oleh kerana mereka duduk di atas iaitu peringkat pemikiran, peringkat kedudukan sosial dan ekonomi mereka di peringkat atas.

Jadi, mereka tidak hendak melayan orang yang peringkat bawah, orang yang terdesak, orang yang papa kedana, orang yang susah, semua tidak hendak. Jadi apa tindakan kementerian supaya persatuan ibu tunggal tidak menjadi satu golongan elit yang mungkin di atas sosial yang mungkin tinggi daripada peringkat Ahli Parlimen itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Pengerusi, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa setakat ini pihak kementerian dimaklumkan bahawa kita ada lebih kurang 13 persatuan ibu tunggal yang kita tahu, saya rasa ada kelab-kelab yang lain di mana ibu-ibu tunggal diberi perhatian, dan seperti Yang Berhormat kata, mungkin ada satu, dua daripada persatuan ini yang mempunyai sikap seperti mana Yang Berhormat kata, kita pun sebagai kementerian yang mengawasi persatuan-persatuan ini, kita tidak mahulah ada pemimpin-pemimpin sebegitu rupa.

Namun begitu, di dalam beberapa bulan kita bekerjasama dengan mereka, saya dapati bahawa boleh katakan kebanyakan daripada pemimpin persatuan ibu tunggal, mereka betul-betul mahu menolong wanita-wanita yang lain.

Oleh kerana itu, pihak kementerian telah pun mengambil inisiatif, kita telah panggil semua pengerusi persatuan-persatuan ini, kita menasihati mereka supaya mewujudkan satu majlis kebangsaan di mana majlis ini akan berurusan dengan kementerian supaya dapat kita bersama-sama kita *identify* apa dia masalah yang dihadapi walaupun kita memang tahulah apa masalah yang dihadapi, dan cara untuk menanganinya dan saya percaya bahawa dengan wujudnya majlis ini, saya kira dalam beberapa bulan yang akan datang dapat diwujudkan satu protem committee kebangsaan maka isu ibu tunggal ini dapatlah kita ringankan.

Salah satu isu yang saya rasa perlu perhatian kementerian kita akan beri agenda utama ialah pendaftaran ibu tunggal, hari ini memang kita tidak ada satu mekanisme yang memuaskan hati, cuma yang kita ada apa yang melalui Jabatan Statistik di mana ketua isi rumah sahaja. Tetapi itu termasuk wanita yang masih berkahwin, tetapi terpaksa menjaga keluarga kerana suaminya sakit misal kata, ataupun wanita yang tidak berkahwin tetapi dia juga menjadi ketua isi keluarga.

Jadi, insya-Allah, kita akan mencari satu mekanisme yang lebih tersusun untuk kita dapat tahu berapa sebenarnya angka ibu tunggal yang ada di negara ini. Saya dan kementerian akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain untuk menentukan dalam masa terdekat dapatlah kita angka yang benar-benar mencerminkan keadaan di negara kita ini.

Kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Seputeh, saya hendak sebut isu suami warga asing. Saya ingin pertamanya, tentang isu mencapai kesaksamaan gender, kursus-kursus untuk gender sensitization akan menjadi salah satu kursus utama yang akan dianjurkan oleh kementerian di seluruh negara.

Saya minta kerjasama daripada semua bahawa dapatlah kita bersama-sama menjalankan program ini, memang bukan mudah hendak gender sensitized the whole nation, dengan izin, tetapi kementerian akan mengambil cabaran itu.

Bagi pindaan Perkara 82 tentang suami asing ini dan undang-undang yang berikutannya, saya ingin menyatakan di sini bahawa pada sambutan Hari Wanita baru-baru ini, Menteri Dalam Negeri telah pun membuat satu pengumuman bahawa kerajaan akan mengkaji isu yang kementerian minta bahawa supaya memberi kelonggaran kepada wanita jika mereka berkahwin dengan secara mengikut undang-undang dan mereka ingin membawa suami mereka pulang ke Malaysia, mereka seharusnya diberi penghormatan kerana ini adalah salah satu daripada aspek kesaksamaan gender.

Perjuangan kementerian kita adalah perjuangan untuk kesaksamaan gender, namun begitu apabila kementerian mengadakan beberapa mesyuarat dengan pegawai-pegawai tertentu di Jabatan Imigresen dan lain-lain, kita dimaklumkan bahawa isu Imigresen bukanlah satu isu yang boleh diremeh-temehkan, oleh kerana di mana-mana negara di seluruh dunia sekali pun, kalau kita lihat di Amerika, di England dan negara Eropah bukan mudah untuk mana-mana wanita, dengan izin, no matter how equal they are, dengan izin, tetapi isu Imigresen akan ambil precedent kerana setiap negara mempunyai immigration policynya, seperti mana beberapa Ahli Yang Berhormat perkatakan bahawa jangan pula bukan hanya undang-undang tentang wanita tetapi undang-undang yang lain pun jangan menjejaskan keselamatan negara dan isu-isu imigresen. Jadi kita masih di dalam pertemuan, perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri, cuma pihak kementerian telah minta bahawa kita mula ada pelan tindakan, kita mula mungkin daripada tahap pertama kalau wanita itu sudah berkahwin, kita minta biarlah ia dibenarkan membawa suaminya pulang, apatah lagi mereka yang profesional kerana argument kita ialah kalau kita di negara ini kita ada dua juta pekerja rakyat asing, kenapa mereka dibenarkan berleluasa di Malaysia, kenapa pula wanita apabila mereka kahwin dengan warga asing, dia tidak boleh bawa suaminya pulang, walaupun kita faham buat masa ini perlu ada beberapa kaedah dan sekatan.

Jadi, ini adalah satu perkara yang begitu sensitif sekali, namun begitu yang mustahak, first phase, fasa pertama Yang Berhormat ya, ialah dengan izin, *to bring him back, so they can bring their husbands back*, itu pertama dapat mereka diberi peluang untuk bekerja, lepas itu *we go on second phase*, bagaimana hendak dapat PR dan lain-lain, sebab saya tahu bahawa sebagai anggota kerajaan, saya juga menghormati *the bigger picture*, dengan izin, bahawa *immigration policy* mana-mana negara begitu sensitif dan mustahak. Namun begitu, perjuangan ini kita akan teruskan, Yang Berhormat.

Akhir sekali tentang isu daripada Seputeh tentang isu *sexual harrasment* ....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tentang isu ..... Oleh kerana kita ada masa sedikit .....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Sudah habis. Okay. Last one ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, satu perkara mengenai diskriminasi undang-undang, jika lelaki Malaysia berkahwin dengan wanita luar, isteri bersalin di luar, dikira anak itu adalah anak warganegara, tetapi wanita Malaysia berkahwin dengan suami luar, melahirkan anak di luar, anak itu tidak dikira sebagai warganegara, saya harap kementerian boleh mengambil perhatian, ini satu diskriminasi saya rasa.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, saya memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tentang isu ini, malah sebab itu kita hari itu perlu mengadakan pindaan Perlembagaan itu. Bila sudah ada itu, maka kita menunggu masa, kita perlu adakan kajian sedikit, tetapi isu Yang Berhormat bangkitkan adalah isu utama yang saya katakan tadi tentang perundangan itu yang akan diberi perhatian.

Cuma saya hendak maklumkan bahawa kementerian kita ini, kita tidak ada apa, kita tidak ada undang-undang, kita tidak ada kuasa, sebab kuasa dan perundangan terletak di dalam kementerian-kementerian yang lain.

Jadi, untuk kita berjaya, kita mesti mendapat kerjasama daripada menteri-menteri yang lain. Jadi, sebab itu kita mewujudkan beberapa jawatankuasa antara kementerian di mana saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, kita pergi ke kementerian-kementerian yang relevan, kita utarakan ini dia, misal kata dengan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, kita kata: "Dato', ini dia tujuh isu wanita di dalam tempat pekerjaan, kita minta kerjasama Yang Berhormat".

Tetapi setakat ini alhamdulillah, saya nampak bahawa apa yang kita minta diberi – alhamdulillah, jadi saya harap bahawa isu Yang Berhormat utarakan tadi akan mendapat perhatian yang sewajarnya.

Akhirnya, tentang isu *sexual harrasment*, saya hendak nyatakan bahawa sebenarnya pada masa ini, dalam rang undang-undang yang ada pada hari ini, Yang Berhormat, dalam Kanun Kesesakan di bawah subseksyen 354, 355 dan 509, ada terdapat beberapa isu untuk *sexual harrasment, outraging of modesty* dan lain-lain ya, cuma saya faham mungkin ada yang berpendapat bahawa ia tidak mencukupi, itu pertama. Bukan tidak ada langsung kaedah-kaedah atau perlindungan untuk wanita, ada dalam *Penal Code,* pertama.

Keduanya, Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan satu kod untuk *sexual harrasment* buat permulaan, sebab kerajaan percaya bahawa pendidikan adalah begitu mustahak sekali. Kalau ada undang-undang pun tetapi budaya sesuatu negara itu, dia ada *sexual harrasment everywhere*, kalau ada undang-undang pun buat apa. Jadi, *step one* ialah pendidikan melalui kod yang ada dan selepas itu barulah kajian diberi. Tapi kita di kementerian kalau didapati ini terbaik untuk wanita kita akan memperjuangkan habis-habisan, cuma *just to give it a bit of time,* dengan izin, saya rasa bahawa benda ini akan menjadi kenyataan, kalau bukan melalui aktanya sendiri mungkin saya dengar ura-ura bahawa *Employment Act* akan dipinda, ini ura-uralah, betul tak betul saya tak tahu, mungkin akan di lihat kembali supaya ada isu *sexual harrasment* ini dimasukkan ke dalam *Employment Act.* Cuma saya ingin nyatakan bahawa *sexual harrasment* adalah salah satu agenda dan Penasihat Undang-undang di kementerian telah pun membuat sedikit sebanyak kajian untuk kita tahu bila yang patut diadakan, sama ada perlu diadakan atau pun cara-cara lain.

Jadi itulah saja, sekali lagi saya ucapkan terima kasih, jika ada apa-apa soalan yang saya tidak terjawab pada hari ini, akan diberi perhatian sewajarnya dan akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada semua di atas sokongan dan kerjasama yang diberi kepada kementerian yang terbaru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM54,721,854 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan

Wang sebanyak RM54,721,854 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,300,000 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM4,300,000 untuk Maksud P.41 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

Maksud B.42 [Jadual] –
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2002] –

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Saya bagi Kepong dulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta maaflah, saya nampak tak ada orang tadi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak dapat saya bagi Batang Lupar...

5.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya memang ada, macam mana tak ada! *[Ketawa]*.

Perpaduan Negara, Tuan Pengerusi, mengenai halaman 1187, Butiran 010000 – Pengurusan. Tuan Pengerusi, *[Dewan riuh]* masalah kita sekarang ini seperti mana tabiat Ahli-Ahli Parlimen di situ tidak kondusif, tidak baik untuk perpaduan negara, walhal saya berikhtiar untuk menolong Dewan yang mulia ini, mereka kacau sahaja. Itu masalah. Masalah kita sekarang Tuan Pengerusi, dengan teknologi komunikasi dan maklumat kita sekarang, ICT, wujudlah masalah.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh sambung esok, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh, boleh. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk, Yang Berhormat. Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.